

# **PRESTASI SEKTOR PERKILANGAN DAN PERKHIDMATAN 2009**

---

## **1. PENGENALAN**

Kelembapan ekonomi dunia yang disebabkan oleh krisis kewangan yang bermula di Amerika Syarikat pada tahun 2007 terus memberi kesan kepada ekonomi dunia pada tahun 2009, terutama ekonomi berorientasi eksport termasuk Malaysia. Sebelum krisis kewangan Amerika Syarikat, Malaysia telah menikmati satu abad pertumbuhan ekonomi yang dipacu oleh sektor perkilangan dan perkhidmatan. Walau bagaimanapun, akibat tekanan ekonomi yang menyusuli kemerosotan mendadak dalam persekitaran ekonomi global dan kewangan antarabangsa, ekonomi Malaysia telah menguncup sebanyak 3.8 peratus pada tiga suku pertama 2009<sup>1</sup>.

Dalam tempoh Januari-September 2009, sektor perkhidmatan mengekalkan pertumbuhannya (1.6%) manakala sektor perkilangan menguncup sebanyak 13.7 peratus disebabkan terutamanya oleh kelembapan dalam industri berorientasikan eksport. Berdasarkan persekitaran luar yang tidak begitu menggalakkan, pertumbuhan dalam tahun 2009 telah disokong terutamanya oleh aktiviti dalam sektor perkhidmatan.

### **Perkilangan**

Perkilangan terus kekal sebagai sektor penting dalam ekonomi. Dalam tempoh sembilan bulan pertama tahun 2009, nilai ditambah sektor perkilangan menurun sebanyak 13.7 peratus berpunca daripada persekitaran luar yang tidak begitu menggalakkan. Sektor ini menyumbang sebanyak 26.8 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dalam tempoh ini. Eksport produk perkilangan menurun sebanyak 14.1 peratus daripada RM432.6 bilion pada

---

<sup>1</sup> Jabatan Perangkaan.

tahun 2008 (Januari-November) kepada RM371.5 bilion pada tahun 2009 (Januari-November), yang menyumbang sebanyak 74.5 peratus kepada jumlah eksport Malaysia bagi tempoh Januari-November 2009. Gunatenaga dalam sektor perkilangan adalah dianggarkan sebanyak 3.3 juta orang atau 28.4 peratus daripada jumlah gunatenaga pada tahun 2009<sup>2</sup>.

Prestasi sektor perkilangan juga digambarkan dalam indeks output perindustrian sektor ini (sebagaimana diukur oleh indeks pengeluaran perindustrian), nilai jualan dan produktiviti. Indeks pengeluaran sektor ini telah menguncup sebanyak 11.6 peratus pada tahun 2009 (Januari-November) manakala jualan produk perkilangan menurun sebanyak 21.2 peratus kepada RM426.9 bilion pada tahun 2009 (Januari-November). Produktiviti dalam sektor ini, sebagaimana diukur oleh nilai jualan setiap pekerja menguncup sebanyak 7.5 peratus<sup>3</sup> yang disebabkan oleh kelembapan dalam permintaan luar negara.

## **Perkhidmatan**

Sektor perkhidmatan merangkumi pelbagai aktiviti seperti pengangkutan, telekomunikasi, perkhidmatan kewangan (perbankan, insuran, dan pasaran modal), harta tanah, perkhidmatan perniagaan dan profesional, utiliti, perdagangan pengedaran, hotel dan pelancongan, pendidikan serta perkhidmatan kesihatan.

Sektor perkhidmatan adalah penyumbang terbesar kepada KDNK Malaysia. Bagi tempoh sembilan bulan pertama tahun 2009, ianya menyumbang sebanyak 57.3 peratus kepada KDNK. Sektor perkhidmatan mencatatkan pertumbuhan sebanyak 1.6 peratus dalam nilai ditambah bagi tempoh Januari-September 2009. Gunatenaga dalam sektor perkhidmatan adalah dianggarkan sebanyak 6.1 juta orang atau 52.6 peratus daripada jumlah gunatenaga pada tahun 2009.

---

<sup>2</sup> Laporan Ekonomi 2009/2010, Kementerian Kewangan Malaysia.

<sup>3</sup> Perbadanan Produktiviti Malaysia.

Bagi tempoh Januari-September 2009, perdagangan borong dan runcit mengekalkan kedudukannya sebagai subsektor peneraju yang menyumbang sebanyak 13.0 peratus kepada KDNK (RM49.7 bilion). Ini diikuti oleh subsektor kewangan dan insuran (11.7% atau RM44.7 bilion). Produktiviti dalam subsektor perkhidmatan mencatatkan satu pertumbuhan yang positif di antara 1.2 peratus dan 3.5 peratus pada tahun 2009<sup>4</sup>.

---


<sup>4</sup> Perbadanan Produktiviti Malaysia.

## 2. SENARIO PELABURAN GLOBAL

### Aliran masuk FDI

Dalam keadaan krisis ekonomi dan kewangan global, aliran masuk pelaburan langsung asing (FDI)<sup>5</sup> dunia menurun daripada jumlah tertinggi iaitu US\$1.97 trilion pada tahun 2007 kepada US\$1.69 trilion pada tahun 2008. Ini adalah berdasarkan kepada *the World Investment Report* oleh *United Nations Conference of Trade and Development (UNCTAD)*.

**Graf 1**  
**Aliran Masuk FDI mengikut Rantau, 2000 - 2008**



Sumber: *World Investment Report, 2009*

<sup>5</sup> FDI ditakrifkan oleh UNCTAD sebagai pelaburan antarabangsa yang dibuat dengan objektif mendapatkan kepentingan berterusan oleh entiti residen di dalam sesebuah ekonomi, di dalam entiti residen di ekonomi lain. Ia merangkumi modal ekuiti, pendapatan dilabur semula dan transaksi hutang antara syarikat dan berdasarkan kepada statistik imbangian bayaran negara.


Amerika Syarikat mengekalkan kedudukannya sebagai penerima terbesar aliran masuk FDI (US\$316.1 bilion) pada tahun 2008, diikuti oleh Perancis (US\$117.5 bilion), Republik Rakyat China (US\$108.3 bilion) dan United Kingdom (US\$96.9 bilion).

Aliran masuk FDI ke negara maju pada tahun 2008 menurun sebanyak 29.2 peratus kepada US\$962.3 bilion daripada US\$1.4 trillion pada tahun 2007. Ini disebabkan terutamanya oleh penurunan dalam M&A seberang sempadan. Aliran masuk FDI ke negara membangun adalah kurang terjejas berbanding dengan negara maju kerana sistem kewangan mereka adalah kurang saling bergantungan dengan sistem kewangan di Amerika Syarikat dan Eropah. Aliran masuk FDI mereka terus berkembang, tetapi pada kadar yang lebih perlahan dengan mencatatkan peningkatan sebanyak 17.3 peratus kepada US\$620.7 bilion pada tahun 2008 daripada US\$529.3 bilion pada tahun 2007.

Asia menerima jumlah aliran masuk FDI terbesar di kalangan negara membangun dengan peningkatan sebanyak 17.0 peratus pada tahun 2008 kepada US\$387.8 bilion. Republik Rakyat China merupakan penerima FDI terbesar di Asia (US\$108.3 bilion), diikuti oleh Hong Kong (US\$63.0 bilion), India (US\$41.5 billion) dan Singapura (US\$22.7 billion).

Jumlah aliran masuk FDI ke rantau Asia Timur meningkat sebanyak 24.4 peratus mencapai US\$186.9 bilion pada tahun 2008 daripada US\$150.3 bilion pada tahun 2007. Penerima terbesar FDI di Asia Timur adalah Republik Rakyat China (US\$108.3 bilion), Hong Kong (US\$63.0 billion), Republik Korea (US\$7.6 billion) dan Taiwan (US\$5.4 billion).

**Graf 2**  
**Aliran Masuk FDI ke Asia Timur, 2008**



Sumber: *World Investment Report, 2009*

Aliran masuk FDI ke negara ASEAN menurun sebanyak 13.8 peratus daripada US\$69.5 bilion pada tahun 2007 kepada US\$59.9 bilion pada tahun 2008. Secara perbandingan, aliran masuk FDI ke dalam ASEAN telah meningkat sepanjang tempoh 2002-2007, yang mana tahun 2007 telah mencatatkan tahap yang paling tinggi.


Perkembangan ekonomi serantau dan global terus mempengaruhi aliran masuk FDI ke dalam ekonomi terbuka seperti Malaysia, Thailand dan Singapura, yang mana kesemuanya telah terjejas oleh impak krisis kewangan global pada tahun 2008.

Aliran masuk FDI ke Malaysia menurun sedikit iaitu sebanyak 4.8 peratus daripada US\$8.4 bilion pada tahun 2007 kepada US\$8.0 bilion pada tahun 2008. Aliran masuk FDI ke Singapura merosot sebanyak 28.2 peratus daripada US\$31.6 bilion pada tahun 2007 kepada US\$22.7 bilion pada tahun 2008. Manakala aliran masuk FDI ke Thailand menurun sebanyak 10.7 peratus daripada US\$11.2 bilion kepada US\$10 bilion pada tahun 2008. Penurunan

dalam aliran masuk FDI ke Malaysia terutamanya adalah disebabkan oleh pembayaran balik pinjaman kepada syarikat induk yang memerlukan dana akibat krisis ekonomi global. Malaysia merupakan penerima ketiga terbesar aliran masuk FDI di kalangan negara ASEAN pada tahun 2008, selepas Singapura dan Thailand.

Walaupun aliran masuk FDI ke Malaysia menurun pada tahun 2008, Malaysia terus menjadi lokasi yang kompetitif dari segi kos bagi aliran masuk FDI ke dalam sektor perkilangan. Aliran masuk FDI ke dalam sektor perkilangan meningkat sebanyak 22.6 peratus daripada US\$3.1 bilion pada tahun 2007 kepada US\$3.8 bilion pada tahun 2008. Peningkatan ketara dalam aliran masuk FDI terutamanya adalah disebabkan oleh pembesaran industri E&E yang telah menaiktaraf kelengkapan dan teknologi mereka serta memperkenalkan barisan baru pengeluaran mereka. Terdapat juga aliran masuk FDI yang agak besar ke dalam aktiviti tertentu dan bernilai ditambah tinggi, terutamanya dalam *solar cells, modules and panels* serta peralatan pengukuran dan pengujian.

**Graf 3**  
**Aliran Masuk FDI ke Negara ASEAN, 2008**




Sumber: World Investment Report, 2009

## Aliran Keluar FDI

Berdasarkan trend aliran masuk FDI, aliran keluar FDI global merosot sebanyak 9.5 peratus daripada US\$2.1 trillion pada tahun 2007 kepada US\$1.9 trillion pada tahun 2008.

Aliran keluar FDI daripada negara maju menurun sebanyak 16.7 peratus kepada US\$1.5 trillion pada tahun 2008 disebabkan oleh penurunan dalam pendapatan pelaburan semula. Namun demikian negara maju masih kekal sebagai kumpulan pelabur keluar negara bersih terbesar.

Aliran keluar FDI daripada negara membangun meningkat sebanyak 2.5 peratus daripada US\$285.5 bilion pada tahun 2007 kepada US\$292.7 bilion pada tahun 2008. Syarikat transnasional (TNC) serta *sovereign wealth funds* (SWF) daripada negara-negara Asia Barat terus melabur di luar negara. TNC negara membangun mewakili 16.0 peratus daripada jumlah aliran keluar FDI global pada tahun 2008 berbanding 13.0 peratus pada tahun 2007.



Pada tahun 2008, aliran keluar FDI daripada rantau Asia Selatan, Asia Timur dan Asia Tenggara meningkat sebanyak 6.8 peratus kepada US\$186.5 bilion.

Sumber utama aliran keluar FDI adalah Hong Kong (US\$59.9 bilion), Republik Rakyat China (US\$52.2 bilion), India (US\$17.7 bilion), Malaysia (US\$14.1 bilion) dan Republik Korea (US\$12.8 bilion).

Di Asia Tenggara, Malaysia adalah sumber aliran keluar FDI terbesar pada tahun 2008 dengan US\$14.1 bilion dan diikuti oleh Singapura sebanyak US\$8.9 bilion.

### **Prospek Masa Hadapan**

Mengikut *UNCTAD's World Investment Prospects Survey 2009-2011 (WIPS)*, aliran masuk FDI pada tahun 2009 akan terus dipengaruhi oleh krisis ekonomi dan kewangan. Berdasarkan kepada WIPS, antara risiko global yang akan mempengaruhi perancangan FDI TNC bagi tempoh tiga tahun akan datang adalah kelembapan ekonomi global yang lebih buruk, peningkatan ketidakstabilan kewangan, dan peningkatan dasar perlindungan yang melibatkan perubahan dalam rejim pelaburan asing. TNC utama dijangka akan mengurangkan perbelanjaan FDI mereka pada tahun 2009 di mana 58.0 peratus responden bercadang untuk mengurangkan FDI di luar negara dan hampir satu pertiga menjangkakan penurunan ketara mulai tahun 2008.

Berdasarkan penerbitan suku tahun terkini UNCTAD, aliran masuk FDI telah menurun sebanyak kira-kira 40 peratus kepada US\$1 trilion pada tahun 2009 berbanding US\$1.7 trilion pada tahun 2008. Dalam masa yang sama, aliran masuk FDI ke dalam ekonomi membangun dan peralihan juga telah menurun sebanyak 39.0 peratus pada tahun 2009. Namun demikian, maklumbalas daripada WIPS menunjukkan pantulan progresif FDI adalah dijangka mulai tahun 2011. Kebanyakan TNC secara umumnya lebih optimistik tentang tinjauan jangkamasa pertengahan ekonomi global dan dijangka akan terus melabur di seluruh dunia. Oleh itu, pada tahun 2010 sememangnya akan ada pemulihian dalam aliran masuk FDI, sebelum menjadi semakin bertambah baik pada tahun 2011.


### 3. PRESTASI PELABURAN SEKTOR PERKILANGAN

#### A. PROJEK DILULUSKAN

##### TINJAUAN


Trend pelaburan di Malaysia amat dipengaruhi oleh perkembangan ekonomi global yang berubah kepada negatif di akhir tahun 2008 dan pada tahun 2009. Selaras dengan penurunan mendadak dalam aliran masuk FDI pada tahun 2009, jumlah pelaburan dalam projek perkilangan yang diluluskan di Malaysia bernilai RM32.6 bilion pada tahun 2009 berbanding dengan RM62.8 bilion pada tahun 2008. Sejumlah 766 projek pengilangan diluluskan pada tahun 2009.

**Graf 5**  
**Pelaburan dan Gunatenaga dalam Projek Diluluskan, 2004 – 2009**



Jumlah pelaburan diluluskan pada tahun 2009 melebihi sasaran pelaburan purata tahunan iaitu sebanyak RM27.5 bilion seperti yang ditetapkan di bawah Pelan Induk Perindustrian Ketiga (IMP3). Ini menunjukkan Malaysia masih kekal sebagai destinasi pelaburan yang menarik.


**Graf 6**  
**Sumber Pelaburan bagi Projek Diluluskan, 2009 dan 2008**



Pelaburan asing pada tahun 2009 bernilai RM22.1 bilion dan mewakili 67.8 peratus daripada jumlah pelaburan diluluskan pada tahun ini. Baki sebanyak RM10.5 bilion atau 32.2 peratus adalah pelaburan dari sumber domestik.


Walaupun menghadapi kelembapan ekonomi global, Malaysia masih terus menerima jumlah pelaburan baru yang besar. Pada tahun 2009, pelaburan dalam projek baru berjumlah RM22.1 bilion (471 projek), yang mewakili 67.8 peratus daripada jumlah pelaburan diluluskan. Daripada jumlah ini, RM5.7 bilion atau 25.8 peratus adalah pelaburan domestik manakala RM16.4 bilion atau 74.2 peratus adalah dari sumber asing.

**Graf 7**  
**Pelaburan bagi Projek Baru mengikut Industri, 2009 dan 2008**



Syarikat sedia ada terus membesar dan mempelbagaikan operasi mereka di dalam negara. Sejumlah 295 projek dengan pelaburan bernilai RM10.5 bilion telah diluluskan pada tahun 2009, yang mewakili 32.2 peratus daripada jumlah pelaburan diluluskan.

**Graf 8**  
**Pelaburan bagi Projek Pembesaran/Pelbaian mengikut Industri, 2009 dan 2008**




Adalah penting diperhatikan bahawa pelaburan diluluskan pada tahun 2009 telah membantu dan memperkuatkan kelompok industri spesifik di negara ini. Kekuatan Malaysia dalam industri E&E terus menyediakan landasan kepada pembangunan kelompok industri lain terutamanya dalam kelompok industri solar, peralatan perubatan serta jentera dan kelengkapan (M&E).

### ***Projek Berintensif Modal***

Intensiti modal sesuatu projek adalah diukur oleh nisbah pelaburan modal bagi setiap pekerja (CIPE). Nisbah CIPE bagi projek diluluskan pada tahun 2009 adalah RM507,335 berbanding dengan RM620,571 pada tahun 2008. Pada tahun 2009, industri yang mempunyai nisbah CIPE tertinggi adalah industri produk petroleum (RM6,777,326), diikuti oleh produk galian bukan logam (RM2,242,994) serta kimia dan produk kimia (RM2,104,889).

**Graf 9**  
**Nisbah CIPE dalam Projek Diluluskan, 2003 – 2009**



Nisbah CIPE yang lebih tinggi dalam tiga tahun sebelum ini (2006-2008) sebahagiannya disebabkan oleh kelulusan beberapa projek berintensif modal. Sebagai contoh, pada tahun 2008, sejumlah 12 projek dengan pelaburan bernilai

sekurang-kurangnya RM1 bilion setiap satu diluluskan dengan jumlah pelaburan bernilai RM38.3 bilion. Secara perbandingan, hanya terdapat lima projek yang mencatatkan pelaburan sekurang-kurangnya RM1 bilion setiap satu pada tahun 2009. Jumlah pelaburan diluluskan dalam projek tersebut bernilai RM14.5 bilion.

Pada tahun 2009, terdapat 50 projek diluluskan yang mencatatkan pelaburan sekurang-kurangnya RM100 juta setiap satu. Jumlah pelaburan dalam projek ini bernilai RM23.8 bilion atau 73.0 peratus daripada jumlah pelaburan diluluskan pada tahun 2009. Lima puluh projek ini terutamanya adalah dalam industri kimia dan produk kimia (RM7.3 bilion), produk galian bukan logam (RM6.1 bilion), produk E&E (RM3.3 bilion), produk logam asas (RM2.0 bilion), produk petroleum (RM1.1 bilion) dan kelengkapan pengangkutan (RM923.4 juta).

Projek diluluskan dengan pelaburan bernilai sekurang-kurangnya RM1 bilion setiap satu adalah:

- Sebuah projek baru milik asing dengan pelaburan bernilai RM5.5 bilion bagi mengeluarkan *polycrystalline silicon*, asid campuran, hidrogen, *fumed silica*, *trichlor-silane*, *silicon tetrachloride* & asid hidrofluorik;
- Sebuah projek baru milik sepenuhnya rakyat asing dengan pelaburan bernilai RM5.2 bilion bagi mengeluarkan *solar glass (coated, tempered, etc)* dan *solar mirror*;
- Sebuah projek pembesaran milik majoriti rakyat Malaysia dengan pelaburan bernilai RM1.6 bilion bagi mengeluarkan jongkong aluminium, jongkong aloi aluminium dan *aluminium billets*;
- Sebuah projek usahasama baru dengan pelaburan bernilai RM1.1 bilion bagi mengeluarkan *petrochemical feedstocks and fuels*; dan

- Sebuah projek pembesaran oleh syarikat milik sepenuhnya rakyat asing dengan pelaburan bernilai RM1.0 bilion bagi mengeluarkan papan litar bersepadu termaju.


Projek ini dijangka akan mempunyai impak yang besar ke atas ekonomi dan industri melalui beberapa kesan berganda seperti pembangunan industri sokongan, pemindahan teknologi, penyelidikan dan pembangunan, pewujudan peluang pekerjaan berpendapatan tinggi, pembangunan kemahiran dan penjanaan pendapatan tukaran wang asing.

#### ***Projek Diluluskan Mengikut Industri***

Industri kimia dan produk kimia mencatatkan jumlah pelaburan tertinggi yang diluluskan pada tahun 2009 dengan pelaburan bernilai RM8.4 bilion (77 projek). Ini berpunca terutamanya daripada satu projek besar dengan pelaburan bernilai RM5.5 bilion bagi mengeluarkan *polycrystalline silicon*, asid campuran, hidrogen, *fumed silica*, *trichlor-silane*, *silicon tetrachloride* & asid hidrofluorik. Projek ini dijangka akan mengukuhkan kelompok industri solar memandangkan *polycrystalline silicon* merupakan komponen penting bagi industri solar.

Industri produk galian bukan logam mencatatkan jumlah pelaburan kedua tertinggi. Sejumlah 27 projek diluluskan dengan pelaburan berjumlah RM6.4 bilion. Ini terutamanya disebabkan oleh kelulusan satu projek baru bagi mengeluarkan *solar glass (coated, tempered, etc)* dan *solar mirror* dengan pelaburan bernilai RM5.2 bilion. Industri elektrik dan elektronik (E&E) menduduki tempat ketiga dengan jumlah pelaburan bernilai RM4.7 bilion (115 projek).

**Graf 10**  
**Pelaburan bagi Projek Diluluskan mengikut Industri Utama, 2009 dan 2008**



Industri lain yang menarik pelaburan besar adalah produk logam asas dengan pelaburan bernilai RM2.6 bilion (30 projek); dan pengilangan makanan dengan pelaburan bernilai RM2.0 bilion (69 projek). Jumlah pelaburan dalam lima industri ini berjumlah RM24.1 bilion atau 73.9 peratus daripada jumlah pelaburan diluluskan pada tahun 2009.

### ***Projek Berorientasi Eksport***

Pada tahun 2009, sejumlah 251 projek yang diluluskan dengan pelaburan bernilai RM8.6 bilion bercadang akan mengeksport sekurang-kurangnya 80 peratus daripada keluaran mereka. Daripada jumlah pelaburan diluluskan, pelaburan asing bernilai RM6.8 bilion atau 79.1 peratus manakala baki sebanyak RM1.8 bilion atau 20.9 peratus adalah daripada sumber domestik.

Industri utama dengan projek berorientasi eksport adalah:

- Produk E&E (RM3.5 bilion/57 projek);
- Produk logam fabrikasi (RM764.3 juta/28 projek);

- Pengilangan makanan (RM693.1 juta/16 projek);
- M&E (RM671.0 juta/35 projek); dan
- Kimia dan produk kimia (RM662.0 juta/12 projek).

Suasana pelaburan yang menggalakkan di Malaysia, termasuk kewujudan industri sokongan serta bekalan gunatenaga mahir dan terlatih, telah menjadikan Malaysia sebuah lokasi pelaburan yang menarik bagi pasaran serantau dan global.

### ***Peluang Pekerjaan***

Projek diluluskan pada tahun 2009 dijangka akan mewujudkan peluang pekerjaan kepada 64,330 orang. Daripada jumlah ini, 21.2 peratus adalah di dalam kategori pengurusan, teknikal dan penyeliaan (MTS) manakala 43.7 peratus adalah dalam kategori pekerja mahir. Terdapat peningkatan dalam indeks MTS bagi projek diluluskan daripada 18.7 peratus pada tahun 2008 kepada 21.2 peratus pada tahun 2009.

Kebanyakan peluang pekerjaan adalah dalam industri E&E iaitu sebanyak 16,757 pekerjaan, diikuti oleh industri produk logam fabrikasi (5,873) dan industri M&E (5,613).

### ***Jawatan Pegawai Dagang***


Kerajaan terus memberi kelulusan jawatan pegawai dagang, terutama jawatan pengurusan dan teknikal kepada syarikat milik rakyat Malaysia serta syarikat milik asing. Ini adalah bagi memudahkan pemindahan teknologi serta sebagai pelengkap kepada bekalan tenaga mahir pengurusan dan teknikal tempatan. Sejumlah 1,852 jawatan pegawai dagang telah diluluskan pada tahun 2009, yang mana 356 adalah jawatan penting yang boleh disandang secara kekal oleh rakyat asing. Baki sebanyak 1,496 adalah jawatan bertempoh yang secara umumnya diluluskan untuk tempoh 3-5 tahun di mana rakyat Malaysia akan dilatih bagi mengambil alih jawatan tersebut.

## **PROJEK DILULUSKAN MENGIKUT HAK MILIK**

### ***PELABURAN DOMESTIK***

Pelaburan domestik diluluskan pada tahun 2009 bernilai RM10.5 bilion, yang mewakili 32.2 peratus daripada jumlah pelaburan diluluskan pada tahun itu. Walaupun nilai pelaburan domestik menurun daripada RM16.7 bilion pada tahun 2008 kepada RM10.5 bilion pada tahun 2009, tetapi dari segi peratusan jumlah pelaburan, ianya meningkat daripada 26.6 peratus pada tahun 2008 kepada 32.2 peratus pada tahun 2009.

**Graf 11**  
**Pelaburan Domestik bagi Projek Diluluskan mengikut Industri Utama, 2009**




Pelaburan domestik adalah terutamanya dalam industri produk logam asas dengan pelaburan bernilai RM2.2 bilion atau 20.9 peratus daripada jumlah pelaburan domestik diluluskan pada tahun 2009. Industri lain yang mencatatkan jumlah pelaburan domestik yang besar adalah kimia dan produk kimia (RM1.3 bilion), produk galian bukan logam (RM1.1 bilion), pengilangan makanan (RM1.0 bilion), kelengkapan pengangkutan (RM864.9 juta), produk E&E (RM770.0 juta) dan produk petroleum termasuk petrokimia (RM719.1 juta).

## **PELABURAN ASING**

Malaysia kekal sebagai destinasi yang kompetitif bagi FDI di rantau ini dan terus menarik tahap pelaburan asing yang menggalakkan dalam sektor perkilangan walaupun menghadapi kelembapan ekonomi global. Pelaburan asing dalam projek pengilangan yang diluluskan pada tahun 2009 berjumlah RM22.1 bilion, iaitu kembali kepada tahap sebelum rekod pelaburan asing yang dicatatkan dalam dua tahun kebelakangan ini. Daripada RM22.1 bilion pelaburan asing ini, RM16.4 bilion atau 74.2 peratus adalah dalam projek baru manakala baki sebanyak RM5.7 bilion atau 25.8 peratus adalah dalam projek pembesaran/pelbagai.

**Graf 12**  
**Pelaburan Asing bagi Projek Diluluskan mengikut Industri Utama, 2009**




Industri kimia dan produk kimia mewakili jumlah terbesar pelaburan asing yang bernilai RM7.0 bilion. Pelaburan asing yang tinggi dalam industri ini adalah berpunca daripada satu projek dengan pelaburan bernilai RM5.5 bilion bagi mengeluarkan *polycrystalline silicon*, asid campuran, hidrogen, *fumed silica*, *trichlor-silane*, *silicon tetrachloride* & asid hidrofluorik. Industri lain dengan tahap

pelaburan asing yang tinggi adalah industri produk galian bukan logam (RM5.3 bilion), E&E (RM4.0 bilion), pengilangan makanan (RM934.2 juta), produk logam fabrikasi (RM775.0 juta), M&E (RM637.2 juta) dan produk plastik (RM549.8 juta).

### Sumber Utama Pelaburan Asing

Lima negara menyumbang sebanyak RM17.3 bilion atau 77.0 peratus kepada jumlah pelaburan asing pada tahun 2009. Lima negara tersebut adalah Jepun (RM7.0 bilion), Hong Kong (RM5.3 bilion), Amerika Syarikat (RM2.3 bilion), Singapura (RM2.0 bilion) dan Taiwan (RM716.1 juta).

**Graf 13**  
**Sumber Utama Pelaburan Asing bagi Projek Diluluskan, 2009**




Nota : Angka di dalam kurungan merujuk kepada bilangan projek diluluskan.

### **Jepun**

Peneraju utama sumber pelaburan asing pada tahun 2009 adalah Jepun dengan jumlah pelaburan bernilai RM7.0 bilion dalam 54 projek diluluskan. Satu projek baru utama diluluskan dengan jumlah pelaburan bernilai RM5.5 bilion bagi mengeluarkan *polycrystalline silicon*, asid campuran, hidrogen, *fumed silica*, *trichlor-silane*, *silicon tetrachloride* & asid hidrofluorik.

Daripada jumlah projek yang diluluskan, 12 adalah projek baru dengan pelaburan bernilai RM5.7 bilion manakala 42 adalah projek pembesaran/pelbagaian dengan pelaburan bernilai RM1.3 billion.

**Graf 14**  
**Pelaburan Jepun bagi Projek Diluluskan, 2004 – 2009**



Projek diluluskan dengan penyertaan rakyat Jepun adalah terutamanya dalam industri kimia dan produk kimia (4 projek dengan pelaburan bernilai RM5.6 bilion), E&E (13 projek/RM1.1 bilion), dan kelengkapan pengangkutan (8 projek/RM220.8 juta).

### ***Hong Kong***


Hong Kong adalah sumber pelaburan asing kedua terbesar pada tahun 2009 dengan pelaburan bernilai RM5.3 bilion dalam tujuh projek diluluskan. Ini adalah terutamanya disumbang oleh satu projek baru utama dengan pelaburan bernilai RM5.2 bilion bagi mengeluarkan *solar glass (coated, tempered, etc)* dan *solar mirror*.

Pelaburan diluluskan adalah terutamanya dalam industri produk galian bukan logam (RM5.2 bilion), E&E (RM103.4 juta) dan pengilangan makanan (RM6.1 juta). Daripada projek diluluskan, enam adalah projek baru dengan pelaburan bernilai RM5.3 bilion manakala satu adalah projek pembesaran/pelbagaian dengan pelaburan bernilai RM0.5 juta.

### **Amerika Syarikat**

Amerika Syarikat terus menjadi satu sumber pelaburan asing utama dengan pelaburan berjumlah RM2.3 bilion dalam 19 projek diluluskan sepanjang tahun ini. Daripada jumlah ini, 10 adalah projek pembesaran/pelbagaian dengan pelaburan bernilai RM2.0 bilion yang mewakili 87.0 peratus daripada pelaburan diluluskan. Manakala baki sembilan projek dengan pelaburan bernilai RM306.3 juta adalah oleh syarikat baru.

**Graf 15**  
**Pelaburan Amerika Syarikat bagi Projek Diluluskan, 2004 – 2009**



Pelaburan dari Amerika Syarikat adalah terutamanya dalam industri E&E yang bernilai RM1.5 bilion (5 projek). Industri lain dengan pelaburan besar dari Amerika Syarikat adalah pengilangan makanan (1 projek/RM380.1 juta),


kelengkapan pengangkutan (1 projek/RM155.2 juta) dan produk plastik (1 projek/RM103.2 juta).

Tahap pelaburan yang tinggi dari Amerika Syarikat dalam industri E&E adalah terutamanya disebabkan oleh satu projek pembesaran/pelbagaian dengan pelaburan bernilai RM1.0 bilion bagi mengeluarkan papan litar bersepadu.

### **Singapura**

Singapura adalah sumber pelaburan asing keempat terbesar pada tahun 2009. Singapura terus menyumbang kepada bilangan projek tertinggi yang diluluskan dengan 92 projek pada tahun 2009. Pelaburan dalam projek ini berjumlah RM2.0 bilion atau 9.5 peratus daripada jumlah pelaburan asing diluluskan pada tahun ini. Daripada projek diluluskan, 42 adalah projek baru dengan pelaburan bernilai RM1.3 bilion dan 50 adalah projek pembesaran/pelbagaian (RM690.0 juta).

**Graf 16**  
**Pelaburan Singapura bagi Projek Diluluskan, 2004 – 2009**



Pelaburan dari Singapura adalah terutamanya dalam industri E&E (RM619.1 juta), produk petroleum (RM454.9 juta) dan produk logam fabrikasi (RM256.9 juta).

### **Taiwan**

Taiwan adalah pelabur asing kelima terbesar dengan pelaburan bernilai RM716.1 juta dalam 32 projek diluluskan pada tahun 2009. Pelaburan diluluskan adalah terutamanya dalam industri kimia dan produk kimia dengan pelaburan berjumlah RM419.6 juta (3 projek) dan diikuti oleh peralatan pengukuran dan saintifik (2 projek/RM103.0 juta), E&E (7 projek/RM58.8 juta), kelengkapan pengangkutan (2 projek/RM44.3 juta) dan pengilangan makanan (1 projek/RM42.5 juta).

Daripada projek diluluskan, 11 adalah projek baru dengan pelaburan berjumlah RM521.7 juta manakala 21 adalah projek pembesaran/pelbagai dengan pelaburan bernilai RM194.4 juta.

### **PROJEK DILULUSKAN MENGIKUT LOKASI**


Sepanjang tahun ini, negeri Selangor, Johor, Pulau Pinang, Perak dan Kedah terus mencatatkan bilangan tertinggi dalam projek yang diluluskan. Kelulusan di lima negeri ini berjumlah 619 projek atau 80.8 peratus daripada bilangan projek diluluskan pada tahun 2009. Pecahan kelulusan tersebut adalah seperti berikut:

- Selangor - 278 projek
- Johor - 150 projek
- Pulau Pinang - 104 projek
- Perak - 47 projek
- Kedah - 40 projek

Dari segi nilai pelaburan diluluskan, Sarawak menerima jumlah terbesar pelaburan yang bernilai RM8.5 bilion. Ini adalah sumbangan oleh satu projek

bernilai RM5.5 bilion bagi mengeluarkan *polycrystalline silicon*, asid campuran, hidrogen, *fumed silica*, *trichlor-silane*, *silicon tetrachloride* & asid hidrofluorik. Selangor berada di tempat kedua dengan pelaburan bernilai RM6.8 bilion, diikuti oleh Sabah (RM5.7 bilion), Johor (RM4.1 bilion) dan Pulau Pinang (RM2.2 bilion).

**Graf 17**  
**Pelaburan bagi Projek Diluluskan mengikut Lokasi, 2009**



Nota : Angka di dalam kurungan adalah merujuk kepada bilangan projek diluluskan.

## B. PRESTASI SEKTOR PERKILANGAN MENGIKUT INDUSTRI

### PRODUK ELEKTRIK DAN ELEKTRONIK

Industri elektrik dan elektronik (E&E) terus menjadi industri peneraju dalam sektor perkilangan dengan menyumbang sebanyak 55.1 peratus kepada jumlah eksport negara dalam sektor perkilangan bagi tempoh Januari-November 2009. Output bagi industri ini mewakili 33.9 peratus daripada jumlah output dalam sektor perkilangan bagi tempoh Januari-November 2009. Dalam tempoh yang sama, gunatenaga mewakili 32.5 peratus yang menjadikan industri E&E sebagai majikan terbesar dalam sektor perkilangan.

Bagi tempoh Januari-November 2009, eksport produk E&E bernilai RM204.9 bilion berbanding dengan RM238.3 bilion bagi tempoh yang sama pada tahun 2008, iaitu penurunan sebanyak 14.0 peratus. Penurunan ini adalah disebabkan oleh kemerosotan ekonomi global terutama dalam pengeksportan produk elektronik seperti mesin pemprosesan data automatik, peranti semikonduktor dan peralatan telekomunikasi. Lima destinasi eksport tertinggi bagi produk E&E adalah Singapura, Republik Rakyat China, Amerika Syarikat, Jepun dan Thailand.

*Nielsen Global Consumer Confidence Survey* yang dijalankan pada bulan Jun 2009 telah melaporkan bahawa sentimen pengguna di serata dunia telah bertambah baik. Peningkatan dalam optimisma pengguna telah mengubah industri E&E pada setengah tahun kedua 2009. Pada masa yang sama, pusat penyelidikan antarabangsa telah meramalkan:

- Industri E&E global dijangka kembali pulih pada tahun 2010 dengan peningkatan permintaan terhadap komputer peribadi, sistem penyimpanan cakera dan telefon bimbit;
- Aktiviti penggabungan oleh MNC di seluruh dunia;
- Pembetulan inventori; dan
- Jangkaan peningkatan jualan di Rantau Asia Pasifik.

Di Malaysia, industri E&E dijangka membangun dan memberikan sumbangan yang penting dalam mempercepatkan kemajuan dan transformasi industri negara. Ia akan memperkasakan industri semikonduktor, teknologi maklumat & komunikasi dan industri sokongan untuk memajukan produk baru, berasaskan teknologi baru dan baru muncul. Trend ke arah penggunaan elektronik yang meluas dalam industri dan perkhidmatan, beserta dengan pembangunan ICT multimedia, akan menyediakan peluang pertumbuhan yang akan membuka laluan untuk menarik pelaburan baru ke dalam industri ini.

Penyumberan luar dijangka akan berterusan kerana MNC akan berusaha untuk kekal kompetitif dalam perniagaan teras mereka. Industri ini dijangka dapat mengukuhkan rantaian dengan sektor lain seperti automotif, perubatan, pertahanan dan aeroangkasa. Industri sokongan dan perkhidmatan juga dijangka berkembang selaras dengan perkembangan ini. Syarikat domestik dijangka akan mendapat manfaat daripada trend ini apabila MNC memindahkan aliran aktiviti penyumberan luar ke rantau Asia Pasifik.

Pembangunan masa hadapan industri E&E akan diterajui oleh teknologi yang akan merangsang pembangunan kelompok. Antara kelompok yang telah dikenal pasti adalah kelompok semikonduktor, solar, ICT dan lampu diod pengeluar cahaya (LED). Tambahan pula, produk baru seperti litar bersepada termaju, diod pengeluar cahaya terang tinggi (HBLED), frekuensi radio (RF) dan peranti MEMS juga telah diberi penekanan kerana potensi pertumbuhannya.

Industri E&E boleh diklasifikasikan kepada empat subsektor seperti berikut:


**Jadual 1**  
**Struktur Industri E&E**

SEKTOR	SUBSEKTOR	CONTOH PRODUK
ELEKTRONIK	Komponen	Semikonduktor, komponen pasif, papan litar bercetak, bahagian hentakan logam dan plastik persis
	Pengguna	Keluaran audio seperti alat penerima televisyen, pemain multimedia mudah alih (PMP), kamera dan permainan elektronik
	Perindustrian	Keluaran multimedia dan teknologi informasi seperti komputer dan perkakasan komputer, peralatan telekomunikasi dan peralatan pejabat
ELEKTRIK	Elektrik	Papan agihan, panel kawalan, peralatan suis, lampu industri, transformer, kabel & wayar, sel & bateri utama, sel solar dan modul, alat pendingin udara, hampagas, ketuhar gelombang mikro, mesin basuh dan pemanas air

### **Projek Diluluskan Pada Tahun 2009**

Sejumlah 115 projek dengan pelaburan sebanyak RM4.7 bilion telah diluluskan pada tahun 2009. Pelaburan asing terus mendominasi dengan pelaburan sebanyak RM4.0 bilion (85.1%). Ini menunjukkan Malaysia masih lagi merupakan lokasi luar pesisir yang menarik bagi pelabur asing. Pelaburan domestik bernilai RM0.7 bilion atau 14.9 peratus daripada jumlah pelaburan. Daripada 115 projek yang diluluskan, 57 adalah projek baru dengan pelaburan sebanyak RM1.6 bilion manakala 58 merupakan projek pembesaran/pelbagai dengan pelaburan sebanyak RM3.1 bilion. Pelaburan yang diluluskan kebanyakannya adalah dari subsektor komponen elektronik, seperti litar bersepadu, substart dan LED. Projek yang diluluskan dijangka akan memberi peluang pekerjaan kepada 16,780 orang.

**Graf 18**  
**Pelaburan bagi Projek Diluluskan dalam Industri E&E mengikut Subsektor, 2009**



### **Komponen Elektronik**

Komponen elektronik merangkumi pelbagai jenis produk, daripada peranti semikonduktor yang termasuk fabrikasi wafer dan litar bersepadu (IC) kepada

komponen pasif seperti kapasitor, perintang, penyambung, induktor, kristal kuartz dan pengayun serta komponen lain seperti penyetoran media, bahagian/alatan pemacu cakera, papan litar bercetak (PCB) serta bahagian/komponen logam dan plastik untuk aplikasi E&E.

Malaysia kini merupakan antara lokasi utama dunia dalam operasi pemasangan, pengujian dan pembungkusan semikonduktor. Eksport bagi tempoh Januari-November 2009 berjumlah RM84.1 bilion atau 44.6 peratus daripada jumlah eksport produk elektronik.

Sehingga kini terdapat lebih daripada 70 syarikat sedang beroperasi yang menjalankan aktiviti pemprosesan wafer silikon (contohnya, MEMC, S.E.H. Hamadatec dan Sapphire), fabrikasi wafer (contohnya, Infineon, X-Fab, SiTerra, dan Fuji Electric), pembungkusan dan pengujian IC (contohnya, AMD, Intel, Texas Instruments dan Freescale) dan rekabentuk IC (contohnya, Altera, eASIC, SyMMiD and SiRES LABS).

### ***Projek Diluluskan Pada Tahun 2009***

Pada tahun 2009, sejumlah 32 projek telah diluluskan dalam subsektor komponen elektronik dengan nilai pelaburan sebanyak RM3.0 bilion. Daripada jumlah ini, 13 adalah projek baru dengan pelaburan sebanyak RM717.1 juta (23.9%) dan 19 adalah projek pembesaran/pelbagai dengan pelaburan sebanyak RM2.3 bilion (76.1%). Pelaburan asing berjumlah RM2.8 bilion (93.0%) manakala pelaburan domestik bernilai RM209.4 juta (7.0%).

Antara projek penting yang diluluskan adalah:

- Sebuah projek pembesaran milik sepenuhnya rakyat asing dengan pelaburan sebanyak RM1.0 bilion bagi mengeluarkan litar bersepodu termaju. Syarikat bercadang untuk membesarkan aktiviti penyelidikan dan pembangunannya (R&D) bagi aplikasi MEMS dan akan menjadi pengeluar terbesar dalam

perniagaan pengesan MEMS. Aktiviti R&D ini dijangka akan menyumbang kepada pembangunan teknologi, pembangunan proses dan produk;

- Sebuah projek pembesaran dan menaiktaraf teknologi milik sepenuhnya rakyat asing dengan pelaburan sebanyak RM421.3 juta bagi mengeluarkan media cakera keras dan substrat;
- Sebuah projek pembesaran untuk menaiktaraf operasinya sebagai hab pengilangan global bagi menjalankan aktiviti seperti rekabentuk dan pembangunan IC termaju, pengurusan rantaian bekalan dan R&D dengan pelaburan berjumlah RM391.0 juta; dan
- Sebuah projek pelbagaiannya milik sepenuhnya rakyat asing bagi mengeluarkan cip LED, lampu LED dan diod tanpa wayar dengan pelaburan sebanyak RM110.7 juta.

### ***Elektronik Pengguna***

Elektronik pengguna adalah salah satu subsektor yang penting dalam industri elektronik. Produk utama termasuk kamera dan produk audio visual seperti panel penerima televisyen leper, pemain video cakra padat (VCD), pemain/perakam cakera serbaguna digital (DVD), *walkman*, *blu-ray*, cakera mini dan konsol permainan elektronik. Antara syarikat pengeluar utama adalah Panasonic, Samsung, Sharp, Sony, Hitachi dan Clarion.

Subsektor ini didominasi oleh terutamanya syarikat Jepun dan Korea dan terus menyumbang dengan ketara kepada pertumbuhan industri ini. Beberapa syarikat telah menempatkan semula aktiviti bernilai rendah ke negara lain. Manakala operasi yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi dikekalkan seperti rekabentuk dan pembangunan ke atas kelengkapan audio visual di Malaysia.

### ***Projek Diluluskan Pada Tahun 2009***

Sebanyak tujuh projek telah diluluskan dalam subsektor elektronik pengguna dengan pelaburan sebanyak RM417.4 juta pada tahun 2009. Daripada jumlah ini, tiga adalah projek baru dengan pelaburan sebanyak RM41.0 juta (9.8%) dan empat adalah projek pembesaran/pelbagaian dengan pelaburan sebanyak RM376.5 juta (90.2%). Pelaburan asing berjumlah RM370.6 (88.8%) manakala pelaburan domestik adalah sebanyak RM46.8 juta (11.2%).

### ***Elektronik Perindustrian***

Subsektor elektronik perindustrian adalah termasuk kelengkapan pejabat, peralatan telekomunikasi, peranti tanpa wayar, peralatan pandu arah komputer dan produk pengiraan, produk multimedia dan teknologi maklumat serta peranti fotonik. Antara syarikat utama adalah Agilent, Xyratech, Motorola, Dell dan Kyocera yang mengeluarkan pelbagai rangkaian produk termasuk kelengkapan pengujian, telefon bimbit, komputer, komputer riba dan peranti tanpa wayar.

Syarikat perkhidmatan pengilangan elektronik (EMS) seperti Celestica, Plexus and Jabil juga berperanan penting dalam mengubah sektor elektronik di Malaysia. Secara tradisional, syarikat EMS akan menjalankan operasi pemasangan seperti pemasangan papan litar bercetak (PCBA). Pada masa ini, aktiviti syarikat EMS telah menyediakan penyelesaian masalah yang menyeluruh daripada rekabentuk produk kepada sistem integrasi sepenuhnya (*box-built*) bagi aplikasi aeroangkasa, perubatan dan telekomunikasi.

### ***Projek Diluluskan Pada Tahun 2009***

Pada tahun 2009, sejumlah 25 projek telah diluluskan dalam subsektor elektronik perindustrian dengan pelaburan sebanyak RM412.2 juta. Daripada jumlah ini, 12 adalah projek baru dengan pelaburan sebanyak RM326.3 juta (79.2%) dan 13 adalah projek pembesaran/pelbagaian dengan pelaburan sebanyak RM85.9 juta

(20.8%). Pelaburan asing berjumlah RM222.9 juta (54.1%) manakala pelaburan domestik adalah sebanyak RM189.3 juta (45.9%).

Antara projek-projek utama yang diluluskan adalah:

- Tiga buah projek milik sepenuhnya rakyat asing dengan jumlah pelaburan sebanyak RM153.5 juta bagi untuk mengeluarkan *transponder* RFID, penanda pintar dan komponen. Produk ini kebanyakannya adalah untuk pasaran eksport; dan
- Sebuah projek milik sepenuhnya rakyat asing dengan jumlah pelaburan sebanyak RM31.9 juta bagi mengeluarkan produk lampu LED, alatan dan aksesori. Produk ini kebanyakannya adalah untuk pasaran eksport.

### **Produk Elektrik**

Subsektor produk elektrik merangkumi segmen komponen elektrik, elektrik perindustrian dan elektrik pengguna. Pelaburan dalam subsektor ini berjumlah RM911.6 juta atau 19.2 peratus daripada jumlah pelaburan yang diluluskan dalam industri E&E.

Dalam tempoh beberapa tahun, subsektor ini telah berkembang pesat dengan kemunculan teknologi dan produk baru. Antara produk tersebut adalah perkakas dapur pintar dan peralatan penjimatan tenaga dan peranti fotovoltaik. Kehadiran syarikat ternama dunia dalam subsektor ini telah memberikan impak yang penting kepada ekonomi terutama dalam merangsang teknologi syarikat domestik bagi memenuhi piawaian antarabangsa.


## **Projek Diluluskan Pada Tahun 2009**

Sejumlah 51 buah projek dengan pelaburan sebanyak RM911.6 juta telah diluluskan pada tahun 2009. Pelaburan asing berjumlah RM587.1 juta (64.4%) manakala pelaburan domestik bernilai RM324.5 juta (35.6%).

Daripada projek yang diluluskan:

- 22 adalah dalam segmen komponen elektrik dengan pelaburan sebanyak RM417.6 juta (45.8%);
- 20 adalah dalam segmen elektrik perindustrian dengan pelaburan sebanyak RM466.9 juta (51.2%); dan
- Sembilan projek adalah dalam segmen elektrik pengguna dengan nilai pelaburan sebanyak RM27.1 juta (3.0%).

**Graf 19**  
**Pelaburan bagi Projek Diluluskan dalam Subsektor Produk Elektrik, 2009**



Daripada 51 projek yang diluluskan, 29 adalah projek baru dengan pelaburan sebanyak RM544.9 juta (59.8%) dan 22 adalah projek pembesaran/pelbagai dengan jumlah pelaburan sebanyak RM366.8 juta (40.2%).

### **Elektrik Perindustrian**

Segmen ini mengandungi beberapa produk elektrik penting yang merangkumi produk konvensional dan perkakasan elektrik pintar bagi suis/isyarat/pengawasan, agihan kuasa, penghubung elektrik dan litar perlindungan kepada produk dan kilauan lampu serta peranti/kelengkapan/ sistem penjimatan kuasa bagi kegunaan domestik dan industri. Segmen ini kebanyakannya didominasi oleh Ancom Components, AM SGB dan EPE Power.

### **Projek Diluluskan Pada Tahun 2009**

Pada tahun 2009, sejumlah 20 projek telah diluluskan dengan pelaburan sebanyak RM466.9 juta yang mana RM419.6 juta (89.9%) adalah pelaburan asing dan RM47.3 juta (10.1%) adalah pelaburan domestik. Daripada jumlah ini, 12 adalah projek baru dengan pelaburan sebanyak RM190.5 juta atau 40.8 peratus dan lapan adalah projek pembesaran/pelbagai dengan pelaburan sebanyak RM276.4 juta (59.2%). Kesemua projek ini dijangka dapat memberi peluang pekerjaan kepada 1,112 orang.

Antara projek penting yang diluluskan adalah:

- Sebuah projek pembesaran milik sepenuhnya rakyat asing dengan pelaburan sebanyak RM207.5 juta bagi menjalankan aktiviti pembangunan dan pengeluaran penuai tenaga boleh diperbaharui. Penubuhan projek ini dijangka akan dapat menggalakkan industri tenaga boleh diperbaharui di negara ini;
- Sebuah projek baru milik sepenuhnya rakyat asing dengan pelaburan berjumlah RM71.2 juta bagi mengeluarkan *miniature circuit breakers*, papan agihan dan suis; dan
- Sebuah projek pelbagaian milik sepenuhnya rakyat asing dengan pelaburan berjumlah RM61.5 juta bagi mengeluarkan peranti dan peralatan persuratan.

### **Komponen Elektrik**

Produk di bawah segmen ini termasuk wayar, kabel dan panel dan sel solar. Kabel tenaga elektrik dan pengeluaran wayar adalah didominasi oleh syarikat domestik seperti Leader Cable, Universal Cable dan Tenaga Cable. Syarikat ini membekalkan produk ke pasaran tempatan manakala syarikat MNC seperti Hitachi Cable dan Fujikura kebanyakannya untuk keperluan pasaran eksport.

### **Projek Diluluskan Pada Tahun 2009**

Pada tahun 2009, sejumlah 22 projek telah diluluskan dengan nilai pelaburan sebanyak RM417.6 juta. Pelaburan domestik dalam projek ini berjumlah RM275.0 juta (65.9%) manakala pelaburan asing bernilai RM142.6 juta (34.1%). Empat belas projek yang diluluskan adalah projek baru dengan pelaburan sebanyak RM341.2 juta manakala lapan adalah projek pembesaran/pelbagaian dengan pelaburan sebanyak RM76.4 juta.

Di antara projek penting yang diluluskan adalah:

- Sebuah projek baru milik majoriti rakyat Malaysia dengan pelaburan sebanyak RM192.0 juta yang akan menjalankan aktiviti rekabentuk, pembangunan dan pengeluaran sel *lithium-ion* dan pembungkus bateri;
- Sebuah projek baru milik sepenuhnya rakyat Malaysia dengan pelaburan sebanyak RM59.0 juta bagi mengeluarkan panel solar fotovoltaik; dan
- Sebuah projek pembesaran/pelbagaian milik majoriti rakyat Malaysia dengan pelaburan sebanyak RM31.5 juta bagi mengeluarkan *single core*, *multicore* dan kabel tenaga aluminium.

### **Elektrik Pengguna**

Produk di bawah segmen ini kebanyakannya adalah peralatan dapur atau *white goods* seperti mesin basuh, peti sejuk, pencuci hampagas dan ketuhar gelombang mikro. Antara syarikat asing penting yang sedia ada yang terlibat dalam segmen ini adalah Panasonic, OYL, Samsung dan Dyson manakala syarikat domestik pula adalah Pensonic dan Khind.

### **Projek Diluluskan Pada Tahun 2009**

Pada tahun 2009, sebanyak sembilan projek diluluskan dengan nilai pelaburan sebanyak RM27.1 juta. Pelaburan asing adalah berjumlah RM24.9 juta (91.9%) manakala pelaburan domestik berjumlah RM2.2 juta (8.1%). Daripada projek yang diluluskan, tiga adalah projek baru dengan nilai pelaburan RM13.2 juta manakala enam adalah projek pembesaran/pelbagaian dengan pelaburan sebanyak RM13.9 juta.

Antara projek penting yang diluluskan adalah:

- Sebuah projek pembesaran milik sepenuhnya rakyat asing dengan pelaburan sebanyak RM10.0 juta yang akan menjalankan aktiviti rekabentuk, pembangunan dan pengeluaran produk *colander air-flow*. Produk ini adalah untuk dieksport ke destinasi seperti Eropah, Amerika Syarikat dan Jepun; dan
- Sebuah projek baru milik majoriti rakyat asing dengan pelaburan sebanyak RM5.0 juta bagi mengeluarkan penapis/pensteril zarah berjatu tinggi dan berkecekapan tinggi.

Tahap pelaburan asing yang tinggi yang diluluskan dalam projek E&E pada tahun 2009 menunjukkan yang Malaysia masih lagi merupakan lokasi luar pesisir yang kompetitif bagi pelabur asing. Syarikat multinasional seperti National Semiconductor, Hitachi, Rohm-Wako, Freescale dan Panasonic terus membesar dan mempelbagaikan operasi mereka di Malaysia.

Kemunculan syarikat solar utama di Malaysia seperti First Solar, Q-Cells dan Sunpower, telah merangsang pertumbuhan rantai nilai solar, membuka peluang baru bagi kedua-dua pelabur tempatan dan asing dalam membangunkan kelompok solar. Pembangunan kelompok ini telah meningkatkan kerjasama di antara MNC dan syarikat Malaysia dalam perkongsian pengetahuan dan kepakaran teknikal kerana MNC telah

menyumber luar sesetengah aktiviti dan juga alatan dan komponen untuk dikeluarkan oleh syarikat Malaysia.

Malaysia juga merupakan tuan rumah kepada lima syarikat EMS dunia iaitu Flextronics, Jabil Circuits, Plexus, Celestica dan Sanmina-SCI. Syarikat ini telah mengubah operasi mereka daripada operasi tradisional kepada penyedia penyelesaian menyeluruh.

Malaysia juga menggalakkan R&D di dalam industri E&E. Sokongan padu Kerajaan dengan menubuhkan MIMOS dalam menyediakan kemudahan fabrikasi wafer serta kerjasama di antara industri, persatuan rekabentuk IC dan universiti tempatan dalam R&D melalui penubuhan *Collaboration Micro-Electronic Design Excellence Centre (CEDEC)* serta persatuan rekabentuk IC Malaysia (*MICDA*) telah membolehkan industri ini sentiasa peka dengan perkembangan teknologi terkini. Banyak MNC telahpun menubuhkan pusat R&D di Malaysia bagi menjalankan aktiviti R&D dalam bidang seperti rekabentuk dan pembangunan cip peranti semikonduktor, fabrikasi wafer, LED dan produk paparan serta teknologi pembungkusan IC.

Teknologi hijau juga merupakan inisiatif masa depan Kerajaan Malaysia dalam menggalakkan pengilangan produk mesra alam dengan keupayaan untuk menjimatkan tenaga. Ini terbukti melalui langkah-langkah Kerajaan seperti memperkenalkan dana dan pelbagai program penggalakan yang berkaitan dengan inisiatif ini.

## **KELENGKAPAN PENGANGKUTAN**

Industri kelengkapan pengangkutan merangkumi subsektor automotif, aeroangkasa dan pembinaan kapal dan baikpulih kapal. Subsektor automotif merupakan subsektor terbesar dalam industri ini.

Bagi tempoh Januari-November 2009, eksport kelengkapan pengangkutan berjumlah RM9.5 bilion, berbanding dengan RM8.7 bilion bagi tempoh yang

sama pada tahun 2008. Eksport kenderaan (merangkumi kenderaan penumpang, kenderaan perdagangan, motosikal/skuter, treler/separa treler, basikal/lain-lain basikal serta komponen dan alat ganti) berjumlah RM3.5 bilion. Eksport pesawat serta kelengkapan dan komponen berkaitan berjumlah RM3.3 bilion manakala eksport bagi kapal, bot dan struktur terapung berjumlah RM2.7 bilion.

## **Automotif**

Subsektor automotif merangkumi:

- pengilangan/pemasangan kenderaan bermotor termasuk motor beroda dua;
- membaikpulih/pemasangan semula/pembinaan semula/mengubah kenderaan bermotor; dan
- pengeluaran komponen dan alat ganti termasuk koc dan badan kenderaan.

Pada masa ini terdapat empat Projek Nasional dan sembilan pemasang dalam sektor kenderaan bermotor dengan keupayaan terpasang tahunan berjumlah 963,300 unit. Selain daripada itu, terdapat 11 pengeluar/pemasang motosikal dan skuter dengan keupayaan terpasang berjumlah 1,069,700 unit setahun. Terdapat juga tiga pengeluar badan komposit kereta sport.

Berdasarkan kepada Persatuan Automotif Malaysia (MAA), pengeluaran kenderaan bermotor pada tahun 2009 berjumlah 489,269 unit (merangkumi 447,002 unit kenderaan penumpang dan 42,267 unit kenderaan perdagangan). Jualan kenderaan bermotor berjumlah 536,905 unit pada tahun 2009 yang terdiri daripada 486,342 unit kenderaan penumpang dan 50,563 unit kenderaan perdagangan.

Berdasarkan anggaran oleh Persatuan Pemasang dan Pengedar Motosikal dan Skuter Malaysia (MASSAM), pengeluaran motosikal dan skuter dijangka akan mencapai 440,000 unit pada tahun 2009 iaitu penurunan sebanyak 18.0 peratus berbanding dengan jumlah pengeluaran sebenar pada tahun 2008. Jualan

domestik motosikal dan skuter dijangka akan menurun sebanyak 19.0 peratus daripada 532,697 unit (jualan sebenar pada tahun 2008) kepada 430,000 unit (anggaran) pada tahun 2009.

Eksport kenderaan bermotor serta komponen dan alat ganti pada tahun 2009 (Januari-November) berjumlah RM3.3 bilion, berbanding dengan RM3.7 bilion bagi tempoh yang sama pada tahun 2008. Penyumbang utama eksport adalah komponen dan alat ganti kenderaan bermotor.

Import kenderaan bermotor serta komponen dan alat ganti pada tahun 2009 (Januari-November) berjumlah RM9.9 bilion, berbanding dengan RM10.0 bilion bagi tempoh yang sama pada tahun 2008. Penyumbang utama import terdiri daripada komponen/alat ganti automotif dan kenderaan penumpang (termasuk bahagian CKD).

Setakat November 2009, subsektor automotif menggaji 52,133 pekerja. PROTON dan PERODUA secara bersama menggaji 22,106 pekerja, yang merupakan 40.4 peratus daripada jumlah gunatenaga dalam subsektor ini. Jumlah kandungan tempatan yang dicapai oleh pengeluar kenderaan bermotor adalah lebih kurang 60 peratus manakala kandungan tempatan bagi pemasang adalah dalam lingkungan 40 peratus.

Setakat Disember 2009, terdapat lebih daripada 690 pengeluar komponen automotif tempatan dan hampir 110 pengeluar komponen motosikal/skuter. Industri komponen automotif mengeluarkan lebih daripada 5,000 komponen.

Lebih daripada 75 peratus pengeluar komponen automotif adalah milik rakyat Malaysia. Sebilangan syarikat ini mempunyai kerjasama teknikal dengan syarikat komponen automotif global. Lebih daripada 60 peratus daripada pengeluar komponen tersebut telah memperolehi piawaian antarabangsa seperti ISO 9000, TS16949 dan ISO 14000. Pengeluar komponen automotif global yang sedang beroperasi di Malaysia termasuk Bosch, GKN, Denso, Delphi, Nippon

Wiper Blade, Toyota Auto Body dan ZF Steering. Syarikat ini sedang mengeluarkan sistem hawa dingin automotif, sistem keselamatan serta modul badan dan bahagian automotif lain.

Lebih kurang 75 daripada pengeluar komponen automotif pada masa ini mengeksport komponen mereka, terutamanya untuk pasaran alat ganti. Eksport komponen utama termasuk stereng, rim, bumper, brek, bateri, radiator, penyerap hentakan, *clutches*, eksos dan aksesori. Jumlah nilai jualan komponen dan aksesori automotif pada tahun 2009 (Januari-November) adalah sebanyak RM5.2 bilion. Jumlah nilai eksport komponen dan alat ganti kenderaan bermotor bagi tempoh Januari-November 2009 adalah sebanyak RM1.8 bilion.

Kini industri komponen automotif telah mencapai keupayaan dan kecekapan untuk merekabentuk dan menghasilkan komponen untuk kedua-dua pasaran kelengkapan asal dan gantian. Kebanyakan daripada pengeluar komponen tempatan menyedari akan keperluan bagi menembusi rantaian bekalan global. Oleh kerana ini, mereka telah memperolehi piawaian perolehan antarabangsa bagi membolehkan mereka menembusi pasaran serantau dan global.

### **Kajian Semula Dasar Automotif Nasional**

Kerajaan telah mengkaji semula Dasar Automotif Nasional (NAP) pada bulan Oktober 2009 dengan objektif seperti berikut:

- memastikan pembangunan industri automotif domestik yang terancang dan tersusun serta meningkatkan keupayaan dan daya saing industri dalam jangka panjang berikutan liberalisasi pasaran;
- mewujudkan persekitaran yang kondusif bagi menggalakkan pelaburan baru dan tambahan;
- meningkatkan daya saing pengeluar kereta nasional melalui usahasama strategik;

- menggalakkan pembangunan teknologi terkini yang lebih canggih dalam industri automotif domestik;
- menghasilkan aktiviti perkilangan bernilai ditambah tinggi dalam bidang tertentu;
- meningkatkan penyertaan Bumiputera yang berterusan dalam industri automotif domestik;
- meningkatkan piawaian keselamatan bagi pengguna serta menggalakkan aktiviti dalam bidang mesra alam; dan
- menambah baik instrumen pelaksanaan dasar di bawah NAP sedia ada.

### **Langkah Baru dalam Kajian Semula NAP (berkuatkuasa 1 Januari 2010):**

- Syarikat yang mengilang sistem pemancaran, sistem brek, sistem beg udara dan sistem stereng (bahagian dan komponen bernilai ditambah tinggi yang penting) akan layak mendapat insentif fiskal yang lebih baik.
- Pelaburan dalam pemasangan dan pengeluaran kenderaan hibrid dan elektrik akan diberi:
  - 100 peratus Elaun Cukai Pelaburan (ITA) atau Taraf Perintis (PS) untuk 10 tahun;
  - Geran latihan dan R&D di bawah Galakan Istimewa;
  - Pengecualian duti eksais sebanyak 50 peratus (bagi pemasangan/ pengeluaran kenderaan tempatan atau geran di bawah Dana Penyelarasian Industri (IAF);
  - PS dengan pengecualian cukai sebanyak 100 peratus ke atas pendapatan berkanun bagi tempoh 10 tahun atau ITA sebanyak 100 peratus ke atas perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan dalam tempoh 5 tahun bagi mengeluarkan komponen penting yang menyokong kenderaan hibrid dan elektrik; dan
  - Galakan istimewa berdasarkan aktiviti yang dicadangkan.
- Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air akan menyediakan pelan jangka panjang untuk membangunkan infrastruktur kenderaan elektrik.
- Lesen Pengilang baru akan dikeluarkan untuk segmen terpilih iaitu:
  - kenderaan penumpang mewah dengan kapasiti enjin 1,800 c.c dan ke atas dan harga jualan di atas jalan tidak kurang daripada RM150,000;

- kenderaan hibrid and elektrik;
  - lori pikap;
  - kenderaan perdagangan; dan
  - motosikal dengan kapasiti enjin 200 c.c. dan ke atas.
- Pengecualian cukai ke atas pendapatan berkanun bagi pengeluar industri automotif dipertingkatkan:
  - daripada 10 peratus kepada 30 peratus daripada nilai peningkatan eksport dengan syarat kenderaan dan bahagian/komponen berkenaan mencapai sekurang-kurangnya 30 peratus nilai ditambah; dan
  - daripada 15 peratus kepada 50 peratus daripada nilai peningkatan eksport dengan syarat produk berkenaan mencapai sekurang-kurangnya 50 peratus nilai ditambah.
- Kadar duti import dan duti eksais akan dikenakan bagi kenderaan dipasang siap sepenuhnya (CBU) dan kenderaan terurai sepenuhnya;
- Pewartaan harga kenderaan bermotor CBU terpakai yang diimport akan ditentukan oleh Kerajaan bagi menangani masalah pengurangan dalam perisytiharan;
- Duti import akan dihapuskan/dikurangkan bagi memenuhi perjanjian perdagangan;
- Dana Pembangunan Automotif (ADF) dan Dana Penyelarasian Industri (IAF) akan diteruskan untuk meningkatkan daya saing pengeluar komponen dan alat ganti;
- Di bawah Kajian Semula NAP, Kementerian Pengangkutan akan memberi keutamaan di dalam Rancangan Malaysia Ke 10 untuk memastikan

- penubuhan sepenuhnya kemudahan pengujian dan standard VTA (Pelaksanaan Sepenuhnya *Vehicle Type Approval*);
- Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi akan menyelaras dan mewujudkan pelan jangka panjang bagi memperkenal dan menguatkuasakan standard mandatori bagi produk automotif;
  - Kerajaan akan memperkenalkan satu mekanisme bagi larangan pengimportan alat ganti dan komponen terpakai berkuatkuasa Jun 2011;
  - Pengimportan kenderaan perdagangan terpakai tidak akan dibenarkan berkuatkuasa 1 Januari 2016 selaras dengan pemansuhan secara berperingkat pengimportan alat ganti/komponen terpakai; dan pemansuhan sistem *Approved Permits* (AP) untuk kenderaan terpakai;
  - Kerajaan telah menetapkan sasaran untuk melaksanakan spesifikasi EURO 4M bagi minyak petrol dan diesel mulai tahun 2011 dan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar akan mewujudkan pelan jangka panjang bagi standard dan kualiti bahan api;
  - Sistem AP Terbuka akan dimansuhkan mulai 31 Disember 2015, manakala AP Francais akan dimansuhkan mulai 31 Disember 2020;
  - Berkuatkuasa 1 Januari 2010, caj sebanyak RM10,000 akan dikenakan bagi setiap unit AP Terbuka yang dikeluarkan dan hasil kutipan akan digunakan bagi mewujudkan Dana Automotif Bumiputera bagi membantu syarikat Bumiputera menceburi bidang perniagaan automotif dan perniagaan lain;
  - Sebuah perkongsian strategik di antara Proton dan sebuah syarikat pembuat kenderaan dunia yang tertubuh akan diwujudkan untuk meningkatkan daya saing dan keupayaan jangka panjang Proton di pasaran global; dan
  - Pembekuan Lesen Pengilang (ML) bagi aktiviti *reconditioning* dan pemasangan semula (rebuilt) akan dikekalkan.

Dasar dan langkah baru di bawah Kajian Semula NAP dijangka akan memberi sumbangan ketara kepada pertumbuhan industri dan negara. Penekanan akan diberikan bagi menarik pelaburan dalam aktiviti pengilangan bernilai ditambah tinggi yang menggunakan teknologi tinggi dan terkini. Penarikan pembekuan ML bagi aktiviti perkilangan dan pemasangan dalam segmen tertentu, khususnya untuk kenderaan mewah dan kenderaan hibrid/elektrik akan menggalakkan pelaburan baru dan pembesaran pelaburan sedia ada dalam negara. Pada masa ini, segmen kenderaan hibrid/elektrik masih terlalu baru dan berpotensi untuk digalak dan dibangunkan di rantau ini. Dengan insentif bersesuaian, Malaysia mampu menarik pengeluar kenderaan utama dunia (OEMs) untuk memindahkan operasi mereka ke negara ini.

Penekanan yang diberikan kepada aspek keselamatan dan persekitaran di bawah Kajian Semula NAP akan memastikan pembangunan berterusan industri automotif domestik. Pemansuhan secara berperingkat produk automotif terpakai yang diimport dan pengenalan piawaian mandatori bagi alat ganti dan komponen serta piawaian dan kualiti bagi bahan api akan merangsang pembangunan industri automotif dalam jangka masa panjang.

### **Industri Automotif ASEAN**

Jualan kereta penumpang di enam negara utama ASEAN (Indonesia, Thailand, Filipina, Singapura, Vietnam dan Malaysia) berjumlah 1,257,897 unit pada tahun 2009.

**Jadual 2**  
**Jadual Jualan Kenderaan Bermotor di Negara ASEAN Terpilih**

<b>Negara</b>	<b>2009</b>			<b>2008</b>		
	<b>PC</b>	<b>CV</b>	<b>TIV</b>	<b>PC</b>	<b>CV</b>	<b>TIV</b>
<b>Indonesia</b>	359,384	124,164	483,548	425,267	178,507	603,774
<b>Thailand</b>	230,037	318,834	548,871	226,805	388,465	615,270
<b>Filipina</b>	46,228	86,216	132,444	44,428	80,021	124,449
<b>Singapura</b>	73,183	6,320	79,503	100,979	9,595	110,574
<b>Vietnam</b>	62,723	56,737	119,460	49,356	60,830	110,186
<b>Malaysia</b>	486,342	50,563	536,905	497,459	50,656	548,115
<b>ASEAN 6</b>	1,257,897	642,834	1,900,731	1,344,294	768,074	2,112,368

Nota: PC – Kereta Penumpang      CV - Kenderaan Komersial      TIV – Jumlah Bilangan Industri

Sumber: Indonesian Automotive Industries (IAI); Persatuan Automotif Malaysia (MAA); Chamber of Automotive Manufacturers of the Philippines, Inc. (CAMPI); Thai Automotive Industry Association (TAIA); Motor Traders Association of Singapore (MTAS); Vietnam Automotive Manufacturers Association (VAMA)

Malaysia kekal sebagai pasaran terbesar kereta penumpang yang mewakili 38.7 peratus daripada pasaran. Thailand kekal menjadi pasaran terbesar kenderaan perdagangan yang mewakili 49.6 peratus daripada segmen kenderaan perdagangan.

### ***Projek Diluluskan Pada Tahun 2009***

Pada tahun 2009, sejumlah 44 projek diluluskan dalam industri automotif dengan pelaburan bernilai RM702.6 juta. Pelaburan domestik berjumlah RM405.6 juta (58.0%), manakala pelaburan asing berjumlah RM297.0 juta (42.0%).

Daripada jumlah projek yang diluluskan, 21 adalah projek baru manakala 23 adalah projek pembesaran/pelbagai. Pelaburan dalam projek baru bernilai RM183.1 juta atau 26.0 peratus daripada jumlah pelaburan manakala projek pembesaran/ pelbagai berjumlah RM519.5 juta (74.0%).

Projek utama diluluskan termasuk:

- Sebuah projek pembesaran oleh sebuah syarikat milik majoriti rakyat Malaysia dengan pelaburan bernilai RM381.6 juta bagi mengeluarkan kenderaan pelbagai kegunaan (MPV);
- Sebuah projek baru milik majoriti rakyat Malaysia dengan pelaburan bernilai RM38.5 juta bagi mengeluarkan *steering columns*;
- Sebuah projek baru milik rakyat asing dengan pelaburan bernilai RM36.0 juta bagi mengeluarkan plat bateri dan bateri kereta;
- Sebuah projek baru milik rakyat asing dengan pelaburan bernilai RM34.0 juta bagi mengeluarkan pad cakera, *bonded brake shoes*, pelapik brek, logam pad cakera, plat asas dan brek; dan
- Sebuah projek pembesaran oleh syarikat milik majoriti rakyat Malaysia dengan pelaburan bernilai RM19.3 juta bagi mengeluarkan *wire harnesses* bagi kenderaan penumpang dan perdagangan.

Walaupun tahun 2009 mencatatkan kelembapan dalam industri automotif akibat krisis ekonomi global, prospek masa depan industri dijangka bertambah baik pada tahun 2010. Ini adalah selaras dengan kadar pertumbuhan yang lebih tinggi yang diunjurkan terhadap ekonomi Malaysia, keyakinan pengguna yang lebih kukuh, akses kepada pembiayaan kewangan yang lebih mudah dan suasana penentuan harga yang lebih menggalakkan.

Dasar Automotif Nasional yang dikaji semula dijangka akan memberi perangsang kepada industri automotif kerana ia akan memastikan keupayaan dan daya saing jangkamasa panjang industri tersebut. Dalam jangkamasa panjang, penarikan pembekuan ke atas pengeluaran ML bagi segmen tertentu industri automotif ditambah pula dengan tawaran insentif menarik, akan mengubah industri tempatan menjadi hab serantau.

Pada masa ini, pemacu pasaran utama industri automotif Asia adalah Republik Rakyat China, India dan ASEAN (Thailand, Filipina, Indonesia dan Malaysia). Masa depan industri automotif dalam negara ASEAN adalah cerah hasil daripada Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) di mana tarif dikurangkan secara beransur-ansur. Malaysia akan terus kekal sebagai destinasi pelaburan yang menarik bagi industri automotif berdasarkan infrastruktur automotif yang tertubuh khususnya dalam perkhidmatan sokongan kejuruteraan automotif, pengeluaran komponen dan komponen elektronik.

### **Aeroangkasa**

Industri aeroangkasa terdiri daripada subsektor penerbangan dan angkasa. Di Malaysia, subsektor penerbangan meliputi pengilangan bahagian dan komponen; aktiviti penyelenggaraan; aktiviti pembaikan dan baikpulih (MRO); rekabentuk dan pembangunan; pemasangan dan operasi kapal terbang ringan serta perkhidmatan sokongan.

Industri aeroangkasa di Malaysia yang bermula dengan penubuhan operasi MRO pada tahun 1970an telah beralih kepada pengilangan bahagian dan komponen aeroangkasa dan pemasangan kapal terbang ringan. Pada masa ini, terdapat 12 syarikat yang terlibat dalam pengilangan bahagian dan komponen kapal terbang ringan termasuk kelengkapan sokongan di lapangan terbang, manakala lebih daripada 30 syarikat terlibat dalam aktiviti MRO.

Pengilangan bahagian dan komponen telah dikenalpasti dalam *National Aerospace Blueprint* sebagai salah satu bidang pertumbuhan bagi industri aeroangkasa. Krisis ekonomi global semasa telah menyebabkan banyak syarikat penerbangan melengahkan atau terus membatalkan tempahan kapal terbang mereka. Ini telah menjelaskan syarikat bahagian dan komponen Malaysia memandangkan mereka merupakan sebahagian daripada rantaian bekalan global. Walau bagaimanapun, jumlah besar tempahan yang tertunggak

telah dapat mengekalkan pengeluaran syarikat tempatan sepanjang tahun tersebut.

Subsektor bahagian dan komponen dijangka mengalami kenaikan mulai tahun 2010 hasil daripada pengumuman terbaru mengenai kontrak yang diperolehi daripada pengeluar komponen kapal terbang global. Ini akan mengukuhkan kedudukan Malaysia dalam rantaian bekalan global bagi struktur aeroangkasa. Permulaan operasi oleh Spirit AeroSystems Malaysia dan Honeywell Aerospace Avionics Malaysia dijangka akan banyak menyumbang kepada pertumbuhan subsektor bahagian dan komponen aeroangkasa di negara ini.

Malaysia mempunyai pelbagai bidang keupayaan MRO yang meliputi pengubahsuaian dan pengilangan semula enjin dan komponen enjin, pembaikan dan baikpulih bahagian kapal terbang, komponen dan kerangka pesawat udara, pembaikan dan pengujian peralatan dan komponen kapal terbang serta penyediaan *line and heavy maintenance* kepada kedua-dua kapal terbang tentera dan awam. Syarikat MRO utama di Malaysia termasuk MAS Engineering, GE Engine, AIROD, Hamilton Sundstrand, Honeywell, Parker Hannifin dan Eurocopter. Subsektor MRO diunjurkan akan berkembang sebanyak 12-15 peratus setahun. Subsektor ini dijangka akan mencapai nilai jualan berjumlah RM4.5 bilion pada tahun 2009 berbanding dengan RM4.0 bilion pada tahun 2008.

### ***Projek Diluluskan Pada Tahun 2009***

Pada tahun 2009, lima projek telah diluluskan dengan pelaburan berjumlah RM551.9 juta. Pelaburan asing berjumlah RM159.9 juta atau 29.0 peratus, manakala pelaburan domestik berjumlah RM392.0 juta (71.0%).

Projek utama diluluskan termasuk:

- Sebuah projek pembesaran oleh syarikat milik penuh rakyat Malaysia bagi mengeluarkan panel komposit kapal terbang dengan pelaburan bernilai

RM320.1 juta. Pelanggan utamanya adalah Spirit AeroSystems, Goodrich Aerostructures, Airbus UK, EADS, GKN dan BAE System;

- Sebuah projek baru milik majoriti rakyat Malaysia bagi mengeluarkan enjin jet dengan pelaburan bernilai RM7.6 juta. Produk ini adalah untuk pendorongan alat kawalan jauh kapal terbang bagi industri hobi dan kegunaan lain seperti *target drones*. Syarikat ini juga akan mengeluarkan produk berkaitan unit kawalan enjin (ECU); dan
- Sebuah projek pembesaran oleh syarikat milik rakyat asing bagi mengeluarkan dan memasang semula kokpit helikopter dan menjalankan pengubahsuaian helikopter dengan pelaburan bernilai RM2.4 juta. Syarikat akan bekerjasama erat dengan pihak industri dan Kerajaan dalam memastikan pertumbuhan pantas industri penerbangan tempatan, khususnya melalui program perkongsian bijak dengan vendor tempatan.

### ***Insentif Cukai Komprehensif bagi Industri Aeroangkasa***

Untuk terus menggalakkan pertumbuhan industri aeroangkasa, Kerajaan telah mengumumkan insentif cukai yang komprehensif pada bulan Disember 2009. Insentif ini adalah terpakai kepada permohonan yang diterima oleh MIDA mulai 1 Januari 2010 sehingga 31 Disember 2014.

Insentif ini diberi tumpuan kepada empat kumpulan utama dalam industri aeroangkasa khususnya kumpulan rekabentuk, pengilang & pemasang, kumpulan pengendali, kumpulan sokongan dan kumpulan pengawalan.

1. Kumpulan Rekabentuk, Pengilang & Pemasang yang meliputi aktiviti seperti penyelidikan, rekabentuk dan pembangunan, integrasi sistem serta pengilangan dan pemasangan layak dipertimbangkan pengecualian cukai pendapatan daripada 5 kepada 15 tahun tertakluk kepada penilaian dari segi tahap pelaburan, nilai ditambah, teknologi dan kriteria lain.

2. Kumpulan Pengendali yang terdiri daripada penerbangan am layak dipertimbangkan ITA sebanyak 100 peratus ke atas perbelanjaan modal yang layak dilakukan dalam masa 10 tahun tertakluk kepada penilaian dari segi pelaburan dalam harta tetap yang melebihi RM150 juta yang dilakukan dalam masa 5 tahun.
3. Kumpulan Sokongan yang meliputi aktiviti penyelenggaraan, pemberian dan baikpulih (MRO) serta latihan aeroangkasa layak dipertimbangkan insentif berikut:
  - i. Pengecualian cukai pendapatan sebanyak 100 peratus ke atas pendapatan berkanun sehingga 10 tahun bagi syarikat yang menyediakan perkhidmatan MRO dan perkhidmatan berkaitan dengan MRO produk akhir aeroangkasa seperti kapal terbang, kapal angkasa, misil/roket, sistem komunikasi dan pemanduan arah (CNS), pensimulasi dan berkaitan dengannya serta kelengkapan, komponen, aksesori atau alat yang berkaitan dengannya; dan
  - ii. Pengecualian cukai pendapatan sebanyak 100 peratus ke atas pendapatan berkanun sehingga 15 tahun bagi syarikat yang terlibat dalam pengubahan, peningkatan dan pembersihan serta pengilangan semula produk akhir aeroangkasa.

Pemberian kedua-dua insentif ini adalah tertakluk kepada penilaian MIDA dari segi tahap pelaburan, nilai ditambah dan impak ketara kepada ekonomi.

- i. ITA sebanyak 60 peratus ke atas perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan dalam tempoh 5 tahun bagi syarikat MRO yang sedang beroperasi di Malaysia dan menjalankan pembesaran, pemodenan atau automasi ke atas perniagaan sedia ada atau mempelbagaikan dalam mana-mana produk berkaitan dalam industri yang sama; dan

- ii. Potongan dua kali ke atas perbelanjaan yang dilakukan oleh majikan bagi melatih pekerja mereka dalam pengubahan juruterbang dan latihan juruterbang pelatih.
- 4. Kumpulan Pengawalan yang terdiri daripada syarikat yang menjalankan pensijilan aeroangkasa berkaitan, pembangunan standard, aktiviti pengujian dan penilaian serta pelesenan layak dipertimbangkan PS dengan pengecualian cukai sebanyak 100 peratus ke atas pendapatan berkanun bagi tempoh 5 tahun atau ITA sebanyak 60 peratus ke atas perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan dalam tempoh 5 tahun.

Industri aeroangkasa yang berteknologi tinggi dan berteraskan pengetahuan berpotensi menjadi salah satu daripada sektor utama yang dapat memacu negara ke arah ekonomi berpendapatan tinggi berasaskan inovasi, kreativiti dan aktiviti bernilai ditambah tinggi.

Kos yang terus meningkat mendesak pengeluar aeroangkasa dunia untuk memindahkan operasi mereka ke lokasi yang lebih kompetitif dari segi kos. Malaysia perlu memanfaatkan peluang ini untuk menarik lebih banyak pengeluar bahagian aeroangkasa, terutamanya pembekal tier satu kepada Boeing dan Airbus. Insentif cukai komprehensif yang baru diumumkan oleh Kerajaan dijangka dapat menarik lebih banyak pelaburan ke dalam industri ini dan menjadikan Malaysia sebagai pusat global industri aeroangkasa di Asia Pasifik.

Malaysia bermatlamat untuk menjadi pusat penyumberan luar aeroangkasa dunia pilihan melalui penglibatan dalam aktiviti merekabentuk dan membina dalam program berkaitan kapal terbang. Malaysia juga bertujuan untuk memiliki bahagian pasaran MRO yang lebih besar di samping membangunkan keupayaan dalam *avionics* dan sistem integrasi.

## **Pembinaan dan Baikpulih Kapal**

Industri pembinaan dan baikpulih kapal di Malaysia merangkumi pengilangan pelbagai kapal termasuk kapal tunda, bot/feri penumpang, kapal peronda, *tug-boats*, *landing crafts*, kapal tangki, kapal pesiaran, perahu layar, hydrofoil, hoverkraf dan aktiviti baikpulih kapal. Industri ini telah menghasilkan kemahiran khusus dan keupayaan teknologi dalam bidang rekabentuk kejuruteraan, seni bina kapal, metallurgi, kawalan hakisan, pemesinan, kimpalan dan fabrikasi. Industri ini juga mempunyai rangkaian luas dengan industri lain seperti keluli, kaca, logistik, penyimpanan, pecah pukal barang dan perkhidmatan (perkhidmatan pelabuhan, kewangan, insuran dan perundingan).

Terdapat lebih daripada 70 limbungan kapal di Malaysia. Aktiviti utama yang dijalankan di limbungan ini termasuk pembinaan kapal laut, bot dan struktur pesisir pantai bagi industri minyak dan gas; pembaikan, penyelenggaraan, menambah baik, baikpulih dan pembersihan kapal; pengubahan kapal; dan kejuruteraan berat serta fabrikasi struktur pesisir pantai, struktur keluli dan kren.

Limbungan kapal terbesar di Malaysia dapat menampung dok pengeringan kapal sehingga 450,000 DWT dan mempunyai sistem lif kapal dengan keupayaan sehingga 50,000 DWT. Permintaan terhadap kapal laut yang lebih besar dan sofistikated masih lagi dipenuhi oleh limbungan asing yang mempunyai kapasiti dan keupayaan dalam pembinaan kapal tersebut.

## ***Projek Diluluskan Pada Tahun 2009***

Pada tahun 2009, tiga projek milik sepenuhnya rakyat Malaysia telah diluluskan dengan pelaburan berjumlah RM34.9 juta bagi menjalankan aktiviti pembinaan dan baikpulih kapal serta pembaikan dan kerja fabrikasi logam.

Industri pembinaan dan pembaikan kapal telah menghadapi kemerosotan pesanan akibat krisis ekonomi global. Walau bagaimanapun, limbungan kapal tempatan telah dapat meneruskan pengeluaran mereka dengan memenuhi

pesanan yang tertunggak. Cabaran yang dihadapi oleh limbungan kapal tempatan termasuk kekurangan pekerja berkelayakan dan juruteknik mahir; kos operasi yang tinggi disebabkan oleh kos bahan mentah yang diimport yang tinggi; dan persaingan sengit daripada limbungan kapal baru yang sedang membangun dari negara ASEAN lain seperti Vietnam dan Thailand, yang menawarkan kos buruh yang lebih rendah.

## **JENTERA DAN KELENGKAPAN**

Industri jentera dan kelengkapan (M&E) di Malaysia merangkumi subsektor seperti berikut:

- M&E khusus bagi industri spesifik;
- M&E penjanaan tenaga;
- Jentera kerja logam; dan
- M&E perindustrian umum, komponen dan peralatan


Sehingga kini, terdapat lebih kurang 800 buah syarikat yang beroperasi di dalam industri M&E. Bagi tempoh (Januari-November) tahun 2009, eksport M&E berjumlah RM17.2 bilion, manakala import berjumlah RM34.6 bilion. Destinasi utama eksport termasuk Australia, Indonesia, Republik Rakyat China, Amerika Syarikat, Belanda dan Singapura.

Industri M&E telah beransur-ansur meningkatkan rantai nilai dan memberi penumpuan kepada M&E berteknologi tinggi, bernilai ditambah tinggi dan khusus. Secara umum, pengilangan produk telah mencapai nilai ditambah lebih daripada 60 peratus. Syarikat-syarikat dalam industri ini terus mempertingkatkan keupayaan dalam rekabentuk, pembangunan, teknologi dan inovasi untuk kekal berdaya saing serta memperkuatkkan pertumbuhan industri.

### **Projek Diluluskan Pada Tahun 2009**

Pada tahun 2009, sejumlah 95 projek dengan pelaburan berjumlah RM1.2 bilion telah diluluskan dalam industri M&E. Daripada jumlah ini, 72 projek (RM901.9 juta atau 72.7%) adalah projek baru dan 23 projek (RM337.9 juta atau 27.3%) adalah projek pembesaran/pelbagaian. Pelaburan asing berjumlah RM637.2 juta (51.4%), manakala pelaburan domestik berjumlah RM602.7 juta (48.6%). Projek yang diluluskan pada tahun 2009 dijangka akan menjana 5,613 peluang pekerjaan.

**Graf 20**  
**Pelaburan bagi Projek Diluluskan dalam Industri Jentera dan Kelengkapan mengikut Subsektor, 2009**



### **M&E Khusus bagi Industri Spesifik**

M&E khusus bagi subsektor industri spesifik memenuhi keperluan industri spesifik dan direkabentuk berdasarkan keperluan spesifik pengguna berkenaan. Industri yang disasarkan termasuk E&E, minyak & gas, perubatan,

solar/fotovoltaik, pertanian, automotif, makanan dan minuman, pertukangan kayu dan industri pemprosesan plastik.

Beberapa tahun kebelakangan ini, syarikat dalam subsektor ini telah mencapai keupayaan dan teknologi untuk berubah daripada pembekal komponen dan separa pemasangan kepada pengeluar M&E bernilai ditambah tinggi dan canggih bagi industri pemprosesan semikonduktor *back-end* dan *front-end*. Syarikat ini tidak hanya menjadi pembekal yang boleh dipercayai bagi syarikat asing yang beroperasi di negeri ini, tetapi juga berjaya mengukur *niche* sendiri secara global.

Antara syarikat peneraju dalam subsektor ini adalah Genetec Technology Berhad, Vitrox Corporation Berhad, Kobay Technology Berhad, Pentamaster Corporation Berhad dan Upeca Engineering Sdn. Bhd. Melalui usaha yang berterusan dan penglibatan dalam aktiviti yang bernilai ditambah tinggi, Malaysia kini diiktiraf sebagai pengeluar utama peralatan automasi bagi industri E&E di rantau Asia Tenggara. Kesan krisis ekonomi dunia ke atas industri semikonduktor telah mendorong pengeluar kelengkapan automasi tempatan untuk meneroka pasaran baru dan mempelbagaikan bekalan kepada industri lain seperti solar/fotovoltaik, aeroangkasa dan industri perubatan.

Sejak akhir-akhir ini, kepentingan rizab minyak & gas dari dasar laut telah meningkat dengan ketara di rantau Asia Pasifik. Ini telah menarik aliran masuk FDI yang besar dalam subsektor M&E khusus bagi industri minyak & gas. Kebanyakan syarikat peneraju M&E dunia bagi minyak & gas seperti FMC, Aker Kvaerner, Halliburton, Cameron International dan Technip telah menu buhkan operasi di negara ini bagi mengeluarkan M&E khusus bernilai tinggi bagi pembangunan dasar laut dalam. Dengan adanya syarikat ini telah meningkatkan keupayaan syarikat fabrikasi tempatan dalam sektor minyak & gas bagi menaikkan rantaian nilai daripada mengeluarkan kelengkapan memproses bernilai rendah kepada rekabentuk dan fabrikasi kelengkapan pelantar bagi aktiviti menggerudi di pesisir pantai. Di samping itu, syarikat fabrikasi tempatan juga mengilang dan menyediakan komponen kompleks bernilai tinggi, separa

pemasangan dan perkhidmatan berkaitan. Antara syarikat utama Malaysia adalah Kencana HL Engineering Sdn. Bhd., KNM Process Systems Sdn. Bhd. dan Kumpulan Syarikat Scomi.

### ***Projek Diluluskan Pada Tahun 2009***

Pada tahun 2009, sejumlah 25 projek dengan pelaburan berjumlah RM221.9 juta telah diluluskan dalam M&E khusus bagi subsektor industri spesifik. Ini meliputi 20 projek baru dengan pelaburan bernilai RM203.4 juta (91.7%) dan lima projek pembesaran/pelbaian dengan pelaburan berjumlah RM18.5 juta (8.3%). Pelaburan asing berjumlah RM83.7 juta (37.7%) manakala pelaburan domestik berjumlah RM138.2 juta (62.3%).

Projek utama yang diluluskan termasuk:

- Sebuah projek baru milik sepenuhnya rakyat asing dengan pelaburan berjumlah RM39.2 juta bagi mengeluarkan sistem membran dan kelengkapan berkaitan, kelengkapan memproses dan komponen/modul bagi pemprosesan gas, penapisan petroleum dan industri petrokimia. Syarikat juga akan mendirikan pusat kejuruteraan rekabentuk di negara ini bagi keperluan rantau Asia;
- Sebuah projek baru milik sepenuhnya rakyat Malaysia dengan pelaburan bernilai RM25.0 juta bagi mengeluarkan loji baja berintegrasi penuh dan peralatan. Syarikat akan menjalankan aktiviti R&D untuk membangunkan loji automasi sepenuh merangkumi perisian *Programmable Logic Control (PLC)* dan 80 peratus daripada produk tersebut akan dieksport;
- Sebuah projek usahasama baru milik majoriti rakyat Malaysia dengan pelaburan bernilai RM10.4 juta bagi mengeluarkan *intelligent pipeline inspection gauges (PIG)* bagi industri minyak & gas. Syarikat ini menyediakan perkhidmatan khusus dalam pelbagai perkhidmatan pemeriksaan untuk

rangkaian paip. Ianya juga merupakan syarikat yang pertama di negara ini yang mengeluarkan PIG untuk memenuhi keperluan sektor minyak & gas dan petrokimia di rantau ini;

- Sebuah projek pembesaran/pelbagaian usahasama majoriti milik rakyat Malaysia dengan pelaburan bernilai RM10.4 juta bagi mengeluarkan mesin dan peralatan untuk industri solar seperti mesin *loader/unloader*, *annealing ovens*, mesin *backcoating* dan pengisih. Syarikat yang ditubuhkan pada 2001 sebagai pembekal M&E bagi industri semikonduktor akan mempelbagaikan operasi untuk menyokong industri solar;
- Sebuah projek usahasama baru milik majoriti rakyat asing dengan pelaburan bernilai RM7.3 juta untuk mengeluarkan M&E dan modul berkaitan dan separa pemasangan bagi industri perubatan, semikonduktor dan elektronik. Syarikat merupakan pengeluar kontrak mekatronik yang menumpukan kepada automasi pengeluaran dan siri pengeluaran berjumlah kecil modul dan peralatan yang berteknologi tinggi. Produk yang dikeluarkan akan dieksport sepenuhnya syarikat OEM Eropah dan syarikat kejuruteraan rekabentuk; dan
- Sebuah projek pembesaran/pelbagaian milik sepenuhnya rakyat Malaysia dengan pelaburan bernilai RM4.7 juta bagi mengeluarkan kelengkapan pembersihan dan pengeringan serta peralatan untuk wafer solar PV dan wafer silikon; dan kelengkapan pembersihan ultrasonik berserta peralatan bagi panel paparan mendatar. Syarikat sedang membangunkan sendiri teknologi pembersihan dan pengeringan dan akan mematenkan kelengkapannya.

### **M&E Penjanaan Tenaga**

Subsektor M&E penjanaan tenaga terdiri daripada pengeluaran boiler, kondenser, set penjana elektrik, turbin dan enjin.

Syarikat di dalam subsektor ini mengeluarkan pelbagai jenis M&E penjanaan kuasa seperti boiler, kondenser, enjin, turbin dan set generator perindustrian bagi kegunaan kilang penapisan minyak, pelantar carigali minyak & gas, loji petrokimia dan operasi komersil yang lain, mematuhi standard antarabangsa yang diperakui.

Memandangkan tuntutan bagi tenaga yang mesra pengguna, efisien dan efektif dari segi kos di dalam negara semakin meningkat, subsektor ini dijangka akan meningkatkan rantaian nilai ke dalam pengeluaran M&E penjanaan tenaga termaju dan penyelesaian mesra pengguna seperti turbin air dan angin; dan sistem penjanaan tenaga fotovoltaik.

Syarikat peneraju di dalam subsektor ini termasuk Tractors Malaysia Sdn. Bhd., UMW Industrial Power Sdn. Bhd., Mechmar Boilers Sdn. Bhd., Vickers Hoskins (M) Sdn. Bhd., Enco Systems Sdn. Bhd. dan Transtherm Engineers Sdn. Bhd.

### ***Projek Diluluskan Pada Tahun 2009***

Pada tahun 2009, dua projek dengan pelaburan bernilai RM19.9 juta diluluskan dalam subsektor M&E penjanaan tenaga bagi mengeluarkan set generator; kelengkapan dan peralatan loji tenaga mikro biomas. Kelengkapan dan peralatan loji tenaga mikro biomas merupakan sebuah projek teknologi hijau yang menggunakan bahan organik seperti sekam padi, serpihan kayu dan bahan buangan pertanian lain bagi menghasilkan sehingga 200kW elektrik sejam. Pelaburan domestik berjumlah RM19.8 juta (99.5%) manakala pelaburan asing berjumlah RM0.1 juta (0.5%).

### **Jentera Kerja Logam**

Subsektor jentera kerja logam dibahagikan kepada dua kategori iaitu peralatan mesin pemotong logam dan peralatan mesin pembentuk. M&E dalam kategori ini adalah mesin memotong laser, mesin pusat, mesin *elektro-discharge* (EDM),

mesin pengiling, mesin penggerudi, mesin pelarik, mesin pemotong, gegelung bengkok, mesin penerap, brek tekanan, mesin penempa dan mesin penekan hidraulik dan yang menggunakan kuasa.

Kebanyakan mesin kerja logam yang dikeluarkan oleh pengilang tempatan adalah mesin peralatan pembentukan logam seperti mesin penekan hidraulik dan yang menggunakan kuasa, mesin kerja logam kepingan dan brek tekanan. Syarikat peneraju termasuk AIDA Manufacturing Sdn. Bhd., Hydra-Link Engineering Sdn. Bhd., Li Chin (S.E.A.) Sdn. Bhd. dan Sunfluid Engineering Sdn. Bhd.

### ***Projek Diluluskan Pada Tahun 2009***

Pada tahun 2009, dua projek baru dengan pelaburan bernilai RM2.5 juta diluluskan bagi mengeluarkan mesin kimpalan, mesin pemotong CNC plasma dan mesin CNC *router*. Pelaburan domestik berjumlah RM1.9 juta (76.0%) manakala pelaburan asing berjumlah RM0.6 juta (24.0%).

### **M&E Perindustrian Umum, Komponen dan Peralatan**

Subsektor M&E perindustrian umum, komponen dan peralatan meliputi kategori produk yang meluas seperti loji industri penghawa dingin perindustrian dan kelengkapan, peralatan pengendalian bahan, penyalur tekanan, penukar haba, injap, gasket dan alat kelengkapan.

Syarikat dalam subsektor ini juga menyediakan pelbagai jenis penyelesaian pengendalian bahan daripada sistem pengendalian bahan dalam bentuk unit seperti kren dan lif kepada penyelesaian pengendalian bahan secara pukal, logistik, sistem pengisih dan sistem pergudangan.

Malaysia merupakan pengeluar peneraju di Asia Tenggara bagi penyalur tekanan, kelengkapan memproses dan modul bagi industri kimia, petrokimia

serta industri minyak & gas di Asia Tenggara. Malaysia telahpun mendapat pengiktirafan antarabangsa bagi produk tersebut.

### ***Projek Diluluskan Pada Tahun 2009***

Pada tahun 2009, sejumlah 66 projek dengan pelaburan bernilai RM995.6 juta telah diluluskan dalam subsektor ini. Daripada jumlah ini, 49 merupakan projek baru (RM695.2 juta atau 69.8%) dan 17 adalah projek pembesaran/pelbagaian (RM300.4 juta atau 30.2%). Pelaburan domestik berjumlah RM442.8 juta (44.5%) manakala pelaburan asing berjumlah RM552.8 juta (55.5%).

Projek utama yang diluluskan termasuk:

- Sebuah projek baru milik sepenuhnya rakyat asing dengan pelaburan bernilai RM165.8 juta bagi mengeluarkan sistem *reverse osmosis* air laut bagi pasaran eksport; dan
- Sebuah projek baru milik sepenuhnya rakyat Malaysia dengan pelaburan bernilai RM35.2 juta bagi mengeluarkan kren kontena dermaga dan kren gantri bertayar getah bagi pengendalian kargo di pelabuhan. Sumber teknologi akan diperolehi daripada negara Jerman dan Jepun.

Pelaburan asing (51.4%) secara relatifnya adalah yang tinggi dalam industri M&E menunjukkan bahawa Malaysia terus lagi menjadi lokasi menarik bagi syarikat untuk mengeluarkan produk dengan kos yang kompetitif. Jenis produk yang dicadang untuk dikeluarkan juga menunjukkan bahawa syarikat menuju ke arah mengeluarkan M&E, modul, komponen dan peralatan yang berteknologi tinggi dan bernilai ditambah tinggi.

Kejayaan Malaysia menarik pelaburan dalam industri bernilai ditambah tinggi seperti solar/fotovoltaik, perubatan dan aeroangkasa akan mewujudkan peluang dan pasaran baru bagi pengeluar kelengkapan automasi tempatan untuk mempelbagaikan usaha mereka bagi memenuhi keperluan industri ini. M&E

khusus akan terus menjadi subsektor utama dalam industri M&E. Antara produk bernilai ditambah tinggi yang dicadangkan oleh syarikat tempatan dan asing termasuk kelengkapan pembersihan dan pengeringan bagi solar wafer PV dan wafer silikon, kelengkapan pembersihan ultrasonik bagi panel paparan mendatar, mesin untuk industri solar, modul dan separa pemasangan bagi industri perubatan, semikonduktor dan elektronik, dan *intelligent pipeline inspection gauges (PIG)* bagi industri minyak dan gas.

Industri sokongan kejuruteraan yang dinamik di Malaysia yang kompetitif dari segi kos, kompeten dan berupaya membekalkan pelbagai jenis peralatan dan komponen serta perkhidmatan berkaitan, menjadikan halatuju industri M&E untuk memfokus dan memperkuuhkan aktiviti teras seperti R&D, D&D, prototaip, pembangunan perisian, integrasi sistem, pemasangan, pengujian dan penentukan. Ini akan membolehkan industri untuk menghadapi persaingan yang semakin meningkat daripada negara membangun dalam mengejar peluang baru di pasaran antarabangsa.

## **INDUSTRI SOKONGAN KEJURUTERAAN**

Industri sokongan kejuruteraan di Malaysia terutamanya meliputi acuan dan dai, pemesinan, penghentakan logam, penuangan logam, kejuruteraan permukaan, rawatan haba dan aktiviti penempaan yang telah dilalui empat dekad yang lalu dan berkembang selaras dengan transformasi negara daripada ekonomi yang bergantung kepada pertanian kepada hub pengilangan antarabangsa.

Kini, industri ini sedang memperkuuh dan merasionalisasikan kedudukan mereka bagi menghadapi cabaran dalam menyokong sektor pengilangan di Malaysia yang bergerak menuju ke arah industri berteknologi tinggi, berintensifkan modal dan bernilai ditambah tinggi. Berasaskan pengalaman luas dan mendapat pengiktirafan antarabangsa di atas keupayaan mereka, pengeluaran kualiti yang konsisten serta penghantaran yang cepat dan dipercayai bagi pelbagai jenis aktiviti kejuruteraan terutamanya dalam

pemesinan dan fabrikasi, syarikat dalam industri telah mempertingkatkan kemudahan sedia ada dan memperolehi teknologi dalam menghadapi keperluan ketat OEM bagi peralatan dan komponen serta perkhidmatan kejuruteraan berkejituhan tinggi.

Dengan mempertingkatkan rantaian nilai dan menyediakan *total manufacturing solutions* di samping mengeluarkan peralatan dan komponen bagi industri berteknologi tinggi dalam E&E, automotif, pengilangan jentera, perubatan, minyak & gas, aeroangkasa, industri pertahanan dan solar/fotovoltaik, industri ini akan menjadi penyumbang utama dalam usaha Malaysia untuk menjadi lokasi pilihan bagi permintaan penyumberan luar antarabangsa.

Antara syarikat peneraju Malaysia yang berupaya menyediakan *total manufacturing solutions* bagi permintaan global termaju adalah Alpha Master Sdn. Bhd., Atasmi Precision Machinist Sdn Bhd., UWC Holdings Sdn. Bhd., Lypometal Sdn. Bhd., Kobay Technology Sdn. Bhd. dan Kein Hing International Bhd. Syarikat ini membangunkan dan mengeluar komponen modular bernilai ditambah tinggi, struktur mesin, komponen kejuruteraan berkejituhan tinggi, fabrikasi logam kepingan dan menjalankan aktiviti kemasan permukaan.


### ***Projek Diluluskan Pada Tahun 2009***

Pada tahun 2009, sejumlah 64 projek diluluskan dalam industri sokongan kejuruteraan dengan pelaburan bernilai RM454.2 juta. Daripada jumlah ini, 41 adalah projek baru (RM307.1 juta atau 67.6%) dan 23 adalah projek pembesaran/pelbagaian (RM147.1 juta atau 32.4%). Pelaburan domestik berjumlah RM262.9 juta (57.9%) dan pelaburan asing berjumlah RM191.3 juta (42.1%). Projek yang diluluskan pada tahun 2009 dijangka akan mewujudkan 4,027 peluang pekerjaan.

Daripada 64 projek yang diluluskan:

- 21 projek adalah dalam subsektor acuan dan dai dengan pelaburan berjumlah RM152.8 juta;
- 26 projek adalah dalam subsektor pemesinan dengan pelaburan berjumlah RM228.1 juta;
- Satu projek adalah dalam subsektor hentakan logam dengan pelaburan berjumlah RM0.4 juta;
- Empat projek adalah dalam subsektor kas logam dengan pelaburan sebanyak RM29.8 juta;
- Sembilan projek adalah dalam subsektor kejuruteraan permukaan dengan pelaburan sebanyak RM33.4 juta;
- Dua projek adalah di dalam subsektor pengolahan dengan pelaburan sebanyak RM5.6 juta; dan
- Satu projek adalah dalam subsektor penempaan dengan pelaburan sebanyak RM4.0 juta.

**Graf 21**  
**Pelaburan bagi Projek Diluluskan dalam Industri Sokongan Kejuruteraan  
mengikut Subsektor, 2009**



Projek utama yang diluluskan termasuk:

- Satu projek baru milik sepenuhnya rakyat asing dengan pelaburan bernilai RM67.3 juta untuk menjalankan aktiviti pemesinan bagi industri E&E. Syarikat akan menjalankan pemesinan berkejituhan tinggi sehingga ke 5 mikron bagi komponen pemacu cakera keras seperti aktuator, damper, anti-cakera dan pemisah untuk pasaran eksport;
- Sebuah projek pembesaran/pelbagai milik majoriti rakyat Malaysia dengan pelaburan bernilai RM60.8 juta untuk mengeluarkan perkakasan dan dai. Projek pembesaran/pelbagai ini adalah merupakan tambahan kepada keupayaan sedia ada kumpulan syarikat dalam penghentakan logam, penempaan serta fabrikasi dan akan merubah kumpulan syarikat tersebut untuk menjadi pembekal penyelesaian setempat;
- Sebuah projek baru milik sepenuhnya rakyat asing dengan pelaburan berjumlah RM25.3 juta bagi mengeluarkan *stud bolts, threaded rods, nuts,*

*socket head cap screws, hex bolts, pin dan customised machined parts.* Kilang di Malaysia akan menjadi pusat pengilangan dan pengedaran bagi kumpulan syarikat di rantau Asia Pasifik;

- Sebuah projek baru milik sepenuhnya rakyat Malaysia dengan pelaburan berjumlah RM9.8 juta bagi menjalankan aktiviti *electroless plating* dan *electroplating* bagi industri E&E dan telekomunikasi. Pelanggan syarikat termasuk syarikat multinasional seperti Sony, Canon, Sharp-Roxy, Fuji, Panasonic dan Dell;
- Sebuah projek baru milik sepenuhnya rakyat asing dengan pelaburan berjumlah RM9.3 juta bagi mengeluarkan acuan, alatan dan dai; komponen penghentakan logam; separa pemasangan peralatan dan komponen bagi industri E&E dan automotif. Syarikat akan mengadaptasi teknologi proses pengilangan termaju yang terbaru daripada negara Jepun bagi merekabentuk peralatan dan komponen mengikut tempahan; dan
- Sebuah projek pembesaran/pelbaian milik sepenuhnya rakyat Malaysia dengan pelaburan berjumlah RM8.0 juta bagi mengeluarkan penuangan logam besi. Syarikat yang terlibat dalam aktiviti kas bagi industri pembinaan akan membesar pengeluarannya bagi memenuhi keperluan industri automotif.

Berdasarkan senario pengilangan antarabangsa yang semakin kompetitif, setakat mana dan betapa efisiennya pengurusan penyumberan luar akan menentukan tahap kompetitif yang akan dinikmati oleh OEM dan ODM. Bagi mengurangkan kos pengurusan rantaian bekalan, syarikat utama dalam industri ini mencari penyelesaian menyeluruh atau pembekal penyelesaian pengilangan dan pembekal antarabangsa yang akan mengurus pembekal komponen, peralatan dan perkhidmatan yang lebih kecil. Dalam abad yang akan datang, pasaran penyumberan luar antarabangsa dijangka tumbuh dengan pesat. Oleh itu, Malaysia perlu mengadakan lebih banyak penyelesaian menyeluruh atau

pembekal penyelesaian pengilangan untuk memperolehi syer permintaan pasaran global yang lebih besar, terutama sekali bagi industri berteknologi tinggi.

Syarikat dalam industri sokongan kejuruteraan sedang melakukan penyusunan semula bagi membekalkan perkhidmatan kejuruteraan pelbagai atau menyeluruh. Pihak Kerajaan perlu mempergiatkan lagi usaha bagi menggalakkan syarikat utama untuk berubah menjadi pembekal menyeluruh bernilai tinggi yang mampu memberikan perkhidmatan pakej yang kompetitif dari segi kos, daripada konsepsi produk dan R&D kepada siri pengeluaran dan sekiranya diperlukan, pengurusan bagi keseluruhan proses termasuk logistik, pembungkusan, pengujian dan perakuan.

Industri sokongan kejuruteraan akan terus memainkan peranan penting dalam mencapai visi negara untuk menjadi lokasi pilihan bagi penyumberan luar aktiviti pengilangan.

## **PRODUK LOGAM ASAS**

Industri produk logam asas di Malaysia memainkan peranan utama dalam pembangunan sektor perkilangan dan pembinaan. Industri ini meliputi industri pemprosesan asas dan pengilangan ferus hiliran (besi dan keluli) dan produk-produk logam bukan ferus (aluminium, timah, tembaga, zink, plumbum, dsb). Industri ini boleh dikategorikan ke dalam dua subsektor utama, iaitu:

- *Long products* yang terdiri daripada *billets*, *blooms*, *sections*, *bar* dan gegelung dawai dan produk dawai hiliran seperti *wire mesh*, *hard drawn wire*, *bolt*, *nat* dan *paku*; dan
- *Flat products* yang terdiri daripada *hot rolled coils*, *plates and sheets*, *cold rolled coils* and *sheets* dan produk hiliran seperti *paip*, gegelung galvani, kepingan timah dan produk fabrikasi.

Pada masa ini terdapat 410 syarikat sedang beroperasi dengan nilai jualan berjumlah RM41.1 bilion dan gunatenaga seramai 48,400 orang. Pelbagai jenis produk ferus dan bukan ferus dikeluarkan termasuk:

- Produk keluli asas (*direct reduced iron (DRI) dan hot briquetted iron (HBI), billets dan blooms*);
- *Rolling/finished products (bar, gegelung dawai, sections, hot rolled coils, plates and sheets, cold-rolled coils)*;
- *Secondary long products* (dawai dan produk dawai);
- *Secondary flat products* (paip dan peralatan paip, kepingan timah);
- Gegelung/helaian aluminium;
- Jongkong aluminium (dikitar semula);
- Rod aluminium dan *aluminium extruded profiles*;
- Rod/dawai tembaga;
- Kepingan tembaga;
- Tiub/penyemperitan tembaga; dan
- Timah.

Pada tahun 2009 (Januari-November), import produk besi dan keluli berjumlah RM16.3 bilion manakala import produk logam bukan ferus berjumlah RM12.3 bilion.

Eksport produk besi dan keluli berjumlah RM8.3 bilion pada tahun 2009 (Januari-November) manakala eksport produk logam bukan ferus berjumlah RM6.1 bilion bagi tempoh yang sama tahun 2009.

Pada tahun 2008, penggunaan keluli di Malaysia berjumlah 8.3 juta tan, iaitu penurunan sebanyak 6.0 peratus dari tahun 2007. *Flat products* menyumbang 53.9 peratus (4.5 juta tan) daripada penggunaan keluli, dan *long products* menyumbang sebanyak 46.1 peratus (3.8 juta tan). Pada tahun 2008, prestasi keseluruhan industri keluli telah dipengaruhi oleh kemerosotan ekonomi semasa.

Malaysia mengeluarkan 6.4 juta tan keluli mentah pada tahun 2008 dan merupakan pengeluar terbesar keluli mentah di ASEAN, dengan menyumbang sebanyak 33.0 peratus daripada jumlah pengeluaran serantau.

Pengeluaran keluli di Malaysia didominasi oleh *long products*, yang digunakan terutamanya dalam sektor pembinaan, seperti batang besi (2.3 juta tan) dan rod dawai (1.1 juta tan). Pengeluaran *flat products* seperti *hot rolled coils* (1.7 juta tan) dan *cold rolled coils* (0.7 juta tan) semakin meningkat selaras dengan peningkatan kegiatan perkilangan.

Bahan mentah utama dalam pembuatan keluli adalah DRI/HBI serta sisa keluli. Dengan meningkatnya permintaan daripada pengendali *electric arc furnace*, pengeluaran HBI dan DRI telah meningkat daripada 1.9 juta tan pada tahun 2007 menjadi 2.0 juta tan pada tahun 2008.

### ***Produk Diluluskan Pada Tahun 2009***

Pada tahun 2009, sejumlah 30 projek telah diluluskan dengan pelaburan sebanyak RM2.6 bilion. Daripada jumlah ini, 18 projek adalah projek baru dengan pelaburan berjumlah RM0.6 bilion (23.1%) manakala 12 merupakan projek pembesaran/pelbagaian dengan pelaburan berjumlah RM2.0 bilion (76.9%). Daripada jumlah pelaburan dalam projek yang diluluskan, RM2.2 bilion atau 84.6 peratus merupakan pelaburan domestik manakala RM0.4 bilion atau 15.4 peratus adalah pelaburan asing.

Secara keseluruhan, pelaburan sebanyak RM2.6 bilion dalam produk logam asas pada tahun 2009 telah melebihi sasaran pelaburan IMP3 iaitu RM1.9 bilion setiap tahun.

Daripada 30 projek yang diluluskan:

- 25 projek adalah untuk mengeluarkan produk besi dan keluli asas dengan pelaburan berjumlah RM0.8 bilion; dan

- 5 projek adalah untuk mengeluarkan produk logam bukan ferus dengan pelaburan berjumlah RM1.8 bilion.

Projek utama yang diluluskan termasuk:

- Sebuah projek pembesaran milik majoriti rakyat Malaysia dengan pelaburan berjumlah RM1.6 bilion bagi mengeluarkan jongkong aluminium, jongkong aloi aluminium dan *billets* aluminium;
- Sebuah projek baru milik sepenuhnya rakyat Malaysia dengan pelaburan berjumlah RM131.0 juta untuk mengeluarkan *cold rolled steel strip in coil*;
- Sebuah projek baru milik majoriti rakyat asing dengan pelaburan berjumlah RM122.0 juta untuk mengeluarkan *gold dore bars*;
- Sebuah projek pembesaran milik majoriti rakyat Malaysia dengan pelaburan berjumlah RM116.0 juta bagi mengeluarkan *steel billets* dan *steel bars*;
- Sebuah projek baru milik majoriti rakyat asing dengan pelaburan berjumlah RM95.0 juta bagi mengeluarkan *carbon steel fasteners*; dan
- Sebuah projek pembesaran milik majoriti rakyat Malaysia dengan pelaburan berjumlah RM75.0 juta untuk mengeluarkan *steel billets*.

Pada tahun 2009, Kerajaan telah memperkenalkan beberapa langkah untuk mempertingkatkan lagi daya saing industri keluli tempatan. Langkah-langkah ini yang berkuatkuasa dari 1 Ogos 2009 termasuk:

- Lesen pengilang akan diberikan tanpa sekatan bagi memenuhi permintaan pasaran domestik dan eksport untuk *long and flat products*;

- Keperluan bagi lesen import dan duti import pada produk besi dan keluli diliberalisasikan. Duti import pada produk besi dan keluli akan dikurangkan secara berperingkat kepada 0-10 peratus pada tahun 2018; dan
- Standard piawaian bagi produk besi dan keluli terpilih akan dikuatkuasakan bagi memastikan supaya produk berkualiti dikeluarkan dan diimport ke dalam negara.

## **PRODUK LOGAM FABRIKASI**

Aktiviti fabrikasi logam boleh diklasifikasikan dalam empat kategori iaitu:

- Fabrikasi bagi industri minyak dan gas luar pesisir/di darat;
- Fabrikasi pembinaan awam dan bangunan;
- Fabrikasi loji pengilangan dan pemprosesan; dan
- Fabrikasi struktur kelengkapan dan komponen serta jentera perindustrian.

Industri ini juga merangkumi produk lain seperti pengilangan tangki, tong, kotak logam, bekas tin, perabot dan kelengkapan logam, dawai dan produk dawai, produk logam bukan ferus serta perkakasan isi rumah.

### ***Projek Diluluskan Pada Tahun 2009***

Pada tahun 2009, sejumlah 35 projek telah diluluskan untuk mengeluarkan produk logam fabrikasi dengan pelaburan sebanyak RM915.8 juta. Pelaburan domestik berjumlah RM332.1 juta (36.3%), manakala pelaburan asing berjumlah RM583.7 juta (63.7%). Daripada 35 projek yang diluluskan, 25 merupakan projek baru (RM688.6 juta) dan sepuluh adalah projek pembesaran/pelbagai (RM227.2 juta). Projek yang diluluskan pada tahun 2009 dijangka akan mewujudkan peluang pekerjaan kepada 1,846 orang.

Projek utama yang diluluskan termasuk:

- Sebuah projek baru milik sepenuhnya rakyat asing dengan pelaburan berjumlah RM324.0 juta untuk mengeluarkan tali dawai untuk pesisir luar pantai dan aplikasi perlombongan, tali fiber sintetik, *parallel wire strand* untuk jambatan kabel, rantai sauh, soket, *thimbles* dan kunci;
- Sebuah projek baru milik sepenuhnya rakyat asing dengan pelaburan berjumlah RM120.4 juta untuk mengeluarkan rod dan dawai tembaga;
- Sebuah projek pembesaran milik sepenuhnya rakyat Malaysia dengan pelaburan berjumlah RM87.0 juta untuk menjalankan aktiviti fabrikasi perindustrian;
- Sebuah projek baru milik majoriti rakyat asing dengan pelaburan berjumlah RM39.9 juta untuk mengeluarkan penutup tong dan *slitted/sheared steel sheets*; dan
- Sebuah projek baru milik majoriti rakyat Malaysia dengan pelaburan berjumlah RM37.7 juta untuk mengeluarkan modul dan kelengkapan bagi pemprosesan minyak dan gas di darat dan pesisir pantai.

Industri fabrikasi logam di Malaysia adalah industri yang tertubuh. Syarikat fabrikasi tempatan telah membina keupayaan bertaraf dunia dalam pelbagai aktiviti fabrikasi logam. KNM Group Berhad adalah syarikat peneraju Malaysia dalam pengeluaran kelengkapan pemprosesan bagi industri minyak dan gas, petrokimia, pemprosesan mineral, *desalination*, tenaga diperbaharui (*renewable energy*), bahan kimia, penjanaan wap, kuasa dan persekitaran. Kini, kumpulan syarikat ini sedang beroperasi dengan 19 kemudahan pengilangan dan pusat kejuruteraan dalam 12 buah negara yang menawarkan liputan yang komprehensif dan pelbagai bagi produk dan perkhidmatan kepada pelanggannya di lebih dari 60 buah negara.

Petra Fabricators Sdn. Bhd adalah salah satu daripada syarikat fabrikasi utama yang mempunyai pengkhususan dalam rekabentuk pakej pemprosesan dan pemindahan haba, vesel tekanan, pakej pengilangan jentera pemprosesan, *expansion joints*, serta kelengkapan industri lain bagi minyak dan gas, petrokimia dan industri am. Petra Fabricators telah memperolehi projek di Thailand, Vietnam, Myanmar, Indonesia, Brunei, India, Nigeria, Qatar, Emiriah Arab Bersatu dan United Kingdom.

Syarikat peneraju lain dalam industri fabrikasi produk logam termasuk Nam Fatt Corporation Berhad, Ikatan Engineering Sdn. Bhd. Dan Kencana HL Engineering Sdn. Bhd.

## **TEKSTIL DAN PRODUK TEKSTIL**

Industri tekstil dan produk tekstil di Malaysia boleh diklasifikasikan kepada aktiviti berikut:

- Aktiviti huluan merangkumi pengeluaran fiber dan benang (asli dan tiruan), fabrik (tenun, kait dan bukan tenun) serta aktiviti-aktiviti pelunturan, pencelupan, penyiapan dan percetakan; dan
- Aktiviti hiliran meliputi pengeluaran pakaian siap (kemeja, seluar, skirt), produk tekstil isi rumah (cadar, alas meja, tuala), produk tekstil perindustrian (tali, tali pintal) dan aksesori tekstil (zip, benang jahitan, tali penjerut).

Setakat ini, terdapat 670 syarikat diluluskan Lesen Pengilang sedang beroperasi dengan pelaburan berjumlah RM8.6 bilion. Di samping itu, dianggarkan 1,000 syarikat tekstil kecil-kecilan yang dikecualikan daripada Lesen Pengilang sedang beroperasi. Industri ini menggaji lebih daripada 68,200 gunatenaga.

Disebabkan daya saing global, pengeluar tekstil Malaysia telah meningkatkan rantaian nilai dengan mempelbagaikan pengeluaran tekstil bernilai ditambah

tinggi, menjalankan automasi dan pengilangan berkomputer, kerjasama perniagaan dengan syarikat asing bagi memperoleh teknologi terkini dan menjalankan aktiviti R&D bagi menyediakan proses baru, membangunkan aplikasi baru dan produk bernilai ditambah.

Malaysia merupakan pengeksport bersih bagi tekstil dan produk tekstil bagi tempoh Januari hingga November 2009 dengan jumlah eksport sebanyak RM8.1 bilion. Manakala import berjumlah RM4.0 bilion. Produk utama yang dieksport adalah pakaian dan aksesori pakaian. Pengilang pakaian Malaysia terus mengekalkan reputasi cemerlang dari segi kualiti dan berkeupayaan mengeluarkan jenama terkemuka seperti Nike, Adidas, DKNY, Ann Taylor, Armani, Talbots dan Tommy Hilfiger. Produk utama yang diimport adalah benang dan fabrik tenun.


### ***Projek Diluluskan Pada Tahun 2009***

Pada tahun 2009, sebanyak sembilan projek telah diluluskan dengan pelaburan berjumlah RM333.6 juta. Pelaburan asing berjumlah RM225.2 juta (67.5%) manakala pelaburan domestik berjumlah RM108.4 juta (32.5%).

Daripada projek yang diluluskan, empat adalah bagi pengeluaran pakaian siap dan satu masing-masing adalah untuk mengeluarkan fiber dan benang; produk tekstil; aksesori tekstil; dan tekstil yang dikitar semula. Projek-projek yang diluluskan dijangka akan mewujudkan sejumlah 1,345 peluang pekerjaan.

Aliran masuk pelaburan yang berterusan ke dalam industri tekstil dan tekstil produk adalah disumbang oleh kombinasi pelbagai faktor seperti suasana perniagaan yang kondusif, tahap pembangunan infrastruktur yang baik, kos bagi memulakan perniagaan yang rendah dan kesediadaan tenaga kerja mahir dan berpengalaman.

**Graf 22**  
**Pelaburan bagi Projek Diluluskan dalam Industri Tekstil dan Produk Tekstil**  
**mengikut Subsektor, 2009**



Projek utama diluluskan termasuk:

- Sebuah projek baru milik majoriti rakyat asing dengan pelaburan berjumlah RM287.8 juta bagi mengeluarkan benang filamen poliester khusus. Ini adalah projek pertama yang seumpamanya bagi menghasilkan benang filamen mikro berciri teknikal dan *functional* seperti tahan haba, *breathable* dan anti-bakteria. Kesemua pengeluaran syarikat adalah untuk pasaran eksport;
- Sebuah projek baru milik majoriti rakyat asing bagi mengeluarkan fabrik tenun dengan pelaburan berjumlah RM9.5 juta. Produk ini kebanyakannya adalah untuk pasaran eksport ke Republik Rakyat China, Republik Korea dan Amerika Syarikat; dan
- Sebuah projek baru milik majoriti rakyat asing dengan pelaburan berjumlah RM2.3 juta bagi mengeluarkan pakaian siap. Syarikat bercadang untuk menggunakan keping lateks domestik dan fabrik berlapis lateks bagi

mengeluarkan pakaian sukan, pakaian renang, pakaian ski atau pakaian musim sejuk, terutamanya untuk keperluan pasaran eksport.

Prospek masa depan industri tekstil di Malaysia adalah bergantung kepada promosi tekstil bermutu tinggi, pakaian siap dan produk tekstil dengan fungsi dan ciri-ciri teknikal. Penggunaan produk tekstil dengan fungsi dan berciri-ciri teknikal adalah bagi subsektor seperti aeroangkasa, automotif, perindustrian, pembinaan, perlindungan anti-balistik (polis, tentera), perkapalan, pakaian bermutu tinggi (pencegah kebakaran, perlumbaan), perubatan, pakaian sukan dan penapisan.

## **INDUSTRI PERALATAN PERUBATAN**

Industri peralatan perubatan merupakan salah satu industri yang berkembang pesat dan inovatif di dunia. Industri ini terdiri daripada kelengkapan, perkakasan, peralatan dan kepenggunaan yang digunakan di dalam industri penjagaan kesihatan bagi tujuan diagnosis, pencegahan, pengawasan dan rawatan penyakit serta kecederaan. Perubatan saintifik termaju seperti integrasi biologi dan perubatan ke dalam peralatan dan jangka hayat yang lebih panjang serta peningkatan permintaan bagi kemudahan dan perkhidmatan kesihatan yang lebih baik mendorong kepada perkembangan dan pertumbuhan teknologi yang lebih pesat dalam industri ini. Pasaran bagi kelengkapan perubatan seluruh dunia dianggarkan sebanyak US\$219.2 bilion pada tahun 2009 dan dianggarkan akan meningkat menjadi US\$232.7 bilion pada tahun 2010. Di Malaysia, penggunaan peralatan perubatan dijangka meningkat sehingga US\$877.0 juta pada tahun 2010 berbanding US\$826.0 juta pada tahun 2009.

Industri ini telah didominasi oleh banyak syarikat kecil dan sederhana (SMI) yang terlibat dalam pengeluaran sarung tangan perubatan dan lain-lain produk perubatan pakai buang. Pada masa ini, terdapat lebih daripada 180 pengeluar peralatan perubatan di Malaysia termasuk syarikat multinasional. Syarikat multinasional di dalam industri ini terlibat dalam pengeluaran produk bernilai tinggi seperti produk ortopedik, peralatan pembedahan, elektrod perubatan,

*safety intravenous cannulae, pacemakers, defibrillators, alat dialisis dan lensa optalmik.* Syarikat multinasional ini meliputi Ambu, B. Braun, C.R. Bard, Ciba Vision, Meditop Corporation, St. Jude Medical dan Symmetry Medical.

Sektor peralatan perubatan merupakan salah satu sektor utama yang telah dikenalpasti oleh Kerajaan untuk dibangunkan pada masa hadapan dengan meningkatnya permintaan untuk produk penjagaan kesihatan dan perubatan, didorong oleh peningkatan populasi global, kemakmuran dan jangka hayat yang lebih panjang. Industri ini terus berkembang kerana syarikat peralatan perubatan wujud iaitu syarikat tempatan dan syarikat asing turut membesar kan kemudahan dan operasi mereka di Malaysia serta kemudahan pengilangan baru di negara ini. Syarikat sediada ini termasuk Ambu, B. Braun, Meditop, Symmetry Medical dan Top Glove.

Kewujudan industri sokongan bagi industri peralatan perubatan, yang merangkumi perkhidmatan pensterilan, pembungkusan perubatan steril, kejuruteraan jitu, pembuatan alatan dan dai kepada pemasang, fabrikasi dan EMS jentera juga telah meningkatkan kedudukan Malaysia sebagai sebuah destinasi penyumberan luar dan pembekal global bagi alatan dan komponen kepada syarikat kelengkapan dan peralatan perubatan utama. Minat yang ditunjukkan oleh syarikat pengeluar kejuruteraan jitu, elektronik dan plastik tempatan terus meningkat untuk mempelbagaikan operasi mereka di dalam sektor ini. Pada masa yang sama, syarikat multinasional turut menggunakan aktiviti penyumberan luar bagi beberapa aktiviti/bahagian pengilangan dan komponen kepada SMI tempatan. Aktiviti penyumberan luar yang telah diambil alih oleh SMI termasuk pemesinan, fabrikasi logam helaian, acuan dan pembungkusan.

Bagi tempoh Januari-November 2009, eksport peralatan perubatan adalah bernilai RM8.0 bilion. Malaysia terus menjadi pengeluar dan pengeksport utama dunia bagi sarung tangan perubatan dan katerer dengan eksport bernilai RM6.2 bilion, yang mewakili lebih kurang 77.5 peratus daripada jumlah eksport. Eksport

utama lain bagi peralatan dan produk perubatan merangkumi kelengkapan dan perkakasan yang digunakan dalam perubatan, pembedahan, pergigian atau sains veterinar (RM785.8 juta), lensa optalmik termasuk lensa sentuh (RM378.6 juta) dan perkakasan ortopedik (RM109.8 juta). Amerika Syarikat, Kesatuan Eropah dan Jepun merupakan destinasi utama eksport.

### ***Projek Diluluskan Pada Tahun 2009***

Pada tahun 2009, sebanyak 25 projek dengan pelaburan berjumlah RM656.4 juta telah diluluskan. Daripada jumlah tersebut, 12 adalah projek baru (RM410.5 juta) dan 13 merupakan projek pembesaran/pelbagai (RM245.9 juta). Pelaburan asing yang berjumlah RM361.0 juta (55%) mewakili sebahagian besar pelaburan tersebut manakala pelaburan domestik berjumlah RM295.4 juta (45%). Antara produk yang diluluskan adalah peralatan perubatan seperti implan ortopedik, peralatan pembedahan jahitan, elektrod perubatan, video liputan, beg perubatan bagi cecair, *ceramic dental crowns* dan *bridges*, *synthetic bone graft substitutes*, *scalp vein sets* dan *surgical* dan sarung tangan perubatan.

Antara projek utama yang diluluskan adalah:

- Sebuah projek pembesaran milik penuh rakyat asing bagi membesarkan kapasiti pengeluaran elektrod yang sediada dan juga untuk menghasilkan produk baru iaitu liputan video perubatan pakai buang. Keseluruhan produk akan dieksport ke Amerika Syarikat, Kesatuan Eropah dan Jepun; dan
- Sebuah projek pembesaran milik penuh rakyat asing dengan pelaburan bernilai RM55.0 juta bagi mengeluarkan jarum tulang belakang, jarum perubatan pakai buang, tiub PVC, *scalp vein sets*, *extension tubes* dan komponen, peralatan acuan suntikan plastik bagi jarum pakai buang perubatan, beg kencing dan komponen, *sterile disposable infusion sets* serta katerer plastik dan komponen. Kesemua produk akan dieksport ke Jepun.

Dengan penekanan yang tinggi oleh Kerajaan bagi mempromosi perkhidmatan kesihatan dan sistem penjagaan kesihatan, peluang yang lebih besar akan diwujudkan terutamanya kepada produk bernilai ditambah tinggi seperti peralatan elektro medikal, peralatan kardiovaskular, peralatan ortopedik, produk diagnostic in-vitro, produk rawatan luka, peralatan penjagaan kesihatan dan produk penjagaan diri di rumah.

## **PERTANIAN DAN PEMPROSESAN MAKANAN**

Sektor pertanian (termasuk perhutanan dan perikanan) menyumbang sebanyak 8.0 peratus kepada KDNK dalam tiga suku pertama tahun 2009, dengan subsektor ternakan dan hasil pertanian lain masing-masing menunjukkan pertumbuhan positif iaitu sebanyak 7.4 peratus dan 11.5 peratus. Pertumbuhan yang tinggi dicatatkan oleh subsektor ini adalah disebabkan oleh peningkatan pengeluaran ternakan ayam itik, ternakan lembu, sayur-sayuran, buah-buahan dan padi. Kerajaan akan terus menggalakkan subsektor ini kerana ianya merupakan sumber pendapatan penting di kawasan luar bandar dan mempunyai rangkaian yang ketara dengan sektor pemprosesan makanan.

Kekurangan makanan global dan krisis makanan pada awal tahun 2008 mendorong Kerajaan memperkenalkan Polisi Sekuriti Makanan Nasional bagi memastikan bekalan makanan adalah mencukupi di dalam negara. Salah satu program tersebut adalah termasuk pembangunan koridor baru yang dijangka akan meningkatkan pengeluaran pertanian serta memulihkan semula sektor pertanian negara. Koridor ini mencadangkan antara lainnya adalah pembesaran perladangan komersil berskala besar, memperluaskan penggunaan teknologi moden, pembangunan aktiviti nilai ditambah, pemberian pengurusan rantaian bekalan dan penglibatan sektor swasta sebagai syarikat tunjang dalam koridor ini.

Malaysia kekal sebagai pengimport bersih makanan bagi tahun 2009. Bagi tempoh Januari-November 2009, jumlah import adalah bernilai RM24.4 bilion.

Import utama adalah bijirin dan penyediaan bijirin (RM5.4 bilion), koko (RM3.9 bilion), sayur-sayuran dan buah-buahan (RM3.1 bilion), gula dan konfeksi gula (RM2.4 bilion) serta makanan haiwan (RM2.3 bilion). Bahan mentah seperti bijirin dan produk tenusu akan terus diimport bagi pemprosesan lanjut bagi kegunaan manusia serta juga bagi pengeluaran makanan haiwan.

Bagi tempoh Januari-November 2009, eksport adalah berjumlah RM14.3 bilion. Eksport produk utama adalah koko (RM3.7 bilion), produk perikanan (RM2.0 bilion), marjerin dan lelemak (RM1.4 bilion); serta bijirin dan penyediaan bijirin (RM1.2 bilion).

## **Pertanian**

Sektor pertanian merangkumi akuakultur dan perikanan marin, penanaman hasil tanaman/buah-buahan/sayur-sayuran, florikultur, ikan hiasan, penternakan binatang dan apikultur. Ternakan, perikanan, buah-buahan dan sayur-sayuran merupakan subsektor utama yang mempunyai rantaian signifikan dalam industri pemprosesan makanan di Malaysia.

Ayam dan lembu adalah produk utama dalam subsektor ternakan binatang. Malaysia masih boleh menampung permintaan terhadap ternakan ayam itik, tetapi permintaan domestik terhadap daging lembu masih terus ditampung oleh import. Industri penternakan ayam boleh mengeluarkan sehingga 764,000 tan daging ayam dan 7 bilion telur ayam setiap tahun. Daripada pengeluaran tersebut, sebanyak 10-15 peratus adalah untuk dieksport terutamanya ke Singapura. Ternakan ayam telah mencapai peningkatan besar dengan penggunaan meluas sistem reban-tertutup yang lebih mesra alam dan telah menyumbang kepada produktiviti yang lebih tinggi dan risiko rendah terhadap penyakit. Untuk lebih menggalakkan ladang-ladang sediada beralih ke sistem reban-tertutup, Kerajaan telah menyediakan insentif-insentif menarik bagi aktiviti ini. Jumlah eksport produk ternakan adalah sebanyak RM1.5 bilion pada tahun 2009 (Januari-November).

Subsektor perikanan di Malaysia boleh dikategorikan kepada penangkapan perikanan marin dan akuakultur. Akuakultur kekal sebagai segmen pertumbuhan terpantas dalam subsektor ini dengan anggaran pengeluaran tahunan sebanyak 300,000 tan metrik. Jumlah eksport Malaysia bagi ikan dan makanan laut lain bagi tempoh Januari-November 2009 bernilai RM2.0 bilion. Krustasia dan moluska merupakan eksport utama yang bernilai RM1.2 bilion.

Bagi tempoh Januari-November 2009, eksport sayur-sayuran dan buah-buahan bernilai RM1.1 bilion. Kebanyakan pengeluaran buah-buahan ini adalah untuk penggunaan segar di pasaran domestik. Selain itu, buah-buahan tempatan seperti mangga, belimbing dan betik, penanaman pitaya (buah naga) turut meningkat. Buah-buahan yang diimport adalah buah-buahan daripada negara beriklim sederhana seperti epal, anggur dan oren. Jumlah import sayur-sayuran dan buah-buahan bernilai RM3.1 bilion pada tahun 2009 (Januari-November).

### ***Projek Diluluskan Pada Tahun 2009***

Pada tahun 2009, sejumlah 75 projek pertanian telah diluluskan insentif. Pelaburan dalam projek ini bernilai RM701.0 juta. Daripada projek diluluskan, 73 adalah projek baru (RM674.0 juta), manakala dua adalah projek pembesaran/pelbagaiian (RM27.0 juta). Pelaburan tempatan bernilai RM670.7 juta (95.7%) manakala pelaburan asing bernilai RM30.3 juta (4.3%).

Projek yang diluluskan termasuk penternakan binatang, akuakultur serta tanaman buah-buahan dan sayur-sayuran. Antara projek utama diluluskan adalah:

- Sebuah projek milik majoriti rakyat tempatan bagi menjalankan aktiviti akuakultur di Selangor dengan nilai pelaburan sebanyak RM97.4 juta. Syarikat bercadang untuk menggunakan Sistem Kawalan Pertanian

- Perlindungan Ikan dari Australia bagi menternak dan membiak ikan air tawar dan ikan laut/air masin di dalam tangki tertutup; dan
- Sebuah projek milik penuh rakyat tempatan dengan nilai pelaburan sebanyak RM84.5 juta bagi menternak kambing biri-biri jenis Dorper untuk pasaran domestik.

### **Pemprosesan Makanan**

Pemprosesan makanan adalah satu subsektor yang kurang terjejas akibat daripada krisis ekonomi global. Sektor ini terdiri daripada aktiviti-aktiviti tambahan nilai kepada hasil pertanian atau hortikultur. Industri pemprosesan makanan adalah mewakili satu per sepuluh daripada pengeluaran pengilangan domestik. Permintaan bagi makanan diproses adalah dijangka akan terus meningkat secara global. Dianggarkan jualan runcit global bagi produk makanan bernilai US\$3.5 trilion dan dijangka akan meningkat pada kadar tahunan sebanyak 4.8 peratus kepada US\$6.4 trilion pada tahun 2020.

Subsektor produk perikanan termasuk produk makanan laut diproses seperti ikan beku dan ditin, krustasia dan moluska, surimi dan produk surimi, kekal sebagai penyumbang utama eksport makanan diproses. Walaupun Persijilan Titik Kawalan Kritikal Analisa Bahaya (HACCP) adalah masih secara sukarela di Malaysia, pengilang yang bercadang untuk mengeksport produk makanan laut mereka ke Kesatuan Eropah dan Amerika Syarikat hendaklah mendapat perakuan HACCP serta memenuhi keperluan-keperluan lain yang dikenakan oleh negara pengimport.

Pada masa ini, Malaysia merupakan negara pemproses koko (pengisar koko) terbesar di Asia dan keempat terbesar di dunia. Malaysia adalah pengeksport bersih produk koko seperti mentega koko, serbuk koko dan kek koko. Produk ini adalah merupakan bahan mentah yang digunakan oleh pengilang coklat.

Malaysia juga adalah negara pengeluar lada hitam keenam terbesar di dunia dan pengeksport kelima terbesar bagi lada hitam dan produk lada hitam (lada hitam khusus, lada hitam diproses dan sos lada hitam). Disamping lada hitam, rempah ratus lain seperti ketumbar, kunyit, serai, kulit kayu manis, bunga cengkoh dan jintan turut dihasilkan.

Dalam subsektor pemprosesan buah-buahan, jambu batu muda, buah-buahan markisa dan nenas adalah diproses untuk puri dan jus, manakala buah naga adalah dimakan secara segar atau diproses menjadi jus, jem dan produk lain. Buah-buahan seperti nangka, pisang dan betik adalah digunakan bagi pengeluaran makanan snek manakala noni dan rosel adalah untuk pengeluaran produk berkaitan kesihatan.

Makanan sejuk dan sejuk beku, makanan gantian, makanan sedia dimasak dan sedia diminum adalah makanan mudah yang mendapat permintaan yang tinggi. Ini adalah disebabkan oleh perubahan gaya hidup di kalangan pengguna terutamanya kepada suri rumah yang berkerjaya dan eksekutif yang gemar memasak makanan secara ringkas tanpa perlu banyak persediaan. Keadaan ini juga menjurus kepada peningkatan permintaan kepada makanan mudah yang tertumpu kepada kesihatan telah menyumbang kepada pertumbuhan pesat dalam permintaan produk seperti bijirin sarapan pagi, *muesli*, *fruit bars* dan salad dan buah-buahan segar yang tersedia untuk dimakan.

Kesedaran pengguna yang semakin meningkat dalam nilai makanan dan makanan yang diperkuat untuk penjagaan kesihatan telah mewujudkan permintaan untuk makanan segar yang melalui pemprosesan minima/fungsian, makanan organik dan perisa makanan asli daripada tumbuh-tumbuhan dan makanan laut. Subsektor ini mempunyai potensi untuk pembangunan selanjutnya.


Transformasi di dalam industri makanan daripada proses konvensional kepada proses penggunaan teknologi terkini adalah selari dengan pembangunan industri

secara global. Teknologi baru seperti bioteknologi dan nanoteknologi telah menyediakan platform dan membuka peluang kepada penambahan proses di dalam pengeluaran makanan seperti pembangunan dalam pembungkusan khas untuk memperbaiki tahap keselamatan dan jaminan kepada makanan tersebut. Usahasama antara institusi R&D swasta dan industri yang terlibat dalam pertanian dan pemrosesan makanan perlu dipertingkatkan bagi memastikan penemuan-penemuan dalam penyelidikan baru dilaksanakan.

### **Projek Diluluskan Pada Tahun 2009**

Sejumlah 60 projek (pemrosesan makanan dan minuman) dengan pelaburan sebanyak RM1.3 bilion telah diluluskan pada tahun 2009. Pelaburan domestik dalam projek ini bernilai RM760.9 juta (58.5%) manakala pelaburan asing bernilai RM539.0 juta (41.5%). Daripada jumlah projek yang diluluskan ini, 44 adalah projek baru (RM970.2 juta) manakala 16 adalah projek pembesaran/pelbagai (RM329.7 juta).

**Graf 23**  
**Pelaburan bagi Projek Diluluskan dalam Sektor Pemrosesan Makanan, 2009**



Projek diluluskan adalah dalam subsektor pemprosesan makanan laut; pemprosesan daging; produk berasaskan tepung; koko, coklat & produk konfeksi; produk tenusu; pemprosesan sayur-sayuran dan buah-buahan; minuman, makanan akuakultur & makanan haiwan.

Antara projek utama yang diluluskan adalah:

- Sebuah projek milik rakyat Malaysia dengan pelaburan sebanyak RM92.8 juta bagi mengeluarkan makanan laut sejuk beku. Syarikat ini terlibat di dalam aktiviti perikanan bersepada yang meliputi perikanan laut dalam dan pengeluaran makanan laut sejuk beku. Hampir 90 peratus produk akan dieksport ke Jepun, Hong Kong dan Taiwan; dan
- Sebuah projek milik rakyat Malaysia dengan pelaburan sebanyak RM62.9 juta bagi mengeluarkan daging cincang, kepingan daging dan kepingan keju untuk pasaran domestik.

Pelaburan domestik terus mendominasi sektor ini, terutamanya dalam projek baru. Dengan meningkatnya permintaan untuk keselamatan dan kualiti makanan, projek yang diluluskan telah dilaksanakan dengan mematuhi sijil pengesahan kualiti seperti Amalan Pengilangan Baik (*GMP*), *HACCP* dan sijil halal.

Pasaran makanan halal global dianggarkan bernilai US\$635 bilion dan dijangka meningkat kepada US\$642 bilion pada tahun 2010. Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh Kerajaan bagi membantu industri makanan halal Malaysia menjadi pengeluar utama dalam pasaran halal dan mendapatkan akses pasaran antarabangsa yang lebih baik khususnya melalui hubungan yang erat dengan negara-negara OIC. Pada masa ini, Malaysia mempunyai lima taman industri halal yang sedang beroperasi iaitu di Zon Bebas Port Klang dan Hub Halal Selangor di Pulau Indah, Selangor; Taman Makanan Halal Serkam di Melaka; Taman Makanan Pedas di Negeri Sembilan; dan Hub Halal Tanjung Manis di Sarawak.

## **PRODUK SAWIT**

Sektor produk sawit merangkumi minyak sawit, minyak isirong sawit, oleokimia (termasuk biodiesel) dan produk dari biomass kelapa sawit (termasuk penjanaan tenaga).

Minyak sawit merupakan salah satu daripada 17 jenis pengeluaran minyak dan lelemak utama yang dikeluarkan di dunia. Minyak utama lain yang dikeluarkan termasuk minyak soya, minyak biji sesawi dan minyak bunga matahari. Pengguna utama dunia bagi minyak dan lelemak adalah Republik Rakyat China, Kesatuan Eropah, Amerika Syarikat dan India.

Walaupun Indonesia merupakan pengeluar terbesar bagi minyak sawit, Malaysia kekal sebagai pengeksport terbesar dunia. Pengguna utama bagi minyak sawit dunia adalah Republik Rakyat China, India dan Kesatuan Eropah.

Pada tahun 2009, pengeluaran minyak sawit mentah (CPO) berjumlah 17.6 juta tan berbanding 17.7 juta tan pada tahun 2008. Pengeluaran minyak isirong sawit dan kek isirong sawit pula masing-masing berjumlah 2.1 juta tan dan 2.3 juta tan.

Sabah, Johor dan Pahang merupakan pengeluar utama minyak sawit mentah. Kadar penggunaan bagi kilang pemprosesan minyak sawit dan pengisar isirong sawit masing-masing adalah 90.5 peratus dan 71.5 peratus, manakala kadar penggunaan kilang penapisan minyak sawit sebanyak 88.8 peratus dan 87.1 peratus bagi oleokimia.

Eksport bagi produk minyak sawit Malaysia, yang terdiri daripada minyak sawit (minyak sawit mentah dan minyak sawit diproses), minyak isirong sawit, kek isirong sawit, oleokimia dan produk siap, meningkat kepada 22.4 juta tan pada tahun 2009 kepada 21.8 juta tan pada tahun 2008. Manakala nilai eksport menurun kepada RM49.6 bilion daripada RM65.2 bilion. Ini adalah disebabkan oleh penurunan harga minyak sawit mentah yang secara purata (penghantaran

tempatan) bernilai RM2,773 setiap tan pada tahun 2008 berbanding harga purata RM2,243.90 setiap tan pada tahun 2009. Penurunan harga ini adalah selaras dengan penurunan harga bagi minyak sayur-sayuran.

Republik Rakyat China kekal sebagai pengimpor terbesar minyak sawit Malaysia pada tahun 2009 berjumlah 4.0 juta tan diikuti oleh Eropah, Pakistan, India dan Amerika Syarikat.

### ***Projek Diluluskan Pada Tahun 2009***

Pada tahun 2009, sebanyak 46 projek dengan pelaburan berjumlah RM1.6 bilion telah diluluskan bagi pengeluaran produk kelapa sawit. Projek ini termasuk projek bagi mengeluarkan produk minyak sawit dan minyak isirong sawit, oleokimia, produk daripada biomass kelapa sawit dan penjanaan tenaga daripada biomass kelapa sawit. Pelaburan asing berjumlah RM852.9 juta (52.3%) manakala pelaburan domestik berjumlah RM779.1 juta (47.7%). Minyak sawit dan minyak isirong sawit merupakan subsektor yang mempunyai jumlah pelaburan tertinggi iaitu sebanyak RM1.0 bilion atau 63.5%, diikuti oleh produk daripada biomass kelapa sawit (RM330.0 juta atau 20.2%), oleokimia (RM155 juta atau 9.5%) dan penjanaan tenaga daripada biomass kelapa sawit (RM110.2 juta atau 6.8%).

### ***Minyak Sawit dan Minyak Isirong Sawit***

Penapisan dan pengisaran adalah aktiviti utama dalam subsektor ini. Pada masa ini, terdapat 51 kilang penapisan minyak dan 43 kilang pengisaran yang sedang beroperasi masing-masing dengan jumlah kapasiti sebanyak 19.3 juta tan dan 6.7 juta setahun. Pada tahun 2009, kilang penapisan tersebut memproses sejumlah 15.7 juta tan minyak sawit mentah dan 1.4 juta tan minyak isirong sawit mentah manakala kilang pengisar memproses 4.6 juta tan isirong sawit. Produk utama yang dikeluarkan adalah *refined, bleached and deodorised (RBD) palm olein* dan *stearin*. Produk lain termasuk marjerin, vanaspati dan produk lemak khusus.

### **Projek Diluluskan Pada Tahun 2009**

Pada tahun 2009, sejumlah sembilan projek dengan pelaburan bernilai RM1.0 bilion telah diluluskan. Daripada jumlah ini, tiga adalah projek baru bernilai RM282.7 juta dan enam merupakan projek pembesaran/pelbagaian (RM754.2 juta). Pelaburan asing berjumlah RM702.1 juta (67.7%) manakala pelaburan domestik berjumlah RM334.8 juta (32.3%).

Projek yang diluluskan termasuk empat projek bagi mengeluarkan produk hiliran seperti lelemak minyak sawit, *cocoa butter equivalent*, krim bukan tenusu dan produk *hydrogenated*. Projek lain termasuk satu kilang penapisan minyak bersepadu, dua kilang pengisar isirong sawit dan dua projek untuk mengeluarkan produk *fractionated*. Di antara projek-projek yang telah diluluskan adalah sebuah projek yang dicadangkan oleh syarikat asing dengan pelaburan sebanyak RM380.0 juta bagi kilang minyak sawit bersepadu dan produk hiliran.

### **Oleokimia**

Oleokimia adalah produk yang dihasilkan terus daripada sumber lemak dan minyak haiwan dan sayur-sayuran. Di Malaysia, kebanyakan oleokimia dihasilkan daripada minyak sawit. Industri ini terdiri daripada oleokimia asas (*fatty acids*, *fatty alcohol*, *methyl esters* dan *glycerine*) dan oleokimia terbitan (*fatty esters*, *fatty amines*, *soap noodles* dan *metallic soaps*) yang mewakili 10 peratus daripada jumlah kuantiti produk minyak sawit yang dieksport.

Terdapat lebih daripada 50 syarikat yang terlibat dalam pengeluaran oleokimia asas dan terbitannya. Industri ini terdiri daripada pengilang-pengilang tempatan serta beberapa syarikat usahasama dengan syarikat multinasional. Antara syarikat-syarikat global utama yang beroperasi di Malaysia adalah Croda, Procter & Gamble, Iffco dan Kao. Manakala syarikat-syarikat tempatan utama adalah Kumpulan IOI, Kumpulan KL Kepong dan Kumpulan Kulim.

Pada tahun 2009, jumlah pengeluaran oleokimia Malaysia adalah sebanyak 2.3 juta tan. Bahan mentah utama yang digunakan dalam pengeluaran oleokimia adalah minyak isirong sawit mentah dan minyak sawit diproses serta minyak sawit mentah. Daripada 2.3 juta tan minyak berasaskan sawit yang digunakan dalam pengeluaran oleokimia, minyak isirong sawit mentah dan diproses mewakili 59.3 peratus (1.3 juta tan) manakala bakinya adalah minyak isirong sawit diproses (35.2%) dan minyak sawit mentah (5.5%).

Eksport produk oleokimia berjumlah RM2.2 juta tan pada tahun 2009. Amerika Syarikat, Eropah, Jepun dan Republik Rakyat China kekal sebagai pasaran utama bagi oleokimia yang mewakili 60 peratus daripada jumlah eksport.

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) telah membangun dan melancarkan sebanyak 441 teknologi dan produk berkaitan kelapa sawit yang mana 22 peratus telah dilesen dan dikomersialkan kepada industri. Sebahagian daripada teknologi yang telah dikomersialkan adalah dakwat percetakan berasaskan sawit, sabun berasaskan susu kambing, produk penjagaan diri dan polyurethane berasaskan sawit untuk kegunaan komponen automotif.

### ***Projek Diluluskan Pada Tahun 2009***

Tiga projek telah diluluskan dengan pelaburan sebanyak RM155.0 juta pada tahun 2009. Pelaburan domestik sebanyak RM74.4 juta (48%) manakala pelaburan asing berjumlah RM80.6 juta (52%). Kesemua projek adalah projek pembesaran/ pelbagai.

Projek yang diluluskan ini termasuk projek bagi mengeluarkan *fractionated fatty acids, fatty esters, distilled monoglycerides, esters* dan *refined glycerine*.

Permintaan bagi oleokimia dijangka akan meningkat disebabkan oleh peningkatan permintaan global daripada industri seperti farmasutikal, produk penjagaan diri, bahan pencuci, cat, kosmetik, makanan, plastik dan getah.

Pengilang-pengilang Malaysia perlu melabur di dalam produk terbitan khusus seperti *methyl ester sulphonate* daripada *palm stearin* yang akan menggantikan *alkyl benzene sulphonate*, yang merupakan bahan mentah utama bagi industri bahan pencuci. Ini adalah bagi menggalakkan pengilang menggunakan bahan mentah semulajadi serta menggunakan teknologi baru dalam aplikasi bahan dan produk dengan penekanan kepada produk mesra alam dan bersih.

### **Biomass Kelapa Sawit**

Industri kelapa sawit mengeluarkan lebih kurang 30 juta tan serat biomass (berat kering) setiap tahun daripada kedua-dua aktiviti penanaman dan pemprosesan. Biomass ini boleh digunakan bagi mengeluarkan produk bernilai ditambah seperti produk panel, pembungkusan dibentuk, produk komposit serta sesuai sebagai pengganti kepada industri berdasarkan kayu serta pulpa dan kertas.

Setakat tahun 2009, sejumlah 110 projek dengan pelaburan sebanyak RM1.2 bilion telah diluluskan bagi pemprosesan biomass sawit menjadi produk bernilai ditambah manakala 90 projek dengan pelaburan sebanyak RM2.8 juta diluluskan dengan insentif bagi penjanaan tenaga boleh diperbaharui menggunakan biomass daripada sisa sawit, kayu, padi, tebu dan sisa pepejal.

Daripada jumlah ini, 23 syarikat sedang beroperasi bagi mengeluarkan produk panel/komposit, produk dibentuk, *mulching mats*, *activated carbon*, fiber kelapa sawit, baja organik dan makanan haiwan manakala 34 projek lagi terlibat dalam penjanaan tenaga boleh diperbaharui.

### **Projek Diluluskan Pada Tahun 2009**

Dalam subsektor produk biomass sawit, 28 projek dengan pelaburan berjumlah RM330.0 juta telah diluluskan pada tahun 2009. Pelaburan domestik sebanyak RM284.6 juta (86.2%) manakala pelaburan asing berjumlah RM45.4 juta. Projek yang diluluskan ini adalah bagi penggunaan buangan kilang penapis minyak

sawit (*POME*) bagi menghasilkan baja organik, papan lapis, kelapa sawit, palet dan fiber.

Disamping itu, enam projek dengan pelaburan berjumlah RM110.2 juta telah diluluskan bagi penjanaan tenaga daripada biomass sawit. Pelaburan asing berjumlah RM24.9 juta manakala pelaburan domestik berjumlah RM85.3 juta.

Subsektor ini telah menunjukkan kemajuan yang memberangsangkan terutamanya dalam penggunaan sisa sawit seperti *POME* bagi mengeluarkan baja organik. Dengan lebih daripada 411 buah kilang pemprosesan minyak sawit di negara ini, keperluan pengimportan baja dapat dikurangkan sekiranya kilang-kilang ini menggunakan sisa buangan tersebut bagi mengeluarkan baja organik.

## **KIMIA DAN PRODUK KIMIA**

Industri kimia dan produk kimia di Malaysia merangkumi farmaseutikal dan kimia lain seperti kimia pertanian, kimia bukan organik, cat dan produk cat, sabun, pencuci, gas perindustrian dan penyediaan tandas serta kosmetik.

### **Farmaseutikal**

Industri farmaseutikal di Malaysia terus mencatatkan pertumbuhan mantap pada tahun 2009 meskipun menghadapi kemerosotan ekonomi global. Ini adalah kerana peningkatan kesedaran terhadap penjagaan kesihatan yang lebih baik dan meningkatnya permintaan untuk rawatan perubatan berikutan merebaknya penyakit-penyakit seperti Influenza A (H1N1). Pasaran farmaseutikal Malaysia dijangka akan meningkat sebanyak 10 peratus kepada lebih daripada RM4.2 bilion pada 2009 berbanding dengan RM3.8 bilion pada 2008. Pengguna utama farmaseutikal pada tahun 2009 adalah pihak Kerajaan, terutamanya dengan meningkatnya perbelanjaan di dalam sektor penjagaan kesihatan dan pembesaran perkhidmatan perubatan.

Industri farmaseutikal di Malaysia terbahagi kepada dua subsektor iaitu farmaseutikal moden dan ubat-ubatan herba tradisional. Industri ini didominasi terutamanya oleh industri-industri kecil dan sederhana (IKS) yang terlibat di dalam pengeluaran ubat-ubatan preskripsi, keluaran-keluaran melepas kaunter, ubat-ubatan tradisional dan makanan kesihatan tambahan. Setakat 31 Disember 2009, terdapat 249 premis farmaseutikal telah dilesenkan oleh Biro Kawalan Dadah, Kementerian Kesihatan, yang merangkumi 74 premis dan 175 perubatan premis perubatan tradisional.

Di dalam subsektor farmaseutikal moden, pengilang farmaseutikal Malaysia mempunyai keupayaan untuk mengeluarkan ubat-ubatan di dalam semua bentuk dos contohnya tablet (bersalut & tidak bersalut), kapsul (gelatine keras & lembut) cecair, krim, salap, penitis ubat mata steril, bahan suntikan bersukatan kecil

(ampoules and vials), seduhan bersukatan besar, serta serbuk kering bagi penyusunan semula dan bahan aktif farmaseutikal (API).

Syarikat farmaseutikal milik rakyat Malaysia yang utama, merangkumi pengilang ubat-ubatan herba yang sedang beroperasi, termasuk Pharmaniaga, CCM, Kotra Pharma, Xepa-Soul, Hovid, dan Nova Laboratories. Di antara syarikat milik rakyat asing utama yang mengeluarkan produk farmaseutikal di Malaysia adalah Y.S.P. Industries (Taiwan), Sterling Drug (UK) dan Ranbaxy (India). Syarikat-syarikat ini lebih memberi tumpuan kepada pengeluaran ubat generik, terutamanya antibiotik, ubat penahan sakit, bahan suntikan dan ubat-ubatan/makanan tambahan herba. Dengan trend global yang menuju kepada penamatan tempoh ubat-ubatan berpaten dan peningkatan perbelanjaan bagi penjagaan kesihatan, pasaran produk generik dijangka akan lebih berkembang.

Dengan meningkatnya kesedaran kesihatan rakyat Malaysia telah menyumbang kepada pertumbuhan OTC makanan tambahan serta ubat-ubatan herba dan tradisional. Industri herba merangkumi satu rangkaian produk yang meluas seperti penawar herba, perasa dan pewangi, farmasetikal, nutraceutikal dan kosmaceutikal. Industri herbal telah dikenalpasti sebagai sebuah industri baru dan baru muncul di bawah Polisi Pertanian Ketiga. Malaysia berhasrat untuk menjadi pengeluar utama dalam industri herba antarabangsa menjelang tahun 2010. Malaysia mempunyai lebih 12,000 spesis tumbuhan, di mana 2,000 tumbuhan mempunyai potensi untuk dibangunkan secara komersial. Di antara herba tempatan yang popular adalah Tongkat Ali, Kacip Fatimah, pegaga, peria and misai kucing.

Eksport farmaseutikal adalah bernilai RM671.2 juta bagi tempoh Januari-November 2009. Eksport adalah terutamanya ke negara ASEAN (Singapura, Vietnam, Brunei dan Thailand), Jerman, Hong Kong dan Taiwan. Dengan penerimaan Malaysia ke dalam Skim Kerjasama Pemeriksaan Farmaseutikal (PIC), syarikat milik rakyat Malaysia kini mengeksport produk farmaseutikal ke negara PIC iaitu Eropah, Kanada dan Australia.

Pada tahun 2009, pengilang farmaseutikal milik rakyat Malaysia terus membesarkan pengeluaran ubat-ubat generik dengan jangkaan peningkatan permintaannya, khususnya daripada pihak Kerajaan. Di samping itu, kemajuan dalam bioteknologi adalah dijangka mendorong halatuju masa depan penyelidikan dan pembangunan dalam ubat-ubatan. Di antara pembangunan yang ketara pada tahun 2009 adalah:

- Ranbaxy Malaysia telah mengumumkan pelancaran generiknya yang pertama iaitu tablet Losartan K di Malaysia. Saiz pasaran tablet Losartan K di Malaysia dianggarkan sebanyak RM22.0 juta. Produk ini juga akan dieksport ke negara ASEAN dan Timur Tengah;
- Satu perkongsian strategik di antara CCM Duopharma Biotech dan Inno Bio Ventures Sdn. Bhd. telah ditubuhkan untuk membangun dan mengkomersialkan produk ‘biosimilar’ iaitu erythropoietin (EPO). Import tahunan produk ini kini bernilai RM45.0 juta. Produk ini dijangka akan dikomersialkan menjelang penghujung tahun 2011. Fasiliti Inno Bio Ventures di Nilai, dengan kapasiti 1,000 liter ‘bioreactor’ boleh memenuhi pasaran ASEAN;
- Malladi drugs & Pharmaceutical Ltd. dari India telah mengumumkan rancangan untuk melabur sehingga US\$300.00 juta bagi tempoh tiga hingga lima tahun bagi menubuhkan pusat global di Malaysia, yang menumpukan kepada formulasi dan pengeluaran API; dan
- Satu Memorandum Persefahaman (MOU) telah ditandatangani di antara Universiti Sains Malaysia (USM) dan Biotropics Malaysia Berhad bagi mendirikan sebuah pusat piawaian herba, yang menggunakan perisian yang dibangunkan oleh USM bagi mengenalpasti molekul dengan bioaktiviti serta mengkomersialkan ekstrak dan sebatian spesifik.

### **Projek Diluluskan Pada Tahun 2009**

Pada tahun 2009, empat projek telah diluluskan dengan pelaburan sebanyak RM16.0 juta. Pelaburan domestik yang bernilai RM14.8 juta terus mendominasi sektor ini sementara pelaburan asing berjumlah RM1.2 juta. Tiga daripada projek yang telah diluluskan adalah merupakan projek baru bagi mengeluarkan makanan tambahan, larutan serbaguna/larutan bergaram untuk kanta lekap dan produk farmaseutikal di dalam bentuk tablet dan kapsul.

Terdapat pertumbuhan trend di kalangan syarikat farmaseutikal antarabangsa bagi penyumberan luar aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pengilangan kepada negara membangun bagi meningkatkan daya saing mereka. Malaysia dijangka mendapat faedah daripada trend ini memandangkan kualitinya yang dipercayai, infrastruktur yang cemerlang dan kemudahan serta kos daya saing berbanding dengan negara membangun lain seperti Republik Rakyat China, Indonesia dan Vietnam.

### **Produk Kimia**

Industri produk kimia menyediakan produk perantaraan dan input kepada industri pengguna akhir seperti pertanian, elektronik, automotif, industri berkaitan pembinaan, rawatan bahan buangan, produk isirumah dan produk penjagaan diri.

Industri ini merangkumi satu rangkaian produk yang luas yang meliputi kimia pertanian (baja dan racun perosak), kimia bukan organik, sabun dan penyediaan pencuci, kosmetik dan penyediaan tandas, cat dan produk cat serta gas perindustrian. Pada masa ini terdapat lebih daripada 180 syarikat sedang beroperasi di dalam sektor ini.

Eksport kimia dan produk kimia bagi tempoh Januari-November 2009 adalah berjumlah RM10.5 bilion. Produk utama yang dieksport adalah sabun, pencuci

dan penyediaan pengilat (RM1.8 bilion); baja (RM1.5 bilion); produk kimia asas untuk aplikasi perindustrian (RM1.5 bilion) serta cat dan pewarna kimia (RM1.3 billion).

### ***Projek Diluluskan Pada Tahun 2009***

Pada tahun 2009, sejumlah 66 projek dengan pelaburan sebanyak RM7.7 bilion telah diluluskan. Daripada jumlah ini, 35 adalah projek baru (RM6.9 bilion) manakala 31 projek adalah projek pembesaran/pelbagai (RM777.4 juta). Pelaburan domestik berjumlah RM1.2 bilion (15.2%) manakala pelaburan asing bernilai RM6.5 bilion (84.8%). Projek yang diluluskan dijangka akan mewujudkan peluang pekerjaan kepada 3,570 orang. Daripada 66 projek yang telah diluluskan:

- 16 projek dengan pelaburan sebanyak RM5.8 bilion adalah bagi mengilang produk kimia lain seperti *polysilicon*, *silane*, *methyl chloride*, kimia pencuci dan perawatan, *zinc stearate*, *glyphosate*, kimia penanaman dan *drilling fluid chemicals*;
- Empat projek (RM535.1 juta) adalah bagi mengilang biodiesel (isoparaffin) dan biodiesel berasaskan *jatropha*;
- Tiga projek (RM349.5 juta) adalah bagi mengilang produk kimia perindustrian asas seperti kalsium nitrat, klorin, sodium hidroksid, sodium hipoklorit, asid hidroklorik dan kalsium karbonat;
- 18 projek (RM479.1 juta) adalah bagi mengilang kimia pertanian dan baja;
- 16 projek (RM368.6 juta) adalah bagi mengilang cat, bahan penyalut, lakuer, pelarut, pencair, *toner*, *varnish*, *sealants*, pelekat, dakwat dan kimia penyalut;
- Enam projek (RM97.6 juta) adalah bagi mengeluarkan gas perindustrian seperti karbon dioksid, argon, nitrogen, hidrogen dan asetilena; dan

- Tiga projek (RM49.7 juta) adalah bagi mengilang produk penjagaan diri serta penyediaan pencuci dan tandas.

Di antara projek utama yang telah diluluskan adalah:

- Satu projek milik rakyat asing yang merupakan peneraju dunia bagi bahan semikonduktor, dengan pelaburan sebanyak RM5.5 bilion bagi pengeluaran *polycrystalline silicon*, *fumed silica* dan *trichlorosilane* di Sarawak. *Polycrystalline silicon* adalah satu bahan asas bagi industri semikonduktor dan digunakan di dalam pengeluaran *mono-crystalline* serta *polycrystalline silicon wafers* bagi fabrikasi cip semikonduktor dan sel solar. Pembinaan kilang baru tersebut dijadualkan akan bermula pada 2011 dengan jangkaan operasi pada suku kedua tahun 2013. Ini merupakan tapak pengilangan kedua bagi syarikat dan pemilihan lokasi di Sarawak adalah berdasarkan kepada kesediadaan elektrik, air perindustrian, pekerja yang berkualiti dan sumber lain. Syarikat akan menggaji kira-kira 300 pekerja pada permulaan operasinya, di mana 280 adalah rakyat Malaysia. Pemilihan Malaysia sebagai lokasi bagi projek ini adalah berdasarkan potensi penawaran dan permintaan bagi *polycrystalline silicon*. Syarikat akan secara aktif mengukuhkan operasi-operasi berkaitan dan akan menumpu kepada mendapatkan pelanggan baru disamping mengekalkan yang sediada; dan
- Sembilan projek baru oleh syarikat milik rakyat Malaysia, dengan pelaburan sebanyak RM46.6 juta bagi mengeluarkan baja organik di Perak (3 projek), Negeri Sembilan (3 projek), Johor (2 projek) dan Selangor (1 projek).

Produk yang diluluskan pada tahun 2009 adalah selaras dengan sasaran Malaysia untuk menarik pelaburan di dalam produk yang bernilai ditambah tinggi seperti *polycrystalline silicon* untuk industri sel solar. Dengan adanya tiga syarikat sel solar peneraju dunia, iaitu First Solar di Kulim, Kedah, Q-Cells di Selangor dan Sunpower di Melaka, telah mewujudkan peluang dan permintaan

kepada produk seperti bahan baru, kimia dan polimer untuk industri sel solar. Ini adalah selari dengan polisi Kerajaan untuk mewujudkan rantai nilai untuk industri berteknologi hijau yang merangkumi pembekal bahan, pengilang mesin dan peralatan, pemfabrikasi produk, *installers* dan pereka serta penyedia perkhidmatan.

## **INDUSTRI BIOTEKNOLOGI**

Bioteknologi telah dikenalpasti sebagai satu enjin pertumbuhan baru bagi Malaysia. Bioteknologi akan berupaya memperbaiki kualiti kehidupan, menjana kekayaan dan pendapatan baru bagi penduduk desa dan bandar dan memperbaiki status sosio-ekonomi penduduk secara keseluruhannya. Bioteknologi juga membantu mempertingkatkan tahap pengetahuan dan inovasi di dalam negara iaitu dua elemen penting dalam usaha membantu Malaysia ke arah mencapai status sebuah negara berpendapatan tinggi.

Malaysian Biotechnology Corporation (BiotechCorp) semenjak penubuhannya pada tahun 2005, telah mengwujudkan 151 syarikat bioteknologi di dalam bidang pertanian, penjagaan kesihatan, perindustrian dan bioinformatik.

Pada masa ini, industri bioteknologi telah menyumbang kira-kira satu peratus kepada KDNK. Adalah dianggarkan menjelang tahun 2020 industri ini akan menyumbang hampir lima peratus kepada KDNK dengan jumlah pelaburan hampir RM8.0 bilion dan akan menwujudkan 280,000 peluang pekerjaan baru.

### ***Projek Diluluskan Pada Tahun 2009***

Pada tahun 2009, sejumlah 61 projek dengan pelaburan sebanyak RM615.9 juta telah diluluskan. Pelaburan domestik di dalam projek ini adalah bernilai RM168.3 juta (27%) manakala pelaburan asing berjumlah RM447.6 juta (73%). Pelaburan asing adalah terutamanya dari Taiwan, Amerika Syarikat, Eropah,

Jepun, India dan Republik Korea. Di antara jenis produk/aktiviti utama yang telah diluluskan adalah:

- Mengeluarkan *tacrolimus* dan *rapamycin (immunosuppressive drugs)*;
- Mengeluarkan probiotik untuk pertanian, penjagaan kesihatan dan haiwan;
- Organisasi pengilangan kontrak yang mengkhusus dalam pengilangan bio kultur sel mamalia dan mikrob berdasarkan biofarmaseutikal;
- Penyelidikan dan pembangunan (R&D), pengekstrakan, pengeluaran dan pengkomersialan sebatian aktif biologi yang dikenalpasti daripada herba dan tumbuhan untuk formulasi produk kesihatan tambahan berdasarkan herba;
- R&D, pengeluaran dan pengkomersialan produk pembungkusan biodegradasi yang berasal dari bahan buangan pertanian yang menggunakan proses enzim;
- R&D, pengilangan dan pengkomersialan produk dan perkhidmatan bagi aplikasi di dalam bidang ekspresi gen, *genotyping*, penyelidikan sel *stem*, penemuan dadah farmaseutikal, penemuan *biomarker* dan diagnostik ubat-ubatan; dan
- R&D, pengeluaran dan pengkomersialan peralatan bioperubatan untuk penjagaan ortopedik.

Satu projek utama yang telah diluluskan adalah sebuah projek milik majoriti rakyat asing bagi mengilang bahan aktif farmaseutikal (API), iaitu *tacrolimus* dan *rapamycin (immunosuppressive drugs)*. Projek ini akan menjadi yang pertama seumpamanya yang ditubuhkan di Malaysia, yang menggunakan proses bioteknologi iaitu proses penapaian bagi mengeluarkan API. Syarikat ini bercadang untuk mengeksport 100 peratus produknya ke seluruh dunia.

Pada tahun 2009, industri bioteknologi di Malaysia terus berkembang dengan lebih banyak kerjasama di antara sektor swasta dan awam.

Di antara inisiatif-inisiatif baru yang telah dijalankan adalah:

- Tabung Modal Sains Hayat Malaysia (MLSCF) telah melabur hampir RM40 juta dalam Sentinext Therapeutics Sdn. Bhd. untuk mengkomersialkan vaksinnya bagi tempoh lima tahun yang akan datang;
- Inno Biologics Sdn Bhd, sebuah syarikat yang diperbadankan di bawah Kementerian Kewangan, telah menandatangani satu perjanjian perlesenan dengan CEVEC Pharmaceuticals GmbH, untuk menggunakan satu sistem ekspresi yang baru dibangunkan yang berdasarkan *human amniocytes*, untuk membangunkan garis sel dan mengilang produk biofarmaseutikal;
- Majlis Biodiversiti Sarawak (SBC), Novartis Pharma AG dan BiotechCorp telah menandatangani satu Memorandum Persefahaman untuk mempertingkatkan keupayaan saintifik Malaysia dalam mengenal pasti sebatian bioaktif daripada sumber asli di Sarawak; dan
- Satu pasukan penyelidik antarabangsa yang diketuai oleh Pusat bagi Biologi Kimia (CCB) di bawah Universiti Sains Malaysia (USM) telah menyahkod genom pokok getah jenis *Hevea Brasiliensis*. Usaha ini telah membolehkan Malaysia kekal sebagai peneraju di dalam penyelidikan getah dan berada di hadapan dalam industri getah global.

Kerajaan Malaysia akan terus mengambil usaha yang menyeluruh bagi mengutarakan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh industri. Kerajaan akan terus bekerjasama dengan kumpulan kewangan dan dana untuk mentaksir dan menilai usul-usul yang bernilai di dalam konteks harta intelektual, pengurusan aset intelektual, hasil paten dan royalti paten, serta terus melaksanakan inisiatif

besar yang menumpu kepada peningkaan infrastruktur untuk industri bioteknologi.

## **PRODUK PETROLEUM TERMASUK PETROKIMIA**

Industri petroleum dan petrokimia merangkumi gas asli, produk petroleum dan petrokimia. Industri ini adalah bercirikan kepada pelaburan modal yang tinggi dan tempoh pulangan yang panjang. Sehingga kini, industri ini adalah satu daripada subsektor pengilangan peneraju dengan jumlah pelaburan sebanyak RM58 bilion. PETRONAS merupakan pelabur utama dalam sektor ini dengan pelaburan sebanyak RM37.8 bilion pada tahun 2009, setelah pengambilalihan saham Dow Chemical dalam Kumpulan Syarikat Optimal di Kertih, Terengganu.

Bagi tempoh Januari-November 2009, Malaysia mengeksport produk petroleum, gas asli dan produk petrokimia bernilai RM68.7 bilion manakala import berjumlah RM29.7 bilion.

Subsektor produk petroleum merangkumi produk penapisan seperti gas petroleum cecair, nafta, gasolin, minyak tanah, minyak bahan bakar, minyak gas, minyak jet, minyak diesel, bitumen dan minyak pelincir. Kini terdapat enam loji penapisan dan loji gas-ke-cecair yang sedang beroperasi. PETRONAS, Shell, Esso dan Conoco adalah merupakan pelabur utama dalam subsektor ini.

Pada masa ini terdapat lebih daripada 20 syarikat yang sedang beroperasi mengeluarkan pelbagai jenis minyak pelincir. Permintaan domestik untuk bahan pelincir adalah dianggarkan sebanyak 300,000 tan metrik setiap tahun. PETRONAS, Shell dan BP membekalkan 70 peratus daripada permintaan domestik. Syarikat lain yang terlibat dalam subsektor ini adalah kebanyakannya IKS. Jumlah pelaburan pada tahun 2009 dalam subsektor ini bernilai RM1.1 bilion, di mana 63.0 peratus adalah pelaburan domestik.

Gas asli dan nafta adalah dua bahan mentah asas yang sediada bagi industri petrokimia. Pada masa ini, satu rangkaian produk petrokimia dikeluarkan di Malaysia, termasuk *olefins*, *polyolefins*, *aromatics*, *ethylene oxide*, *glycols*, *oxo-alcohols*, *ethoxylates*, *acrylic acids*, *phthalic anhydride*, *acetic acid*, *styrene monomer*, *polystyrene*, *ethylbenzene*, *vinyl chloride monomer* dan *polyvinyl chloride* oleh pengeluar berskala-dunia seperti Polyethylene Malaysia Sdn. Bhd., Titan Petchem Sdn. Bhd., Petlin Sdn. Bhd., Vinyl Chloride Malaysia Sdn. Bhd., Petrochemicals Malaysia Sdn. Bhd., Idemitsu SM Sdn. Bhd., Industrial Resins Malaysia Sdn. Bhd. dan BASF Petronas Chemicals Sdn. Bhd. Penubuhan loji-loji ini di Malaysia telah menyediakan bekalan resin yang mencukupi bagi industri plastik.

Terdapat 42 syarikat yang sedang beroperasi mengeluarkan petrokimia dengan kapasiti terkumpul berjumlah 12.9 juta tan metrik setahun. Pelaburan dalam syarikat ini berjumlah RM32.3 bilion pada tahun 2009. Pelabur domestik utama dalam industri petrokimia adalah PETRONAS. Amerika Syarikat merupakan sumber terbesar pelaburan asing, yang menyumbang 33.0 peratus daripada jumlah pelaburan asing dalam industri petrokimia, dan diikuti oleh Jerman (22.8%) serta Jepun (14.0%).

Tiga zon petrokimia utama telah dibangunkan di Kertih, Terengganu; Gebeng, Pahang; dan Pasir Gudang - Tanjung Langsat, Johor dengan 29 loji petrokimia. Setiap zon merupakan kompleks bersepadu dengan kemudahan *crackers*, *syngas* dan *aromatics* bagi mengeluarkan *feedstock* kepada produk hiliran.

Loji petrokimia lain di Malaysia termasuk loji ammonia dan urea di Bintulu, Sarawak dan Gurun, Kedah; loji *acrylonitrile butadiene styrene (ABS)* di Pulau Pinang, loji *methanol* di Labuan; serta loji *nitrile-butadiene rubber (NBR)* di Kluang dan Pasir Gudang, Johor.

### **Projek Diluluskan Pada Tahun 2009**

Pada tahun 2009, lapan projek telah diluluskan dengan pelaburan sebanyak RM1.2 bilion. Daripada jumlah ini, empat adalah projek baru (RM1.16 bilion) manakala empat projek lagi adalah projek pembesaran/pelbagai (RM13.3 juta). Pelaburan domestik bernilai RM719.1 juta atau 61.0 peratus manakala pelaburan asing berjumlah RM460.1 juta atau 39.0 peratus. Projek yang diluluskan dijangka akan menjana peluang pekerjaan kepada 174 orang, termasuk jurutera kimia, jurutera proses dan pekerja mahir.


Satu projek utama yang diluluskan merupakan sebuah projek usahasama baru milik majoriti rakyat Malaysia yang melibatkan pelaburan sebanyak RM1.1 bilion bagi mengeluarkan *feedstock* petrokimia dan bahan bakar. Produk yang diluluskan pada tahun 2009 menggambarkan kejayaan usaha Malaysia dalam mensasar pelaburan di dalam projek bagi menyediakan *feedstock* petrokimia tambahan seperti yang digariskan di dalam Pelan Induk Perindustrian Ketiga.

Pada masa ini, pengeluaran *feedstock olefin* dikeluarkan sepenuhnya oleh projek petrokimia yang sedia ada. Oleh itu, bagi meneruskan pembangunan industri petrokimia di Malaysia, penyediaan sumber baru *feedstock* adalah amat penting. Mendirikan *cracker* baru adalah perlu bagi menyediakan *feedstock* tambahan untuk menggalakkan pembesaran kapasiti loji petrokimia. *Feedstock* tambahan ini akan menyediakan landasan bagi memperluaskan rangkaian produk petrokimia yang akan dikeluarkan dalam negara.

### **PRODUK PLASTIK**

Industri produk plastik merangkumi empat subsektor, iaitu pembungkusan plastik, komponen E&E dan automotif; produk pengguna dan perindustrian; dan lain-lain produk. Pembungkusan plastik, boleh lentur dan tegar (termasuk beg, filem, botol dan bekas plastik), kekal sebagai subsektor terbesar dalam industri produk plastik.

**Graf 24**  
**Subsektor Produk Plastik, 2009**




Sumber : Persatuan Pengilang-pengilang Plastik Malaysia

Proses pengeluaran utama dalam industri produk plastik adalah *film extrusion*, *injection moulding*, *pipes and profiles extrusion*, *blow moulding* dan *foam moulding*.

Kini, terdapat lebih daripada 1,450 pengilang produk plastik dalam negara yang menggaji hampir 85,000 pekerja. Daripada jumlah ini, hampir 1,160 (80%) adalah IKS.

**Graf 25**  
**Profil Industri Produk Plastik mengikut Proses Pengilangan, 2009**



Sumber : Persatuan Pengilang-pengilang Plastik Malaysia

Eksport produk plastik berjumlah RM7.4 bilion bagi tempoh Januari-November 2009. Destinasi eksport utama adalah Eropah, Singapura, Jepun, Australia, Thailand, Indonesia dan Republik rakyat China. Produk utama yang dieksport adalah beg plastik, botol dan bekas plastik (40%), kepingan, filem, helaian, *foils and strips* (30%) dan produk plastik lain (30%).

Pertumbuhan aktiviti pemprosesan plastik hiliran domestik boleh dikaitkan dengan kewujudan sektor petrokimia yang telah membangun di Malaysia. Sektor ini menyediakan bekalan bahan mentah yang mencukupi bagi industri plastik dengan kemudahan pengeluaran resin berskala-dunia yang mengeluarkan *polyethylene (PE)*, *polypropylene (PP)*, *polyvinylchloride (PVC)*, *polystyrene (PS)*, *acrylonitrile butadiene styrene (ABS)*, *polyacetal (PA)*, *polyester copolymers*, *styrene acrylonitrile (SAN)* dan *polybutylene terephthalate (PBT)*.

Plastik kejuruteraan lain, seperti *polyamides (nylons)* and *polycarbonates (PC)* terus diimport. Plastik kejuruteraan ini kebanyakannya digunakan bagi mengeluarkan bahagian dan komponen untuk industri E&E, automotif, peralatan perubatan dan pembinaan. Dalam subsektor pembungkusan fleksibel, lebih

banyak plastik mudah lerai bio-foto, atau kimia sedang diperkenalkan berikutnya meningkatnya kesedaran mengenai pemeliharaan alam sekitar.


### ***Projek Diluluskan Pada Tahun 2009***

Pada tahun 2009, sejumlah 42 projek dengan pelaburan sebanyak RM770.8 juta telah diluluskan. Daripada jumlah ini, 22 merupakan projek baru dengan pelaburan sebanyak RM624.0 juta dan 20 adalah projek pembesaran/pelbagaian dengan pelaburan berjumlah RM146.8 juta. Pelaburan asing bernilai RM549.8 juta (71%) manakala pelaburan domestik berjumlah RM221.0 juta (29%). Projek yang telah diluluskan akan menyediakan peluang pekerjaan kepada 2,190 orang.

Daripada 42 projek yang telah diluluskan:

- Subsektor pembungkusan kekal sebagai subsektor peneraju pada tahun 2009 di mana 15 projek dengan pelaburan sebanyak RM644.9 juta diluluskan. Daripada jumlah ini, tujuh adalah projek baru (RM541.6 juta) dan lapan adalah projek pembesaran/pelbagaian (RM103.3 juta). Majoriti projek ini adalah bagi mengeluarkan filem mudah lentur, helaian dan beg, *blow moulding bottles* dan bekas plastik;
- Dua puluh satu (21) projek diluluskan dalam subsektor plastik pengguna dan perindustrian (RM99.1juta). Daripada jumlah ini, sembilan adalah projek baru (RM55.6 juta) manakala 12 adalah projek pembesaran/pelbagaian (RM43.5 juta); dan
- Enam (6) projek diluluskan dalam subsektor komponen E&E dan automotif dengan pelaburan sebanyak RM26.8 juta. Projek utama yang diluluskan melibatkan syarikat milik rakyat Malaysia dengan pelaburan sebanyak RM14.4 juta.

**Graf 26**  
**Pelaburan bagi Projek Diluluskan dalam Industri Produk Plastik mengikut Subsektor, 2009**



Di antara projek utama yang diluluskan adalah:

- Satu projek milik rakyat asing dengan pelaburan sebanyak RM290.0 juta bagi mengeluarkan *biaxially-oriented polyester film (metallised & non-metallised)*. Produk ini digunakan sebagai bahan pembungkusan dalam industri makanan, perubatan dan E&E;
- Satu projek baru milik majoriti rakyat asing dengan pelaburan sebanyak RM133.0 juta bagi mengeluarkan filem dan *courier bags*; dan
- Satu projek baru milik rakyat asing dengan pelaburan sebanyak RM53.0 juta bagi mengeluarkan beg plastik.

Industri produk plastik mengalami penurunan pada tahun 2008 dan awal tahun 2009, akibat kesan kemelesetan ekonomi global. Walau bagaimana pun, industri ini kembali berkembang dengan positif pada suku ketiga tahun 2009. Satu pemulihan yang lebih kukuh dalam industri produk plastik adalah dijangka pada

tahun 2010. Namun begitu, kekuatan pemulihan ini masih bergantung kepada prestasi ekonomi global memandangkan permintaan terhadap produk plastik adalah bergantung kepada industri lain, terutamanya industri E&E dan automotif.

Potensi pertumbuhan dijangka terutamanya dalam pengeluaran beg plastik dan bahan pembungkusan lain yang kebanyakannya dieksport ke pasaran utama dunia seperti Amerika syarikat, Eropah, Australia dan Jepun. Malaysia berupaya untuk mengeluarkan produk pembungkusan plastik yang berkualiti tinggi dan mesra alam pada harga yang kompetitif. Dengan kemunculan pasaran baru, terutamanya Republik Rakyat China, permintaan bagi bekalan serantau dijangka akan meningkat.

Liberalisasi perdagangan di bawah Perjanjian Perdagangan dan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN dijangka akan membuka peluang kepada pengeluar plastik milik rakyat Malaysia. Walau bagaimanapun, memandangkan ciri-ciri industri yang kompetitif, pertumbuhan masa depan industri produk plastik Malaysia akan bergantung kepada keupayaan pengilang domestik untuk mengekalkan daya saing mereka melalui penambahbaikan dalam kemahiran dan teknologi bagi mempertahankan pasaran semasa dan mempelbagaikan ke dalam pasaran baru. Oleh itu, adalah penting bagi industri produk plastik Malaysia terus mengikuti perkembangan dalam peraturan dan arahan alam sekitar antarabangsa seperti Sekatan ke atas Bahan Berbahaya (RoHS), Bahan Buangan Peralatan Elektrik dan Elektronik (WEEE), Tenaga Menggunakan produk (EuP), Akhir Hayat Kenderaan (ELV) serta Pendaftaran, Penilaian dan Kebenaran Bahan Kimia (REACH).

## **PRODUK GETAH**

Industri produk getah boleh dikategorikan kepada produk lateks, tayar dan produk berkaitan tayar serta produk getah perindustrian dan produk getah am. Industri ini didominasi oleh industri IKS.

Penggunaan domestik bagi getah asli pada tahun 2009 dianggarkan sebanyak 450,000 tan manakala penggunaan getah sintetik dianggarkan sekitar 112,000 tan. Penggunaan sektor produk lateks menyumbang sebanyak 79.0 peratus kepada jumlah penggunaan domestik getah asli di Malaysia.

Bagi tempoh 11 bulan pertama tahun 2009, jumlah pendapatan eksport bagi produk getah berjumlah RM10.2 bilion yang menyumbang sebanyak 1.7 peratus kepada jumlah pendapatan eksport Malaysia. Dalam tempoh yang sama, jumlah import produk getah adalah sebanyak RM2.8 bilion yang terdiri daripada produk getah perindustrian dan produk getah am (63.3%), tayar & produk berkaitan tayar (28.7%) dan produk lateks (8.0%).

Subsektor terbesar bagi industri produk getah dari segi pendapatan eksport adalah subsektor produk lateks dengan 165 buah syarikat yang sedang beroperasi. Bagi tempoh Januari-November 2009, jumlah pendapatan eksport bagi subsektor ini berjumlah RM6.6 bilion atau 64.7 peratus daripada keseluruhan hasil eksport bagi industri ini. Malaysia merupakan pengeluar dan pengekspor utama produk lateks yang terdiri terutamanya daripada kateter, *latex thread* dan sarung tangan perubatan.

Dalam subsektor produk getah perindustrian dan produk getah am, terdapat 184 buah syarikat yang sedang beroperasi. Subsektor ini mengeluarkan pelbagai jenis produk getah seperti *anti-vibration mountings*, tali sawat, hos, tiub, *seals* dan *sheeting* bagi industri automotif, E&E, M&E dan pembinaan. Bagi tempoh Januari-November 2009, pendapatan eksport bagi subsektor ini berjumlah RM3.2 bilion.

Pada masa ini terdapat 120 buah syarikat dalam subsektor tayar dan produk berkaitan tayar dengan sepuluh pengeluar tayar, manakala bakinya adalah syarikat yang mengeluarkan tayar celup, tiub dalaman dan aksesori lain. Bagi tempoh Januari-November 2009, subsektor ini menyumbang sebanyak RM431.0 juta kepada pendapatan eksport negara.

### ***Projek Diluluskan Pada Tahun 2009***

Sejumlah 16 projek dengan pelaburan sebanyak RM131.1 juta telah diluluskan dalam industri produk getah (tidak termasuk peralatan perubatan). Daripada jumlah ini, tujuh adalah projek baru dengan pelaburan bernilai RM35.4 juta, manakala sembilan merupakan projek pembesaran/pelbagai dengan jumlah pelaburan bernilai RM95.7 juta.

Projek yang diluluskan adalah pelaburan domestik sebanyak RM33.8 juta (25.8%) dan pelaburan asing sebanyak RM97.3 juta (74.2%). Sejumlah empat projek yang diluluskan (RM12.4 juta) merupakan syarikat milik sepenuhnya rakyat Malaysia, empat adalah usahasama dengan milik majoriti rakyat Malaysia (RM19.5 juta), enam merupakan milik sepenuhnya rakyat asing (RM86.1 juta) dan dua adalah usahasama dengan milik majoriti rakyat asing (RM13.1 juta).

Daripada 16 projek yang diluluskan:


- Lima projek dengan pelaburan sebanyak RM68.3 juta adalah dalam subsektor produk getah perindustrian dan am. Projek ini adalah bagi mengeluarkan produk seperti *green rubber compounds*, penutup, penebat getaran, jalur cuaca, *tubings & profiles* dan *reinforced radiator hoses* bagi industri automotif. Pelaburan domestik berjumlah RM2.7 juta (4.0%), manakala pelaburan asing berjumlah RM65.6 juta (96.0%). Terdapat dua projek baru dengan pelaburan sebanyak RM15.9 juta (23.3%) dan tiga projek pembesaran/pelbagai dengan pelaburan bernilai RM52.4 juta (76.7%);

- Tiga projek dengan pelaburan bernilai RM32.4 juta adalah dalam subsektor produk lateks. Kesemua projek ini merupakan projek pembesaran/pelbagaian. Pelaburan domestik berjumlah RM5.6 juta (17.3%) manakala pelaburan asing berjumlah RM26.8 juta (82.7%);
- Enam projek dengan jumlah pelaburan bernilai RM28.7 juta adalah dalam aktiviti mengitar semula tayar terpakai menjadi *rubber crumbs*, *carbon black*, dawai keluli dan minyak bahan api. Daripada enam projek, lima merupakan projek baru manakala satu adalah projek pembesaran/pelbagaian. Pelaburan domestik berjumlah RM24.8 juta (86.4%) manakala pelaburan asing berjumlah RM3.9 juta (13.6%); dan
- Dua projek pembesaran/pelbagaian dengan pelaburan berjumlah RM1.7 juta bagi tayar dan produk berkaitan tayar. Pelaburan domestik berjumlah RM0.8 juta (47.1%) manakala pelaburan asing berjumlah RM0.9 juta (52.9%).

Projek utama diluluskan termasuk:

- Sebuah projek pembesaran/pelbagaian oleh syarikat milik sepenuhnya rakyat asing untuk mengeluarkan produk *rubber compound* dengan pelaburan bernilai RM44.8 juta; dan
- Sebuah projek baru oleh syarikat milik sepenuhnya rakyat asing untuk mengeluarkan produk *delinked* dan *green rubber compounds* dengan pelaburan berjumlah RM13.2 juta.

**Graf 27**  
**Pelaburan bagi Projek Diluluskan dalam Industri Produk Getah mengikut Subsektor, 2009**



Industri getah di Malaysia sedang menghadapi persaingan daripada pengeluar getah serantau seperti Thailand, Vietnam, Republik Rakyat China dan India. Selain daripada kos pengeluaran yang lebih rendah, negara-negara ini juga mempunyai akses yang mudah kepada bahan mentah sedia ada.

Sebagai langkah untuk mengekalkan daya saing, industri ini sedang menuju ke arah produk getah bernilai ditambah dan berteknologi tinggi bagi aplikasi kejuruteraan, pembinaan dan marin. Usaha yang berterusan telah dibuat di dalam bidang R&D oleh agensi kerajaan dan swasta untuk meningkatkan kecekapan, kualiti dan produktiviti.

Adalah dijangka lebih banyak cabaran perlu dihadapi dalam bidang pematuhan dan pensijilan antarabangsa. Pelaksanaan *Registration, Evaluation, Authorisation and Restriction of Chemical Substances (REACH)* oleh EU merupakan cabaran bagi pengeluar dan pengeksport produk getah Malaysia dalam usaha mereka untuk menembusi pasaran global terutamanya pasaran EU.

Walau bagaimanapun, terdapat peluang yang besar bagi pengeluar-pengeluar ini untuk memperolehi akses pasaran dan meningkatkan eksport melalui pelaksanaan Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN-China, *Malaysia-Pakistan Closer Economic Partnership Agreement*, Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN-Korea dan Perjanjian Perkongsian Ekonomi Jepun-Malaysia.

## KAYU DAN PRODUK KAYU DAN PERABOT

Industri berasaskan kayu terdiri daripada aktiviti hiliran dan huluan. Aktiviti hiliran melibatkan penebangan hutan semulajadi dan ladang hutan yang sistematik dan terancang. Aktiviti huluan meliputi operasi utama, sekunder dan peringkat ketiga di mana aktiviti pemprosesan kayu utama menggunakan balak sebagai bahan mentah untuk menghasilkan kayu gergaji dan venier. Aktiviti pemprosesan kayu sekunder dan kayu peringkat ketiga menukar produk utama dan bahan buangan padu lain seperti dahan kecil, *off-cuts*, *edgings* atau *slabs*, *chippings* dan habuk kayu kepada produk bernilai ditambah.

Terdapat lebih daripada 3,900 kilang yang sedang beroperasi dan menyediakan pekerjaan kepada lebih kurang 300,000 orang atau 3.5 peratus daripada jumlah keseluruhan tenaga kerja di Malaysia. Industri ini kebanyakannya dimiliki oleh rakyat Malaysia dan kira-kira 80-90 peratus merupakan syarikat pengilang berskala kecil dan sederhana. Dari tahun ke tahun, ia telah berkembang daripada industri pemprosesan asas kepada industri yang lebih maju dan dipacu oleh teknologi yang mengeluarkan bilangan besar produk hiliran bernilai ditambah.

Lebih daripada 60 peratus kilang balak milik rakyat Malaysia adalah dalam aktiviti huluan seperti kayu kumai, *builders carpentry* dan *joinery (BCJ)*, papan gentian, serta perabot dan komponen perabot. Kilang-kilang ini kebanyakannya terletak di Semenanjung Malaysia. Pengeluaran kayu gergaji, venier, papan lapis dan produk panel venier lain adalah tertumpu di Sabah dan Sarawak.

Mengikut *National Timber Industry Policy (NATIP)*, penstrukturran industri ini kepada pengeluaran produk bernilai ditambah tinggi dan juga perkhidmatan adalah merupakan sasaran utama kerajaan. Industri ini dijangka akan mencapai pendapatan eksport tahunan berjumlah RM53.0 bilion menjelang 2020 di mana 60 peratus daripada eksport akan diperolehi daripada aktiviti berkaitan dengan produk kayu dan perabot komposit, produk panel serta produk kayu yang melalui proses kejuruteraan. Baki sebanyak 40 peratus adalah daripada produk kayu yang melalui proses utama seperti balak, kayu gergaji dan papan lapis.

Kesedaran bahawa adanya bekalan bahan mentah adalah kunci kepada kejayaan transformasi industri ini. Kerajaan telah memulakan beberapa projek untuk memperolehi bahan mentah dan menerokai sumber alternatif bagi bahan mentah. Salah satu program yang telah dijalankan adalah Program Pembangunan Penanaman Hutan. Sehingga kini, Kerajaan telah meluluskan lebih daripada RM200 juta pinjaman (daripada peruntukan sebanyak RM1.45 bilion) kepada 14 buah syarikat untuk penanaman hutan.

Sumber bahan mentah alternatif seperti gentian daripada biomas kelapa sawit (batang kelapa sawit, tangkai buah kosong, isirung) kenaf, buluh dan bahan pertanian lain (koko, kelapa, sagu dan tebu) menawarkan potensi yang besar untuk pembangunan. Selaras dengan penekanan global yang semakin meningkat terhadap perlindungan dan pemuliharaan alam sekitar, Kerajaan menggalakkan penubuhan projek bagi bahan mentah alternatif ini dengan pelbagai insentif cukai.


Malaysia merupakan salah satu daripada pengeksport terbesar dunia bagi balak dan produk balak. Bagi tempoh Januari-November 2009, eksport produk perasaskan kayu berjumlah RM18.1 bilion. Perabot kayu merupakan penyumbang terbesar bagi eksport produk berasaskan kayu bernilai RM5.7 bilion (31.5%), diikuti oleh kayu gergaji dan kayu balak bernilai RM4.6 bilion (25.4%), papan lapis bernilai RM4.5 bilion (25%), kayu kumai dan *builders' carpentry and joinery* bernilai RM1.8 bilion (10%).

Malaysia merupakan pengeksport kesepuluh terbesar perabot dunia dan yang ketiga terbesar di Asia selepas Republik Rakyat China dan Vietnam. Lebih daripada 80 peratus perabot Malaysia diperbuat daripada kayu getah manakala yang lain adalah daripada campuran pelbagai spesies kayu dan komposit kayu seperti *medium density fibreboard (MDF)* dan papan partikel. Kebanyakan daripada perabot buatan Malaysia masih merupakan pengilang peralatan asal (OEM). Kerajaan terus memberi galakan kepada pengeluar perabot supaya meningkatkan rantaian nilai daripada OEM kepada pengilangan rekabentuk asal (ODM) dan pengilangan jenama asal (OBM) bagi produk perabot.

### **Projek Diluluskan Pada Tahun 2009**

Pada tahun 2009, sejumlah 62 projek diluluskan dengan pelaburan berjumlah RM493.4 juta. Daripada ini, 48 merupakan projek baru dengan jumlah pelaburan bernilai RM317.9 juta (64.4%) manakala 14 merupakan projek pembesaran/pelbaigan (RM175.5 juta atau 35.6%). Pelaburan domestik berjumlah RM354.4 juta atau 72.0 peratus manakala pelaburan asing berjumlah RM139.0 juta.

**Graf 28**  
**Pelaburan Diluluskan dalam Industri Berasaskan Kayu mengikut Subsektor, 2009**



Pelaburan tertinggi dicatatkan dalam subsektor perabot dengan RM174.7 juta (35.4%). Sejumlah 31 projek diluluskan dalam subsektor ini, di mana 26 merupakan projek baru (RM122.6 juta atau 70.2%) dan lima adalah projek pembesaran/pelbagaian (RM52.1 juta atau 29.8%). Pelaburan domestik berjumlah RM132.5 juta (75.8%) manakala pelaburan asing berjumlah RM42.1 (24.2%).

Dalam subsektor produk panel, lapan projek diluluskan dengan pelaburan bernilai RM162.7 juta (33.0%). Daripada ini, empat merupakan projek baru (RM51.9 juta) dan empat merupakan projek pembesaran/pelbagaian (RM110.8 juta). Pelaburan domestik berjumlah RM131.9 juta (81.1%) manakala pelaburan asing berjumlah RM30.8 juta (18.9%). Antara projek yang diluluskan adalah pengeluaran papan partikel kosong, papan lapis daripada biomas kelapa sawit dan *fancy MDF*.

Sejumlah sembilan projek baru diluluskan dalam subsektor kayu kumai dan *builders' carpentry and joinery (BJC)* dengan pelaburan bernilai RM97.3 juta atau 19.7 peratus daripada jumlah pelaburan dalam industri berdasarkan kayu. Kesemua pelaburan adalah dari pelabur domestik. Kebanyakan projek yang diluluskan adalah untuk mengeluarkan bingkai senibina, pintu dan tingkap.

Dalam subsektor produk gentian bukan kayu, enam projek telah diluluskan dengan pelaburan berjumlah RM24.0 juta. Projek ini adalah untuk mengeluarkan venier, briket, gentian dan gentelan daripada biomas kelapa sawit.

Di antara projek utama yang diluluskan adalah:

- Satu projek baru milik sepenuhnya rakyat Malaysia dengan pelaburan berjumlah RM21.0 juta, untuk mengeluarkan papan partikel biasa. Kira-kira 30 peratus daripada pengeluaran akan dieksport ke Timur Tengah dan India; dan

- Satu projek pembesaran/pelbagai milik sepenuhnya rakyat asing untuk mengeluarkan perabot logam dan kayu dengan pelaburan berjumlah RM26.0 juta. Syarikat ini akan mengeksport lebih daripada 80 peratus daripada produknya ke Timur Tengah dan juga negara ASEAN yang lain.

Malaysia merupakan negara pengeluar kayu tropika yang pertama menawarkan produk kayu yang diperakui di bawah oleh Skim Pensijilan Kayu Malaysia (MTCS). Malaysia terus melibatkan diri secara aktif dalam beberapa inisiatif dan antarabangsa seperti *High-Level Event on Reducing Emissions from Deforestation and Forest Degradation (REDD)*, Persidangan Antarabangsa mengenai Industri Hijau di Asia, Kongres Perhutanan Dunia dan Pelan Tindakan untuk Penguatkuasaan Pengawalan Hutan dan Perdagangan (FLEGT). Malaysia juga telah memulakan perundingan dengan Kesatuan Eropah (EC) untuk mencapai persetujuan bagi Perjanjian Kerjasama Sukarela (VPA) di mana sasarannya adalah untuk mengatasi pembalakan haram dan mengurangkan penebangan kayu secara haram.

Pelaksanaan NATIP pada tahun 2009 akan melengkapkan sasaran dan strategi IMP3 untuk menyediakan halatuju baru bagi industri berdasarkan kayu Malaysia supaya kekal bertahan dan kompetitif dalam persekitaran global yang mencabar. NATIP merangka aktiviti program dan pelan sehingga tahun 2020. Ini adalah untuk menggalakkan dan menyokong secara berterusan industri dalam bidang teknologi dan inovasi; promosi dan pemasaran; modal insan; pembiayaan dan insentif; di samping membangunkan usahawan bumiputera di semua peringkat bagi meningkatkan keupayaan mereka dalam pengurusan kemahiran pengeluaran dan strategi pemasaran.

## **PRODUK GALIAN BUKAN LOGAM**

Industri produk galian bukan logam merangkumi produk konkrit dan simen, produk gypsum dan simen gentian, produk seramik dan tanah liat, kaca, bahan insulasi, batu dimensi dan galian bukan logam yang lain.

Jenis-jenis simen yang dikeluarkan di Malaysia termasuk simen biasa Portland, simen hidraulik, *slag cement*, *fly ash cement*, simen campuran lain dan simen putih. Setakat ini, kapasiti yang diluluskan adalah mencukupi untuk memenuhi permintaan tempatan. Aktiviti pembesaran dan pelbagai oleh pengeluar sedia ada dan juga penubuhan projek pengilangan simen bersepadu yang baru adalah dibenarkan.

Papan simen gentian telah berkembang kepada aplikasi pelbagai merangkumi siling, salutan dinding, dek atap, atap, sesekat dalaman, lantai bertingkat dan tingkap luaran. Pengeluar tempatan telah meningkatkan usaha untuk membangunkan produk berteknologi baru dan termaju untuk memenuhi keperluan sektor pembinaan. Bahan binaan lain seperti produk gipsum juga telah melalui beberapa peningkatan dalam kualiti dan ciri-ciri produk.

Subsektor industri seramik merangkumi pengeluaran seramik tradisional dan seramik termaju. Industri seramik tradisional merangkumi pengeluaran produk jubin dinding dan lantai, jubin atap, peralatan kebersihan, pinggan mangkuk, barang hiasan, tembikar, produk refraktori tinggi, batu bata dan *formers*. Industri seramik termaju adalah industri baru di negara ini dan mempunyai aplikasi teknologi termaju yang meluas dalam industri elektronik, aeroangkasa, perubatan dan industri lain.

Industri kaca meliputi pengeluaran *float glass*, kaca keselamatan, bekas kaca, barang kaca, kaca senibina, kaca gentian dan produk kaca kepersisan berteknologi tinggi seperti corong kaca dan panel bagi tiub sinar katod, substrat kaca cakera keras, kaca solar dan paparan plasma. Kaca solar adalah kombinasi teknologi solar dan teknologi kaca dan sering digunakan bagi permukaan pengumpul tenaga haba dan modul fotovoltaik.

Bahan penebat bagi galian bukan logam termasuk *wool mineral* yang diperbuat samada daripada kaca atau batu gunung berapi. Ini boleh dianggapkan sebagai

bahan binaan hijau memandangkan ia mempunyai fungsi jimat tenaga dan dijangka akan menjadi keutamaan bahan binaan yang penting.

Batu dimensi adalah batu semulajadi atau batu yang telah difabrikasi kepada pelbagai warna, saiz dan bentuk. Antara jenis batu utama adalah granit, marmar, batu kapur, *travertine*, batu berasaskan kuarza, *slate* dan produk lain yang dibentuk daripada batu semulajadi. Aplikasi utama untuk batu dimensi adalah permukaan kaunter, perkakasan bilik air, jubin, monumen, batu nisan dan komponen bangunan seperti venier (hiasan luar), *slate* atap, batu susur jalan dan batu ubin.

Galian bukan logam yang lain termasuk kapur tohor dan kalsium karbonat. Kapur tohor adalah sebatian kimia yang digunakan secara meluas dalam mortar dan plaster, dan juga dalam pengeluaran kaca, logam dan kertas. Kalsium karbonat adalah sebatian kimia yang digunakan dalam industri pembinaan sebagai bahan bangunan atau sebagai komponen simen. Ia juga digunakan dalam cecair gerudi untuk industri minyak, sebagai bahan pengisi bagi sarung tangan getah dan plastik serta bagi aplikasi mengglis.

Eksport produk galian bukan logam bagi tempoh Januari-November 2009 berjumlah RM4.8 bilion manakala import berjumlah RM3.6 bilion. Ini menjadikan Malaysia sebagai pengeksport bersih produk galian bukan logam. Eksport terbesar termasuk kaca dan barang kaca berjumlah RM2.3 bilion; kapur, simen dan bahan binaan fabrikasi berjumlah RM1.1 bilion; dan pengilangan galian berjumlah RM769.8 juta. Import utama adalah kaca dan barang kaca (RM1.8 bilion), pengilangan galian (RM487.5 juta) serta kapur, simen dan bahan binaan fabrikasi (RM471.5 juta).


Setakat kini, sejumlah 318 syarikat sedang beroperasi dalam industri produk galian bukan logam. Pelaburan dalam sektor ini berjumlah RM28.4 bilion dengan pelaburan asing berjumlah RM15.3 bilion (53.9%) dan pelaburan domestik bernilai RM13.1 bilion (46.1%).

### **Projek Diluluskan Pada Tahun 2009**

Pada tahun 2009, sejumlah 27 projek telah diluluskan dalam industri produk galian bukan logam dengan pelaburan berjumlah RM6.4 bilion. Daripada jumlah projek yang diluluskan, 19 adalah projek baru dengan pelaburan berjumlah RM5.6 bilion (87.5%) manakala lapan merupakan projek pembesaran/pelbagai dengan pelaburan sebanyak RM807.0 juta (12.5%). Pelaburan domestik berjumlah RM1.1 bilion (17.1%) manakala pelaburan asing berjumlah RM5.3 bilion (82.9%).

Projek yang diluluskan adalah untuk mengeluarkan simen dan produk konkrit (10 projek), kaca (enam projek), galian bukan logam (lima projek), produk seramik dan tanah liat (empat projek) dan satu projek bagi batu dimensi dan lain-lain.

**Graf 29**  
**Pelaburan bagi Projek Diluluskan dalam Industri Galian Bukan Logam mengikut Subsektor, 2009**



Projek utama diluluskan termasuk:

- Sebuah projek baru milik sepenuhnya rakyat asing dengan pelaburan berjumlah RM5.2 bilion untuk mengeluarkan kaca solar (bersalut, bajaan, dsb) dan cermin solar. Projek berteknologi tinggi ini adalah yang pertama seumpamanya di Malaysia dan akan menjadi bahagian penting kelompok solar dalam negara ini;
- Sebuah projek pembesaran/pelbagaian oleh syarikat milik sepenuhnya rakyat Malaysia dengan pelaburan berjumlah RM735.5 juta bagi pembesaran kapasiti pengeluaran *clinker* dan simen *Portland* biasa; dan
- Sebuah projek baru milik majoriti rakyat Malaysia dengan pelaburan berjumlah RM35.8 juta untuk mengeluarkan jubin atap seramik. Ini adalah produk baru dalam subsektor ini dan dijangka akan memodenkan industri pembinaan tempatan.

Usaha promosi di dalam sektor produk galian bukan logam akan menjurus kepada tiga aspek utama iaitu seramik halus/termaju, produk binaan hijau dan kaca *specialty* seperti kaca solar dan *float glass* bersalut.

Industri seramik halus/termaju berpotensi untuk dibangunkan di Malaysia. Pada masa kini, seramik halus/termaju yang menggunakan alumina dan *zirconia* sebagai bahan mentah asas digunakan dalam pengeluaran semikonduktor serta peralatan dan komponen elektronik lain seperti kapasitor, resistor, penunjuk dan penapis. Industri kejuruteraan dan mekanikal serta produk bio-seramik bagi industri bio-medikal juga mempunyai potensi untuk berkembang.

Pada asasnya, produk binaan hijau memfokus ke arah kecekapan penggunaan sumber seperti tenaga, air dan meningkatkan bahan yang akan mengurangkan impak pembinaan ke atas manusia dan persekitaran. Terdapat potensi yang besar bagi pembangunan produk ini di dalam negara berdasarkan terdapatnya sumber asli yang banyak.

## **INDUSTRI KERTAS, PERCETAKAN DAN PENERBITAN**

Industri kertas, percetakan dan penerbitan merangkumi pengeluaran pulpa, kertas, produk kertas dan aktiviti percetakan/penerbitan. Subsektor kertas merangkumi pengeluaran *medium paper, test liner*, kertas suratkhabar, kertas percetakan dan tulis, kertas tisu dan kertas joss. Subsektor produk kertas merangkumi produk kertas pembungkusan seperti *corrugated cartons, inner packaging* dan *cushioning materials*, label, pelekat dan lampin pakai buang. Subsektor percetakan dan penerbitan termasuk kesemua percetakan bahan pembungkusan, buku, majalah, dokumen keselamatan, kad ucapan, kalender dan pelbagai jenis aktiviti percetakan yang lain.

Subsektor kertas, produk kertas dan percetakan adalah di antara industri sokongan utama kepada sektor perkilangan di Malaysia. Kebanyakan aktiviti pengilangan adalah lebih tertumpu di Semenanjung Malaysia. Setakat ini, Malaysia telah mencatatkan 83 peratus *self-sufficiency* dalam pembekalan kertas dan *paperboard* dengan jumlah pengeluaran sebanyak 1.5 juta tan metrik dan penggunaan tempatan sekitar 1.8 juta tan metrik. Pada tahun 2009 (Januari-November) import kertas dan produk kertas berjumlah RM5.0 bilion manakala eksport berjumlah RM2.6 bilion.


Industri percetakan dan penerbitan domestik di Malaysia terutamanya terdiri daripada pengeluar berskala kecil dan sederhana. Walau bagaimanapun, pencetak tempatan mampu mendapat kontrak percetakan buku dan majalah daripada penerbit antarabangsa. Eksport subsektor ini pada 2009 (Januari-November) berjumlah RM730.2 juta manakala import berjumlah RM771.6 juta.

### ***Projek Diluluskan Pada Tahun 2009***

Pada tahun 2009, sejumlah 20 projek dengan pelaburan berjumlah RM502.3 juta diluluskan dalam industri kertas, percetakan dan penerbitan. Daripada jumlah ini, 12 adalah projek baru dengan pelaburan sebanyak RM201.0 juta (40%), manakala lapan adalah projek pembesaran/pelbaigan dengan pelaburan

berjumlah RM301.3 juta (60%). Pelaburan domestik berjumlah RM186.4 juta (37%) manakala pelaburan asing berjumlah RM315.9 juta (63%).

**Graf 30**  
**Pelaburan bagi Projek Diluluskan dalam Industri Kertas, Percetakan dan Penerbitan mengikut Subsektor, 2009**




Projek utama diluluskan termasuk:

- Sebuah projek pembesaran/pelbagai milik sepenuhnya rakyat asing dengan pelaburan berjumlah RM268.0 juta bagi mengeluarkan lampin pakai buang dan produk *feminine care hygiene*. Syarikat ini merancang untuk mengeksport 40 peratus daripada produknya ke Singapura, Thailand, Australia dan New Zealand; dan
- Sebuah projek pembesaran/pelbagai milik sepenuhnya rakyat Malaysia dengan pelaburan berjumlah RM58.0 juta bagi mengeluarkan bahan percetakan *UV coating, blister pac, lamination serta spot UV*.

## C. PELAKSANAAN PROJEK PERKILANGAN YANG DILULUSKAN

Sejumlah 5,839 projek pengilangan telah diluluskan dari tahun 2004 - 2009 yang mana 4,201 projek (71.9%) telah memulakan pengeluaran setakat 31 Disember 2009 manakala 218 (3.7%) adalah di peringkat pembinaan kilang dan pemasangan jentera. Daripada 4,201 yang sedang dalam pengeluaran, 520 projek telah memulakan pengeluaran pada tahun 2009.

**Graf 31**  
**Status Perlaksanaan Projek Perkilangan Diluluskan bagi Tempoh 2004 – 2009**



Jumlah pelaburan modal dalam 4,419 projek yang telah dilaksanakan (meliputi projek-projek yang telah memulakan pengeluaran serta pembinaan kilang dan pemasangan jentera) berjumlah RM145.5 bilion. Selain daripada itu, 110 projek dengan pelaburan bernilai RM33.8 bilion telah memperoleh tapak, manakala 939 projek (RM63.4 bilion) adalah di peringkat perancangan aktif. Apabila kesemua 1,049 projek ini dilaksanakan, jumlah pelaburan yang dilakukan adalah sebanyak RM97.2 billion.

Kebanyakan projek yang dilaksanakan terletak di Selangor (1,389 projek) dengan pelaburan sebanyak RM37.0 bilion, diikuti dengan Johor (966

projek/RM34.7 bilion), Pulau Pinang (629 projek/RM19.6 bilion), Perak (266 projek/RM6.0 bilion), Kedah (243 projek/RM16.1 bilion) dan Melaka (226 projek / RM7.2 bilion).

Projek utama yang dilaksanakan pada tahun 2009 merangkumi pelbagai industri seperti produk elektrik dan elektronik, produk fabrikasi logam, kimia dan produk kimia, pengilangan makanan serta jentera dan peralatan.

Pelbagai pendekatan dan inisiatif terus dilaksanakan bagi meningkatkan sistem penyampaian termasuk memudahkan para pelabur dalam melaksanakan projek yang telah diluluskan. Pendekatan dan inisiatif itu termasuk:

- Aktiviti *handholding* yang sedang giat dijalankan oleh Pegawai Projek Khas (SPOs) di peringkat Persekutuan dan negeri di MIDA melalui mesyuarat, taklimat, dialog dan perundingan di antara Kerajaan Persekutuan dan agensi kerajaan negeri serta syarikat bagi memudahkan pelaksanaan projek;
- Penubuhan Pusat Pelaburan Negeri (SICs) sebagai agensi pusat sehenti negeri bagi mempromosi dan menyediakan maklumat dan khidmat rundingan kepada bakal pelabur dan pelabur sedia ada serta membantu pelabur dalam menubuhkan operasi di negeri masing-masing. SIC juga terlibat dalam aktiviti *handholding* bersama MIDA;
- Penubuhan Pusat Khidmat Nasihat (ASC) di MIDA pada tahun 1988 bagi menyediakan perkhidmatan khidmat nasihat dan maklumat secara efektif dan efisien dari semua sudut pelaksanaan. Wakil-wakil yang ditempatkan di MIDA adalah daripada Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Imigresen, Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja, Tenaga Nasional Berhad, Telekom Malaysia Berhad dan Jabatan Buruh. Bagi meningkat aktiviti-aktiviti di Pusat Khidmat Nasihat, Pegawai Perhubungan Khas telah dilantik dari pelbagai Kementerian/Agensi seperti Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDeC), Lembaga

Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB), Kementerian Kesihatan, Kementerian Pelancongan dan Kementerian Pengajian Tinggi;

- Penubuhan Unit Pelaksanaan Industri Daerah (DIIUs) pada Ogos 2006 bagi memantau projek pengilangan dan perkhidmatan diperingkat daerah serta menyediakan bantuan bagi mempercepatkan proses kelulusan dari pelbagai agensi Kerajaan sepanjang proses pelaksanaan projek;
- Pusat Khidmat Pelanggan (CSC) telah dilancarkan di MIDA pada tahun 2006. Objektif utamanya adalah memberi khidmat kepada pelabur dan pelanggan dengan menyediakan maklumat terutamanya maklum balas pertanyaan melalui telefon;
- Penubuhan Unit Imigresen di MIDA pada Disember 2007 bagi memudahkan permohonan berkaitan perihal imigresen bagi pegawai dagang serta tanggungannya. Fungsi utama Unit Imigresen adalah membantu dan memberi khidmat nasihat kepada syarikat serta meluluskan permohonan bagi visa, permit pekerjaan, pas perkerjaan, pas tanggungan bagi isteri dan anak-anak di bawah umur 21 tahun, Pas Lawatan Sosial bagi suami, ibu bapa dan anak-anak di bawah umur 21 tahun, pelepasan pelajar bagi anak pegawai dagang dan kad pengenalan pegawai dagang;
- Permohonan secara dalam talian di MIDA telah diperkenalkan pada Januari 2008 bagi mengemukakan borang permohonan secara elektronik ke MIDA untuk dipertimbangkan. Permohonan yang dikemukakan adalah merangkumi permohonan Lesen Pengilang, insentif, jawatan pegawai dagang dan pengecualian cukai terhadap bahan mentah, komponen, jentera dan peralatan;
- Kelulusan Lesen Pengilang secara automatik telah diperkenalkan pada Disember 2008. Ianya merangkumi semua industri kecuali industri yang berkaitan dengan keselamatan, kesihatan, alam sekitar, agama, projek yang

akan ditempatkan di Sabah dan Sarawak, aktiviti yang tertakluk kepada Penilaian kesan Alam Sekitar(EIA), kelulusan daripada Jabatan Alam Sekitar (DOE) dan projek yang memerlukan kelulusan di bawah Akta Pembangunan Petroleum(PDA)/Kementerian Kesihatan (MOH)/Lembaga Pelesenan Tenaga Atom (AELB);

- Melulus dan memantau Dana Pembangunan Infrastruktur oleh MIDA pada Januari 2008 (dahulunya diuruskan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri) dengan objektif utama bagi memastikan kawasan perindustrian yang sedia ada diselenggara dengan baik; dan
- Penubuhan Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (PEMUDAH) pada tahun 2008 bagi mempertingkatkan ketelusan dan membaiki proses dan prosedur termasuk :
  - Mengurangkan pengambilan masa yang lama untuk pelepasan export bagi memudahkan perdagangan;
  - Mengurangkan pengambilan masa yang lama untuk pendaftaran harta melalui peningkatan proses dan penyediaan permohonan dalam talian bagi pendaftaran harta;
  - Memperbaiki pentadbiran cukai;
  - Memudahkan pembayaran melalui elektronik;
  - Penubuhan pusat sehenti bagi mempercepatkan penubuhan syarikat; dan
  - Memperbaiki proses permohonan pegawai dagang dan pekerja mahir.

Berdasarkan kepada Kementerian Sumber Manusia (MoHR), pada tahun 2009, sejumlah 363 syarikat telah mengecilkan operasinya, yang menyebabkan penamatan perkhidmatan kakitangan kepada 13,096 orang. Disamping itu, 64 syarikat telah memberhentikan operasi yang menyebabkan 4,754 pekerja telah hilang pekerjaan. Sebab utama penutupan adalah kerana kegawatan ekonomi

global yang mengakibatkan masalah kewangan, penurunan permintaan pasaran dan peningkatan kos pengeluaran.

Walau bagaimanapun, 520 projek telah memulakan pengeluaran pada tahun 2009 yang mewujudkan 64,157 peluang pekerjaan. Projek ini akan mewujudkan peluang pekerjaan alternatif kepada 17,850 pekerja yang telah diberhentikan dalam tempoh yang sama.

## **4. PRESTASI PELABURAN SEKTOR PERKHIDMATAN**

### **A. PROJEK DILULUSKAN**

#### **TINJAUAN**

Sektor perkhidmatan merangkumi pelbagai perkhidmatan termasuk pertubuhan serantau; perkhidmatan sokongan; syarikat berstatus MSC; hartanah (perumahan); pengangkutan; tenaga; telekomunikasi; perdagangan pengedaran; hotel dan pelancongan; perkhidmatan kewangan; perkhidmatan kesihatan dan perkhidmatan pendidikan.

Sejumlah 2,016 projek dengan pelaburan sebanyak RM29.5 bilion telah diluluskan dalam sektor perkhidmatan pada tahun 2009<sup>6</sup>. Pelaburan domestik mencatatkan jumlah pelaburan yang besar (RM27.2 bilion atau 92.2%) manakala pelaburan asing bernilai RM2.0 bilion (7.8%). Projek perkhidmatan diluluskan pada tahun 2009 dijangka akan menyediakan 31,490 peluang pekerjaan, terutamanya dalam bidang pengurusan, profesional dan teknikal.

---

<sup>7</sup> Statistik kelulusan tahun 2009 bagi skim sokongan kewangan dibawah Perkhidmatan Sokongan meliputi tempoh Januari hingga September sahaja

**Jadual 3**  
**Pelaburan bagi Projek Diluluskan dalam Sektor Perkhidmatan, 2009 dan 2008**

<b>Subsektor Perkhidmatan</b>	<b>2009</b>		<b>2008</b>	
	<b>No.</b>	<b>RM juta</b>	<b>No.</b>	<b>RM juta</b>
Pejabat Perwakilan	161	325.9	161	219.1
Perkhidmatan Sokongan <sup>6</sup>	202	1,397.9	245	2,085.0
Syarikat bertaraf MSC	284	2,160.4	242	1,778.4
Jumlah	647	3,884.2	648	4,082.5
<b>Subsektor Lain-lain Perkhidmatan</b>	<b>Jan – Sept 2009</b>		<b>2008</b>	
	<b>No.</b>	<b>RM juta</b>	<b>No.</b>	<b>RM juta</b>
Pengangkutan	26	7,731.7	19	1,422.9
Tenaga	1	5,010.4	106	4,407.2
Telekomunikasi (Termasuk Pos)	11	3,783.0	22	4,954.0
Perkhidmatan Kewangan	46	3,704.7	79	4,771.0
Hartanah (Perumahan)	641	3,142.8	749	25,921.0
Pengagihan Perdagangan	481	1,606.4	813	2,040.9
Hotel dan Pelancongan	23	589.0	44	1,929.6
Perkhidmatan Kesihatan	4	12.4	19	122.3
Perkhidmatan Pendidikan	136	12.2	160	184.9
Jumlah	1,369	25,592.5	2,011	45,753.8
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>2,016</b>	<b>29,476.7</b>	<b>2,659</b>	<b>49,836.3</b>

## B. PRESTASI PELABURAN SUBSEKTOR PERKHIDMATAN

### PERTUBUHAN SERANTAU

Setakat 31 Disember 2009, sejumlah 2,763 pertubuhan serantau telah diluluskan, yang merangkumi 177 Ibu Pejabat Operasi (OHQ), 212 Pusat Perolehan Serantau (IPC), 22 Pusat Pengedaran Serantau (RDC), 754 Pejabat Serantau (RO) dan 1,598 Pejabat Perwakilan (RE).


Infrastruktur Malaysia yang bertaraf dunia, jalinan hubungan yang baik serta lokasi strategik dalam ASEAN adalah antara sebab utama MNC terus memilih

---

<sup>6</sup> Bagi laporan ini, statistik pelaburan berkenaan pertubuhan serantau, perkhidmatan sokongan dan syarikat berstatus MSC adalah berdasarkan projek yang diluluskan oleh MITI dan MOSTI bagi tahun 2009 manakala statistik pelaburan bagi subsektor perkhidmatan yang lain adalah berdasarkan projek diluluskan oleh Kementerian Kerajaan/Agensi berkenaan dan hanya bagi tempoh Januari hingga September 2009

Malaysia untuk menempatkan pertubuhan serantau mereka. Pakej insentif pelaburan yang menarik termasuk cukai dan polisi yang liberal terhadap penyertaan ekuiti asing serta pengajian pegawai dagang adalah faktor lain yang dipertimbangkan oleh MNC bagi mewujudkan pertubuhan serantau di Malaysia.

**Graf 32**  
**Bilangan Pertubuhan Serantau Diluluskan setakat 31 Disember 2009**



Pada tahun 2009, sejumlah 161 pertubuhan serantau baru telah diluluskan untuk ditubuhkan di Malaysia dengan pelaburan berjumlah RM325.9 juta. Jangkaan jualan tahunan bagi IPC dan RDC berjumlah RM758.3 juta. Operasi ini akan mewujudkan peluang pekerjaan sebanyak 1,271 kepada rakyat Malaysia, terutamanya di peringkat pengurusan, professional dan teknikal.

### **Ibu Pejabat Operasi (OHQ)**

Setakat 31 Disember 2009, sejumlah 177 OHQ telah diluluskan dengan pelaburan sebanyak RM2.0 bilion. Daripada jumlah ini, 34 adalah dari Amerika Syarikat; 15 dari Jepun; 13 masing-masing dari Australia, Jerman dan UK; 12 dari Belanda manakala 77 adalah dari negara lain. OHQ ini telah mewujudkan

11,434 peluang pekerjaan yang merangkumi 9,283 rakyat Malaysia dan 1,954 pegawai dagang. Aktiviti-aktiviti utama OHQ yang dijalankan oleh syarikat-syarikat ini termasuk penyediaan fungsi korporat am seperti kewangan/akaun, sumber manusia, IT dan sokongan teknikal, perkhidmatan R&D, pentadbiran dan pengurusan serta perancangan dan koordinasi bagi membantu operasi mereka di rantau Asia Pasifik.

Daripada 177 OHQ yang diluluskan, sejumlah 132 sedang beroperasi. OHQ ini terlibat terutamanya dalam industri E&E, minyak dan gas, farmaseutikal, kimia dan automotif.

Antara MNC terkenal yang telah menubuhkan OHQ di Malaysia termasuk:

NEGARA	NAMA SYARIKAT	
Amerika Syarikat	<ul style="list-style-type: none"> <li>• General Electric</li> <li>• Du Pont</li> <li>• Dow Chemicals</li> <li>• PepsiCo</li> <li>• Grey Communications</li> <li>• Hess Oil &amp; Gas</li> <li>• Air Products</li> <li>• Henry Schein</li> <li>• Kellogg's</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Schlumberger</li> <li>• Baker Hughes</li> <li>• Intel</li> <li>• Transocean</li> <li>• Agilent</li> <li>• IBM</li> <li>• Mars Foods</li> <li>• Hewlett-Packard</li> </ul>
Jepun	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sharp Electronics</li> <li>• Kajima Corporation</li> <li>• Japan Tobacco International</li> <li>• Bridgestone</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• NEC Infrontia</li> <li>• Sumitomo</li> <li>• Nippon Electric Glass</li> <li>• Nippon Menard</li> </ul>
Jerman	<ul style="list-style-type: none"> <li>• BASF</li> <li>• Muehlbauer</li> <li>• Eppendorf</li> <li>• Arvato</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Siemens</li> <li>• Nordenia</li> <li>• Bayer</li> <li>• Binder</li> </ul>
Australia	<ul style="list-style-type: none"> <li>• IBA Health</li> <li>• IEV Group</li> <li>• Leighton</li> <li>• Linfox</li> <li>• Wagners</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Paradigm</li> <li>• Ansell</li> <li>• Dome</li> <li>• Delta Asia</li> </ul>

NEGARA	NAMA SYARIKAT	
UK	<ul style="list-style-type: none"> <li>• RMC Industries</li> <li>• British-American Tobacco</li> <li>• Diagonal Consulting Group</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Avocet Mining</li> <li>• OHM Surveys</li> <li>• Fitness First</li> </ul>
Switzerland	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Michelin</li> <li>• Norvatis Corporation</li> <li>• SBM Group</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Omya Group</li> <li>• Tetra Pak</li> </ul>
Perancis	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Lafarge</li> <li>• Thales International</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Monier</li> </ul>
Belanda	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Flexsys</li> <li>• Prometric</li> <li>• Friesland Foods</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Organon</li> <li>• Mammoet</li> </ul>
Sweden	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Volvo</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• UCB Group</li> </ul>
Republik Rakyat China	<ul style="list-style-type: none"> <li>• China Shipping</li> </ul>	
Norway	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Aker Kvaerner</li> <li>• Wilhelmsen</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• AGR</li> </ul>
Singapura	<ul style="list-style-type: none"> <li>• NOL Global</li> <li>• ACE Asia Pacific</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mattel</li> <li>• Global Footware</li> </ul>
Hong Kong	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Aramis</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• OMG</li> </ul>

### ***Projek Diluluskan Pada Tahun 2009***

Pada tahun 2009, sejumlah 18 OHQ telah diluluskan dengan pelaburan bernilai RM139.3 juta. Daripada OHQ yang diluluskan, tiga masing-masing adalah dari Kepulauan British Virgin, Singapura dan Hong Kong, dua dari Switzerland dan satu masing-masing dari UK, Australia, Kepulauan Cayman, Sudan, Amerika Syarikat, Perancis dan Jepun. Sejumlah 90 jawatan pegawai dagang telah diluluskan untuk OHQ ini dan 577 peluang pekerjaan akan diwujudkan kepada rakyat Malaysia, yang mana 40.6 peratus daripada jawatan tersebut adalah jawatan pengurusan kanan dan eksekutif kanan.

OHQ utama diluluskan pada tahun 2009 termasuk:

- Pacific Inter-link Sdn. Bhd., anak syarikat milik penuh Capital House Investment Ltd., dari Kepulauan Cayman, yang terlibat dalam pengurusan projek, kejuruteraan, sokongan teknikal dan perkhidmatan perundingan bagi industri minyak dan gas, petrokimia, tenaga dan industri pemprosesan. OHQ ini akan menyediakan perkhidmatan yang layak kepada syarikat berkaitan di Malaysia, Indonesia, Yemen, Arab Saudi dan Mesir;
- OMG Asia Pacific Sdn. Bhd, sebuah anak syarikat milik sepenuhnya OMNI Marketing Global Limited, yang menyediakan perkhidmatan pemasaran runcit bersepadu dalam gudang kepada peruncit utama seperti Carrefour SA, Tesco, Guardian, Seven Eleven, Giant dan Cold Storage. OHQ ini akan memberikan khidmat kepada 11 syarikat berkaitannya dan menyediakan lapan perkhidmatan yang layak seperti pengurusan dan pentadbiran am, perancangan dan koordinasi perniagaan; serta perolehan bahan mentah, komponen dan produk siap kepada pejabat mereka atau syarikat berkaitannya di dalam dan luar Malaysia;
- Mass Trading Malaysia Sdn. Bhd., sebuah syarikat milik sepenuhnya Mass Co. Ltd, Jepun, iaitu syarikat perdagangan yang mengkhusus dalam barisan sistem pengeluaran bagi industri elektronik. OHQ ini akan menyediakan sembilan perkhidmatan yang layak kepada tujuh syarikat berkaitannya di dalam dan luar Malaysia;
- Monier Asia Pacific Sdn. Bhd., sebuah syarikat milik sepenuhnya Monier Group GmbH, yang merupakan pembekal peneraju dunia bagi atap dan *chimney systems*. Penubuhan OHQ ini akan memusatkan fungsi pengurusan utama operasi kumpulan ini di rantau Asia Pasifik;
- Kumpulan Mattel yang terlibat terutamanya dalam pengeluaran dan pemasaran permainanan kanak-kanak di bawah jenama Mattel dan akan menyediakan perkhidmatan kepada syarikat berkaitannya di Amerika

Syarikat, Republik Rakyat China, Hong Kong, Singapura, Malaysia, Australia, New Zealand, India, Indonesia dan Thailand; dan

- Kumpulan Gold Coin, sebuah syarikat perintis dalam pengeluaran dan pengedaran makanan haiwan dan merupakan salah satu syarikat perniagaan agro yang terbesar di Asia. OHQ ini akan menyediakan khidmat kepada 15 syarikat berkaitannya di Singapura, Thailand, Vietnam, Republik Rakyat China, Sri Lanka dan India.

## **Pusat Perolehan Antarabangsa (IPC)**

Sejumlah 212 Pusat Perolehan Antarabangsa (IPC) telah diluluskan setakat 31 Disember 2009 dengan anggaran jualan tahunan sebanyak RM68.7 bilion manakala pelaburan dalam IPC ini berjumlah RM5.4 bilion. Daripada IPC diluluskan sejumlah 89 atau 42.0 peratus adalah dari Jepun, 36 dari Malaysia, 15 dari Amerika Syarikat, 11 masing-masing dari Taiwan dan Singapura, lima dari Jerman manakala baki 45 lagi adalah milik usaha sama.

Sejumlah 119 atau 56.0 peratus daripada IPC ini akan menyediakan perkhidmatan kepada industri E&E manakala selebihnya akan menyediakan perkhidmatan kepada industri kimia/petrokimia (29), jentera dan komponen perindustrian (14), tekstil (10), minyak dan gas (10) dan perabot (7). Setakat ini, sebanyak 139 IPC telah memulakan operasi.

MNC ini yang menubuhkan operasi IPC mereka di Malaysia terutamanya menjadi pusat perolehan dan pengedaran mereka dan menjalankan pengurusan rantai bekalan kepada operasi perkilangan di rantau Asia Pasifik.

MNC utama yang telah menempatkan operasi IPC mereka di Malaysia termasuk:

<b>NEGARA</b>	<b>NAMA SYARIKAT</b>
Jepun	<ul style="list-style-type: none"><li>• Matsushita</li><li>• Sharp</li><li>• Sony</li><li>• Kenwood</li><li>• TDK Corporation</li><li>• Canon Opto</li><li>• Murata</li><li>• Sumiden</li><li>• Hitachi</li><li>• JVC Electronics</li><li>• NEC Electronics</li><li>• Brother Engineering</li><li>• Sharp-Roxy</li><li>• Nitto Denko</li><li>• Mitsumi</li><li>• Mitsubishi</li></ul>
Amerika Syarikat	<ul style="list-style-type: none"><li>• Dell</li><li>• Knowles</li><li>• Smart Modular Technologies</li></ul>

NEGARA	NAMA SYARIKAT	
Jerman	• Robert Bosch • Henkel	• B.Braun
Taiwan	• Acer • Inventec Electronics	• Titan
Perancis	• Mapa Spontex	• Safic-Alcan
Hong Kong	• Lee Kum Kee	
Belanda	• Flextronics	• Benchmark
Singapura	• Ghim Li	• Jackspeed Leather

### ***Projek Diluluskan Pada Tahun 2009***

Tiga projek bagi menubuhkan IPC telah diluluskan pada tahun 2009 dengan pelaburan bernilai RM41.1 juta dan anggaran jualan tahunan sebanyak RM671.2 juta. Daripada tiga IPC yang diluluskan, satu adalah syarikat dari Belanda, satu adalah syarikat usahasama dengan Jepun dan satu oleh syarikat tempatan. IPC ini akan menyediakan peluang pekerjaan kepada 108 rakyat Malaysia, terutamanya dalam kategori pengurusan, teknikal dan mahir. IPC ini bercadang memperolehi produk dari syarikat tempatan yang bernilai RM29.8 bilion.

Disamping itu, 15 IPC yang diluluskan telah memulakan program pembesaran dengan menambah produk baru dalam rangkaian perolehan dan pengedaran mereka.

Antara IPC yang diluluskan adalah:

- Benchmark Electronics (M) Sdn. Bhd. (dahulunya dikenali sebagai Quantum Storage Solutions (M) Sdn. Bhd.), sebuah syarikat pengilangan wujud, yang akan menujuIPCnya bagi memperoleh dan mengedar peranti elektronik

dan perkhidmatan pengilangan elektronik (EMS) kepada pelanggan mereka di dalam dan luar Malaysia; dan

- Nakareg Sdn. Bhd., sebuah syarikat pengilangan wujud telah diluluskan IPC bagi memperoleh dan mengedar *linear transformers* bagi industri *audio, switching transformers, noise filter coils* dan *linear transformers for adapter* kepada pelanggannya di dalam dan luar negara.

IPC ini akan mengeksport hampir RM563.1 juta atau 49.2 peratus daripada produk mereka melalui pelabuhan, yang mana RM496.4 juta (88.2 peratus) akan dieksport melalui Pelabuhan Sungai Udang, Melaka dan selebihnya akan dieksport melalui Pelabuhan Pulau Pinang, Pelabuhan Pasir Gudang dan Pelabuhan Klang. Daripada barang-barang yang akan dieksport melalui lapangan terbang, RM580.6 juta akan dieksport melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang.

### **Pusat Pengedaran Serantau (RDC)**

Setakat 31 Disember 2009, sejumlah 22 Pusat Pengedaran Serantau (RDC) telah diluluskan dengan jumlah jualan tahunan sebanyak RM87.0 juta dan pelaburan berjumlah RM80.1 juta. Daripada jumlah ini, empat adalah dari Jerman, dua dari UK, dan masing-masing satu dari Amerika Syarikat, Austria, Belanda, Switzerland, Malaysia, Belgium, Finland, Perancis, Itali, Ireland, Sepanyol, Denmark, Kanada dan India manakala dua adalah projek usahasama dengan Jepun dan Jerman. Sejumlah 555 peluang pekerjaan akan diwujudkan oleh IPC ini, yang mana 90 peratus akan diisi oleh rakyat Malaysia.

Setakat ini, 14 MNC telah memulakan operasi RDC mereka. RDC ini adalah: (i – x to be in table form with 1<sup>st</sup> column country and companies in 2<sup>nd</sup> coloumn)

- i. Osram Opto Semiconductors, BMW, EPCOS AG, Siteco Group dan BD Agriculture dari Jerman;
- ii. UMW Toyota dari Jepun;
- iii. Scapa Group dari UK;
- iv. Agfa dari Belgium;
- v. Amer Sport dari Finland;
- vi. Sidel Group dari Perancis;
- vii. Acerinox dari Sepanyol;
- viii. Kerry Group dari Ireland;
- ix. International Merchandising Inc. dari Kanada; dan
- x. BEML dari India

### ***Projek Diluluskan Pada Tahun 2009***

Tiga projek telah diluluskan bagi RDC pada tahun 2009 dengan pelaburan sebanyak RM79.8 juta dan jumlah jualan tahunan sebanyak RM87.1 juta. RDC ini akan menyediakan peluang pekerjaan kepada 59 rakyat Malaysia.

Antara RDC yang diluluskan adalah:

- Intersil International Operations Sdn. Bhd., sebuah anak syarikat Intersil U.S. Corporation yang baru diperbadankan ditubuhkan sebagai RDC untuk mengedar dan memasar produk berkaitan semikonduktor analog kepada syarikat di dalam kumpulannya. Bahagian dan komponen bagi syarikatnya akan diperolehi terutamanya dari pembekal di Amerika Syarikat; dan
- Kohoku Electronics (M) Sdn. Bhd., sebuah syarikat perkilangan wujud yang mengeluarkan terminal *lead tab* bagi kapasitor elektronik aluminium. RDC ini akan mengedar peralatan dan komponen yang kebanyakannya diperolehi daripada syarikat berkaitannya di Jepun dan Singapura.

## **Pejabat Serantau/Perwakilan (RO/RE)**

Setakat ini, sejumlah 754 Pejabat Serantau (RO) dan 1,598 Pejabat Perwakilan (RE) telah diluluskan. RO dan RE ini ditubuhkan terutamanya untuk membantu syarikat asing bagi merancang atau mengatur aktiviti perniagaan kepada pemerbadanan anggota gabungan, anak syarikat dan ejen mereka di Malaysia dan rantau ini.

RO dan RE utama yang diluluskan termasuk:

<b>NEGARA</b>	<b>NAMA PEJABAT SERANTAU/PERWAKILAN</b>	
UK	• Rolls Royce • Westland Helicopters	• SS8 Networks
Perancis	• Peugeot	• Citroen
Amerika Syarikat	• Parsons • Nexus Media • Lifecore Biomedical • WJ Communications	• Gregg Protection • XM Satelite Radio • Vitron • Croll-Reynolds
Republik Korea	• Korea Petroleum • Hyundai	• Samsung • Xener System
Singapura	• Infrasys • D-Link • Kodak Polychrome • Heinz	• Soft Imaging System • Lawson Software • Benlux • LG Display
Republik Ireland	• Tango Telecom	• Red Hat
Australia	• Clarity	• Petrosys
Hong Kong	• T&A Mobile Phones • Laureate	• QAD
Arab Saudi	• Aramco	
Denmark	• Maersk	
UAE	• Sondex	

NEGARA	NAMA PEJABAT SERANTAU/PERWAKILAN
Switzerland	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pelikan</li> <li>• Georg Fischer</li> </ul>
Bermuda	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mitra Energy</li> </ul>
Qatar	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Al-Jazeera</li> </ul>
Scotland	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Total Waste Management</li> </ul>
Thailand	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Keihin</li> </ul>
Jepun	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sanyo Hikari</li> </ul>

Malaysia merupakan pengkalan kepada RO dan RE bagi mengkoordinasi dan menyokong operasi mereka di rantau Asia Pasifik. Penubuhan RO/RE ini akan menyediakan peluang kepada syarikat untuk menubuhkan IPC/RDC dalam jangka masa panjang.

### ***Projek Diluluskan Pada Tahun 2009***

Pada tahun 2009, sejumlah 53 RO dan 84 RE telah diluluskan dengan jumlah pelaburan sebanyak RM65.7 juta. Daripada jumlah ini, pelaburan bagi RO dan RE masing-masing adalah sebanyak RM35.1 juta dan RM30.6 juta. RO/RE ini adalah terutamanya dari Singapura (31), Amerika Syarikat (12), UK (10) dan Jepun (sembilan). RO dan RE ini dijangka akan mewujudkan peluang pekerjaan kepada 289 rakyat Malaysia.

RO dan RE utama diluluskan termasuk: (in table form with 1<sup>st</sup> column country and companies in 2<sup>nd</sup> coloumn)

- Sanyo Hikari dari Jepun;
- Benlux, LG Display dan Heinz dari Singapura;
- Vitron, Croll-Reynolds, Barriersafe Solutions International Inc. dan Bridgelux, Inc. dari Amerika Syarikat;
- Georg Fischer dan Global Supply Chain Ltd dari Switzerland;

- Laureate dan Nikko Entertainment Hong Kong Ltd dari Hong Kong;
- JS Bariatrics BV dari Belanda;
- Airo-Zone 5000 Ltd dari UK; dan
- China Unionpay Co. Ltd. dari Republic Rakyat China.

Malaysia dengan lokasi strategiknya di rantau ASEAN mempunyai peluang yang cerah untuk menjadi hab logistik kepada MNC. Malaysia juga sedang giat mempromosi sektor perkhidmatan memandangkan ia akan mewujudkan pelbagai peluang pertumbuhan terutamanya dalam penubuhan OHQ, IPC dan RDC. Penubuhan ini akan memberi faedah kepada negara dari segi peningkatan perdagangan global, penyediaan peluang pekerjaan mahir, dan peluang perniagaan kepada pemborong dan peruncit tempatan.

## **PERKHIDMATAN SOKONGAN**

Perkhidmatan sokongan merangkumi penyelidikan dan pembangunan (R&D), tenaga boleh diperbaharui dan kecekapan/penjimatan tenaga, rekabentuk kejuruteraan, perkhidmatan logistik bersepadu, perkhidmatan sokongan pasaran bersepadu, perkhidmatan rangkaian sejuk, pembasmian kuman dan kemudahan utiliti berpusat. Pada masa ini, aktiviti-aktiviti perkhidmatan ini merupakan aktiviti perkhidmatan yang sedang digalakkan oleh Kerajaan bagi mempertingkatkan tambahan nilai sektor perlilangan di Malaysia. Penyedia perkhidmatan yang menjalankan aktiviti ini layak memohon insentif cukai dalam bentuk PS dan ITA untuk tempoh 5 ke 10 tahun.

Pada tahun 2009, insentif ini telah diperluaskan kepada perkhidmatan pengujian peralatan perubatan bagi menggalakkan penubuhan makmal pengujian baru bagi peralatan perubatan dan juga mempertingkatkan kemudahan makmal pengujian sedia ada bagi memenuhi piawaian antarabangsa. Usaha mempromosi akan dipertingkatkan bagi menarik pelaburan dalam aktiviti ini.

Sejumlah 202 projek perkhidmatan sokongan telah diluluskan dengan insentif pada tahun 2009 yang melibatkan jumlah pelaburan bernilai RM1.4 bilion. Pelaburan domestik terus mendominasi sektor perkhidmatan sokongan dengan jumlah RM1,001.0 juta (71.6%), manakala pelaburan asing bernilai pelaburan sebanyak RM396.9 juta (28.4%). Sejumlah 5,149 peluang pekerjaan akan diwujudkan melalui projek ini.

**Jadual 4**  
**Pelaburan bagi Projek Diluluskan dalam Perkhidmatan Sokongan, 2009**

Perkhidmatan Sokongan	2009	
	No	RM juta
Tenaga Boleh Diperolehi	18	376.6
Kecekapan/Penjimatan Tenaga	5	375.0
Penyelidikan & Pembangunan (R&D)		
• Insentif R&D	4	25.6
• Skim geran R&D <sup>8</sup>	171	457.9
Perkhidmatan Logistik Bersepadu (ILS)	3	142.3
Perkhidmatan Sokongan Pemasaran Bersepadu (IMS)	1	20.5
<b>Jumlah</b>	<b>202</b>	<b>1,397.9</b>

Daripada 202 projek diluluskan, 18 adalah penjanaan tenaga menggunakan sumber boleh diperbaharui atau tenaga boleh diperbaharui, 175 adalah R&D, lima adalah kecekapan/penjimatan tenaga, tiga bagi perkhidmatan logistik bersepadu dan satu bagi perkhidmatan sokongan pasaran bersepadu. Kebanyakan pelaburan yang diluluskan adalah bagi penjanaan tenaga menggunakan tenaga boleh diperbaharui (RM376.6 juta atau 27.4%), kecekapan/penjimatan tenaga (RM375.0 juta atau 27.2%) dan perkhidmatan logistik bersepadu (RM120.7 juta atau 8.8%). Pelaburan dalam ketiga-tiga kategori ini adalah mewakili 63.4 peratus daripada jumlah pelaburan yang diluluskan.

<sup>8</sup> Statistik kelulusan bagi Skim Geran R&D mewakili tempoh Januari-September 2009 sahaja

## **Tenaga Boleh Diperbaharui**

Bagi memenuhi permintaan tenaga, sumber baru seperti tenaga boleh diperbaharui adalah digalakkan oleh Kerajaan. Sehubungan dengan itu, polisi bahan api yang terdiri daripada minyak, gas asli, hidro dan arang batu telah dilanjutkan bagi menyenaraikan tenaga boleh diperbaharui sebagai bahan api kelima. Sumber utama tenaga boleh diperbaharui bagi penjanaan tenaga termasuk biomas seperti sisa sawit, padi, tebu, kayu, kilang papan serta kilang kertas dikitar semula; sisa pepejal; biogas dari tanah tebusguna, sisa kilang minyak sawit, najis haiwan; hidro-mini; solar dan tenaga angin. Daripada semua sumber-sumber ini, sumber biomas dan tenaga solar adalah digunakan secara meluas bagi penjanaan elektrik.

Sebagai pengeluar utama komoditi pertanian di rantau ini, Malaysia berada di kedudukan yang baik bagi penggalakan penggunaan biomas sebagai sumber tenaga boleh diperbaharui. Sisa kelapa sawit merupakan sumber biomas utama bagi penjanaan tenaga boleh diperbaharui disebabkan oleh ladang kelapa sawit yang luas di negara ini. Industri kelapa sawit dianggarkan dapat menjana sebanyak 65.5 juta tan sisa setiap tahun dalam bentuk tangkai buah kosong (EFB), serat, tempurung dan sisa-sisa kilang minyak sawit (POME). Sejumlah 2,400 megawat (MW) tenaga elektrik boleh dihasilkan jika kesemua sisa ini digunakan sepenuhnya dan diproses untuk menjana tenaga boleh diperbaharui.

Malaysia juga mempunyai potensi besar bagi penjanaan tenaga solar. Program SURIA 1000 yang telah dilancarkan oleh Kerajaan pada tahun 2006 adalah bagi mempertingkatkan penggunaan tenaga solar sebagai sumber tenaga alternatif. Ianya menyedia/menawarkan rebet kewangan ke atas kos pemasangan sistem solar fotovoltik bersepadau bangunan (BIPV) kepada pemilik perumahan dan bangunan komersial. Di bawah program ini, sejumlah 83 pemilik perumahan dan

bangunan komersial dengan keupayaan menjana sejumlah 600 kW tenaga solar telah diluluskan rebet kewangan di antara 42 peratus ke 75 peratus.

Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9), Kerajaan telah mensasarkan hampir 350 megawat (MW) tenaga elektrik akan dijana daripada sumber tenaga boleh diperbaharui menjelang 2010. Insentif yang ditawarkan oleh Kerajaan bagi menggalakan pelaksanaan meluas projek tenaga boleh diperbaharui dengan meluas termasuk:

- Insentif cukai dalam bentuk PS dan ITA bagi syarikat yang menjana tenaga elektrik menggunakan sumber boleh diperbaharui samada untuk kegunaan sendiri atau untuk dijual melalui sistem pengagihan grid;
- Pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas jentera, kelengkapan peralatan dan komponen yang digunakan bagi penjanaan tenaga dan tidak dikeluarkan dalam negara;
- Pengecualian cukai jualan ke atas peralatan yang diperolehi dari pengeluar tempatan;
- Pengecualian duti import dan cukai jualan kepada pengimpor termasuk penyedia perkhidmatan fotovoltik yang diluluskan oleh Suruhanjaya Tenaga bagi mengimport peralatan system fotovoltik solar untuk kegunaan pihak ketiga; dan
- Pengecualian cukai jualan ke atas pembelian peralatan sistem pemanasan solar dari pengeluar tempatan.

Sehingga kini, sejumlah 90 projek telah diluluskan insentif PS atau ITA bagi penjanaan tenaga boleh diperbaharui yang melibatkan pelaburan berjumlah RM2.8 bilion. Projek ini berupaya menjana 498.9 MW tenaga elektrik, 683,714.4 tan wap, 399.9 giga joule (GJ) haba dan 1,030 *refrigerant tonnes* (RT) air dingin yang menggunakan 12.3 juta tan biomass setahun. Sumber biomas adalah sisa

kelapa sawit, kayu, padi, tebu dan sisa pepejal. Daripada projek yang diluluskan, 42 sedang beroperasi yang mana, 27 terletak di Semenanjung Malaysia dan 15 di Sabah.

### ***Projek Diluluskan Pada Tahun 2009***

Pada tahun 2009, sejumlah 18 projek penjanaan tenaga boleh diperbaharui telah diluluskan dengan insentif cukai. Jumlah pelaburan dalam projek ini bernilai RM376.6 juta yang terdiri daripada pelaburan domestik sebanyak RM193.3 juta (51.3%) dan pelaburan asing sebanyak RM183.3 juta (48.7%). Sejumlah 3,449 peluang pekerjaan akan diwujudkan dari projek ini.

Tujuh belas daripada projek diluluskan adalah projek baru dan satu projek pelbagaiaan. Projek ini akan menjana tenaga dalam bentuk elektrik, wap atau haba menggunakan biomas, solar dan tenaga hidro. Daripada jumlah projek yang diluluskan:

- Sembilan projek akan menggunakan 536,807 kWh tenaga solar bagi menjana 169.2 kWp elektrik dan 30 RT air sejuk/dingin;
- Tujuh projek akan menggunakan 700,656 tan biomas bagi menjana 18 MW elektrik dan 134.5 tan wap;
- Satu projek akan menggunakan 43,234,560 m<sup>3</sup> kuasa hidro bagi menjana 2.2 MW elektrik; dan
- Satu projek akan menggunakan 5,430,000 m<sup>3</sup> biogas bagi menjana 0.2 MW elektrik dan 5 tan wap.

Semua tenaga yang dijana daripada projek tenaga solar adalah untuk kegunaan sendiri, manakala 85 peratus tenaga yang dijana daripada biomas dan hidro akan dijual.

Antara projek utama yang diluluskan adalah:

- Satu projek baru yang dijalankan oleh syarikat penyedia perkhidmatan telefon mudah alih milik rakyat asing yang akan menjana elektrik daripada tenaga solar untuk kegunaan sendiri. Pelaburan dalam projek ini berjumlah RM143.1 juta. Projek ini akan menjana 20 kWp elektrik dengan menggunakan 7,200 kWh tenaga solar;
- Satu projek milik majoriti rakyat Malaysia yang dijalankan oleh pemaju harta tanah dengan pelaburan sebanyak RM71.7 juta, bagi menjana 64.8 kWp tenaga elektrik untuk kegunaan sendiri, yang menggunakan 73,476 kWh tenaga solar; dan
- Satu projek milik sepenuhnya rakyat Malaysia dengan pelaburan sebanyak RM52.0 juta, yang akan menjana 11.5 MW tenaga elektrik dan 30 tan tenaga wap yang menggunakan 432,000 tan sisa kelapa sawit. Sepuluh MW tenaga elektrik yang dijana akan dijual kepada Tenaga Nasional Berhad.

### **Kecekapan/Penjimatan Tenaga**

Peningkatan permintaan terhadap tenaga yang disebabkan oleh pembangunan ekonomi yang berterusan akan memberi cabaran ke atas keselamatan tenaga dalam jangka masa panjang. Penjimatan tenaga atau menggunakan tenaga dengan cekap adalah penting bagi melindungi persekitaran dan mencapai pembangunan yang berterusan. Sehubungan dengan itu, Kerajaan terus menggalakkan aktiviti kecekapan/penjimatan tenaga melalui pemberian insentif seperti berikut:

- PS atau ITA kepada perunding atau pembekal perkhidmatan tenaga serta juga syarikat yang melabur dalam projek kecekapan/ penjimatan tenaga;

- Pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas mesin, kelengkapan, peralatan dan komponen di dalam projek-projek kecekapan/penjimatan tenaga;
- Pengecualian duti import dan cukai jualan kepada pengimpor peralatan penjimatan tenaga seperti motor berkecekapan tinggi dan bahan penebat untuk dibekalkan kepada pihak ketiga; dan
- Pengecualian cukai jualan ke atas pembelian produk pengguna cekap tenaga yang dikeluarkan dalam negara seperti peti sejuk, alat hawa dingin, lampu, kipas dan televisyen.

Setakat ini, 19 projek telah diluluskan insentif PS atau ITA bagi aktiviti kecekapan/penjimatan tenaga yang melibatkan pelaburan berjumlah RM4.7 bilion. Daripada projek diluluskan, sembilan projek (RM19.2 juta) terlibat dalam aktiviti kecekapan/penjimatan tenaga, manakala 10 projek (RM4.7 bilion) diluluskan kepada syarikat yang menjalankan aktiviti kecekapan/penjimatan tenaga untuk kegunaan sendiri. Daripada 19 projek diluluskan, 18 projek ditempatkan di Semenanjung Malaysia dan telah memulakan operasi. Projek ini akan dapat menjimatkan hampir 685 MW tenaga elektrik setahun.

### ***Projek Diluluskan Pada Tahun 2009***

Pada tahun 2009, lima projek kecekapan/penjimatan tenaga telah diluluskan dengan insentif cukai yang melibatkan pelaburan sebanyak RM375.0 juta. Pelaburan domestik bernilai RM198.4 juta atau 52.9 peratus daripada jumlah pelaburan. Jumlah nilai penjimatan tenaga yang dijimatkan daripada projek ini bernilai RM766,414 manakala jumlah tenaga yang dijimatkan adalah 153.7 MW setahun.

Antara projek utama yang diluluskan adalah:

- Satu pengusaha supermarket milik majoriti rakyat asing yang menjalankan projek kecekapan/penjimatan tenaga untuk kegunaan sendiri yang melibatkan pelaburan berjumlah RM235.0 juta. Penjimatan tenaga bagi projek ini berjumlah 94.0 MW yang menghasilkan penjimatan tenaga bernilai RM585,572 setahun;
- Satu pemaju harta tanah milik majoriti rakyat Malaysia yang menjalankan projek kecekapan/penjimatan tenaga bagi sebuah bangunan 26 tingkat yang sedang dibina yang melibatkan pelaburan berjumlah RM126.5 juta. Projek ini akan menggunakan *chiller* (penyejuk) kecekapan tenaga yang boleh menjimatkan tenaga hampir 18.7 MW yang akan menghasilkan penjimatan tenaga berjumlah RM74,023 setahun; dan
- Satu projek baru yang dilaksanakan oleh satu perunding tenaga bagi menjimatkan tenaga sebuah institusi pendidikan yang melibatkan pelaburan sebanyak RM9.3 juta. Tenaga yang dijimatkan bagi projek ini berjumlah 20.5 MW yang memberikan nilai penjimatan sebanyak RM13,875 melalui penggantian sistem penyejukan sedia ada yang menggunakan kelengkapan kecekapan tenaga.

### **Penyelidikan dan Pembangunan (R&D)**

Perkhidmatan R&D termasuk rekabentuk perindustrian (pembangunan proses dan produk termasuk merekabentuk dan prototaip) serta perkhidmatan penyelidikan yang disediakan oleh pusat rekabentuk, syarikat R&D kontrak, syarikat R&D, institusi penyelidikan/syarikat R&D yang diluluskan.

Sehingga kini, sejumlah 105 projek R&D yang melibatkan pelaburan sebanyak RM1.4 bilion telah diluluskan insentif PS atau ITA. Pelaburan asing dalam projek ini berjumlah RM934.9 juta (67.4%) manakala pelaburan domestik berjumlah RM451.2 juta (32.6%). Pelaburan dalam R&D adalah terutamanya dalam industri E&E (36 projek/RM697.7 juta), kimia dan produk kimia (16 projek/RM221.4 juta), jentera dan kelengkapan (10 projek/RM141.1 juta) serta kelengkapan

pengangkutan (19 projek/RM78.9 juta). Sejumlah 3,107 peluang pekerjaan akan diwujudkan oleh projek ini.

### ***Projek Diluluskan Pada Tahun 2009***

Pada tahun 2009, empat projek R&D telah diluluskan insentif PS atau ITA yang terdiri daripada dua syarikat R&D kontrak dan dua projek R&D dalaman. Jumlah pelaburan adalah sebanyak RM25.6 juta, di mana pelaburan domestik sebanyak RM19.1 juta (74.6%) dan RM6.5 juta (25.4%) adalah pelaburan asing.

Selain insentif cukai, Kerajaan juga menyediakan bantuan kewangan lain dalam bentuk geran bagi menggalakkan industri menjalankan aktiviti R&D dan mengkomersialkan hasil R&D. Bagi tempoh Januari September 2009, sejumlah 171 projek R&D dengan jumlah pelaburan sebanyak RM457.9 juta diluluskan di bawah skim bantuan kewangan berikut:

- Skim Geran Aplikasi Demonstrator /Techno/Sains – 123 projek dengan pelaburan sebanyak RM224.2 juta;
- Skim Dana Pengkomersilan R&D (CRDF)/Skim Dana Pemilikan Teknologi (TAF) - 27 projek dengan pelaburan sebanyak RM213.2 juta; dan
- Skim Geran R&D MSC - 21 projek dengan pelaburan sebanyak RM20.5 juta.

### **Perkhidmatan Logistik Bersepadu (ILS)**

Aktiviti utama dalam industri perkhidmatan logistik bersepadu (ILS) merangkumi penghantaran barang, pengudangan, pengangkutan dan perkhidmatan nilai ditambah berkaitan lain seperti pengedaran, perolehan dan pengurusan rantaian bekalan berdasarkan prinsip bersepadu.

Pada masa ini, syarikat yang menjalankan ILS adalah layak untuk memohon PS atau ITA. Objektif pemberian insentif ILS adalah untuk mewujudkan industri

logistik yang kompetitif dan cekap bagi menggalakkan integrasi dan penggabungan pelbagai pengantara pengangkutan di sepanjang rantaian bekalan logistik di Malaysia. Oleh yang demikian, syarikat Malaysia digalakkan untuk membesar dan meneroka ke dalam perkhidmatan nilai ditambah yang lebih tinggi bagi membolehkan mereka bersaing di peringkat antarabangsa.

Sejumlah 24 syarikat dengan pelaburan bernilai RM2.1 bilion telah diluluskan insentif ILS. Daripada jumlah ini, lima adalah projek baru dan 19 adalah projek pembesaran.

Pada tahun 2009, tiga syarikat ILS telah diluluskan seperti berikut:

- i) Satu projek pembesaran oleh syarikat milik rakyat Malaysia dengan pelaburan sebanyak RM48.4 juta bagi menjalankan aktiviti *non-vessel operating common carrier* (NVOCC), pengendalian kontena, aktiviti pergudangan dan pengagihan di Port Klang, Selangor;
- ii) Satu projek pembesaran oleh syarikat diperbadan tempatan bagi membina gudang sendiri, memperoleh kelengkapan pengangkutan tambahan serta menggabungkan aktiviti nilai ditambah seperti pembungkusan, pembungkusan semula, penjenisan, penggredan, pensampelan dengan pelaburan tambahan sebanyak RM54.0 juta di Nilai, Negeri Sembilan; dan
- iii) Satu projek pembesaran oleh syarikat milik rakyat Malaysia di Bukit Kayu Hitam, Kedah untuk memperbesarkan kemudahan gudang sedia ada dan menambah bilangan penggerak utama dan kelengkapan ICT dengan pelaburan tambahan sebanyak RM39.8 juta.

### **Perkhidmatan Logistik Bersepadu Antarabangsa (IILS)**

Skim Perkhidmatan Logistik Bersepadu Antarabangsa (IILS) telah diperkenalkan pada tahun 2008. Kerajaan telah mengumumkan satu perkembangan besar

dalam sektor logistik di mana akses telah diberikan kepada syarikat logistik bersepada antarabangsa bagi Lesen Agen Kastam. Lesen ini dahulunya dihadkan kepada penyedia perkhidmatan logistik domestik dan kini telah dibuka kepada penyedia perkhidmatan logistik antarabangsa (IILS) tanpa sebarang sekatan ekuiti. Lesen Agen Kastam ini akan diberikan kepada penyedia IILS berkelayakan yang boleh menyediakan perkhidmatan logistik bersepada dan seamless (pintu ke pintu) sepanjang rantai nilai logistik sebagai sebuah entiti yang berskala rantau dan global.

Pada tahun 2009, sebuah syarikat tempatan sedia ada di Selangor dengan pelaburan sebanyak RM208.0 juta telah diluluskan status IILS. Syarikat ini bercadang untuk menjalankan aktiviti penghantaran barang, pergudangan, pengangkutan dan perkhidmatan nilai ditambah iaitu Vendor Managed Inventories (VMI), pengurusan logistik di tapak, pengangkutan seberang sempadan, pengurusan penyumberan pengangkutan. Syarikat ini mempunyai rangkaian dengan penyedia perkhidmatan logistik luar negara seperti Hong Kong, Republik Rakyat China, Singapura, Filifina, Emiriah Arab Bersatu dan Kepulauan British Virgin. Malaysia dijangka menjadi penyedia perkhidmatan rantai bekalan logistik di rantau ini.

### **Perkhidmatan Sokongan Pemasaran Bersepada (IMS)**

Perkhidmatan Sokongan Pemasaran Bersepada (IMS) terdiri daripada aktiviti-aktiviti penjenamaan, penyelidikan pasaran dan pengurusan perhubungan pelanggan. Setakat ini, tujuh syarikat telah diluluskan insentif PS bagi menjalankan aktiviti sokongan pasaran bersepada yang melibatkan pelaburan sebanyak RM34.2 juta.


Pada tahun 2009, sebuah syarikat penyelidikan pasaran milik sepenuhnya rakyat asing dengan pelaburan sebanyak RM20.5 juta telah diluluskan PS bagi menjalankan perkhidmatan penyelidikan dan penjenamaan bagi industri makanan. Syarikat ini merupakan anak syarikat kepada sebuah syarikat awam

yang berpengkalan di UK yang beroperasi di 60 buah negara. Penyedia perkhidmatan penjenamaan termasuk rekabentuk dan pembangunan jenama, penggalakan jenama dan rekabentuk pembungkusan manakala perkhidmatan penyelidikan merangkumi kajian kebolehlaksanaan, penyelidikan pengguna, penyelidikan pasaran dan penyelidikan ke atas pembangunan produk.

## SYARIKAT BERSTATUS MSC

Setakat 31 Disember 2009, sejumlah 2,520 syarikat telah diluluskan status MSC oleh Perbadanan Pembangunan Multimedia Sdn. Bhd. (MDeC). Daripada jumlah ini, 1,879 (74.5%) adalah milik majoriti rakyat Malaysia, 566 adalah milik majoriti rakyat asing (22.4%) dan 75 adalah milik bersama. Kesemua 2,520 syarikat ini dikategorikan kepada empat kelompok teknologi utama iaitu multimedia kreatif, perkhidmatan perkongsian dan penyumberan luar (SSO), teknologi maklumat (InfoTech) dan institusi pengajian tinggi & inkubatur. Daripada 2,520 syarikat berstatus MSC, sejumlah 1,956 atau 78.0 peratus adalah sedang beroperasi.

**Graf 33**  
**Syarikat Bertaraf MSC yang Diluluskan dan Beroperasi dalam Kelompok Teknologi pada 31 Disember, 2009**



Sumber : Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDeC)

Berdasarkan Laporan Perindustrian Tahunan Malaysia MSC 2008, kedua-dua jualan tempatan dan eksport syarikat berstatus MSC Malaysia meningkat pada tahun 2008, yang meningkatkan jumlah pendapatan sebanyak 27.5 peratus kepada RM21.8 bilion pada tahun 2008. Penyumbang terbesar kepada pendapatan keseluruhan pada tahun 2008 adalah teknologi maklumat dengan sumbangan sebanyak 43.0 peratus.

Pada tahun 2009, sejumlah 284 syarikat diluluskan Status MSC dengan pelaburan sebanyak RM2.2 bilion. Pelaburan domestik berjumlah RM1.5 bilion (71.0%) manakala pelaburan asing berjumlah RM623.0 juta (29.0%). Sejumlah 13,587 peluang pekerjaan dijangka akan diwujudkan oleh syarikat MSC. Daripada 284 syarikat yang diberikan Status MSC pada tahun 2009, sebanyak 221 syarikat (78.0%) adalah milik sepenuhnya rakyat Malaysia, 56 syarikat (20.0%) adalah sepenuhnya milik rakyat asing dan baki tujuh syarikat (2.0%) adalah usahama. Pada tahun 2008, sejumlah 242 syarikat telah diluluskan Status MSC dengan pelaburan sebanyak RM1.78 bilion.

## **PENGANGKUTAN**

Subsektor pengangkutan merangkumi pengangkutan maritim, penerbangan serta pembinaan dan penyelenggaraan lebuhraya.

Bagi tempoh Januari-September 2009, sejumlah 26 projek telah diluluskan dengan pelaburan sebanyak RM7.7 bilion dan merupakan pelaburan terbesar dalam sektor perkhidmatan. Pelaburan domestik berjumlah RM7.6 bilion (98.7%) dan pelaburan asing bernilai RM45.0 juta (1.3%). Pelaburan yang diluluskan dalam subsektor pengangkutan pada tahun 2009 melebihi pelaburan yang diluluskan pada tahun 2008 iaitu sebanyak RM1.4 bilion (19 projek).

Pelaburan yang diluluskan pada tahun 2009 adalah terutamanya dalam subsektor penerbangan dengan 16 projek bernilai RM7.6 bilion. Sembilan projek diluluskan dalam subsektor maritim dengan pelaburan berjumlah RM66.5 juta

manakala satu projek telah diluluskan bagi pembinaan dan penyelenggaraan lebuhraya (RM2.1 juta).

## **TENAGA**

Subsektor tenaga merangkumi pengeluar tenaga bebas (IPP); serta penjanaan, pengaliran dan pengagihan tenaga elektrik oleh Tenaga Nasional Bhd. (TNB), Syarikat SESCO Bhd. (SESCO) dan Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB).

Bagi tempoh Januari-September 2009, satu projek dengan pelaburan bernilai RM5.0 bilion diluluskan dalam subsektor ini (100% pelaburan domestik). Jumlah pelaburan yang diluluskan bagi subsektor ini pada tahun 2009 adalah lebih tinggi berbanding dengan pelaburan yang diluluskan pada tahun 2008 iaitu sebanyak RM4.4 bilion. Subsektor ini masih merupakan salah satu penyumbang utama kepada pelaburan dalam sektor perkhidmatan.

## **PERKHIDMATAN KEWANGAN**

Pelaburan dalam perkhidmatan kewangan merangkumi perbankan, insuran dan pasaran modal (modal teroka, pengurusan dana, penasihat pelaburan dan pembrokeran).

Bagi tempoh Januari-September 2009, sejumlah 46 projek diluluskan dalam subsektor perkhidmatan kewangan dengan pelaburan sebanyak RM3.7 bilion. Pelaburan domestik berjumlah RM3.6 bilion (97.3%) manakala pelaburan asing berjumlah RM93.5 juta (2.7%).

Bilangan projek dan pelaburan yang diluluskan dalam subsektor perkhidmatan kewangan pada tahun 2009 (Januari-September) dan 2008 adalah seperti berikut:

**Jadual 5**  
**Pelaburan bagi Projek Diluluskan dalam Perkhidmatan Kewangan, 2009**  
**(Januari-September) dan 2008**

Aktiviti	Jan – Sept 2009		2008	
	No.	RM juta	No.	RM juta
Perbankan	11	3,448.8	23	4,107.4
Insurans	15	190.5	21	284.9
Pasaran Modal	20	65.4	35	378.7
<b>JUMLAH</b>	<b>46</b>	<b>3,704.7</b>	<b>79</b>	<b>4,771.0</b>

Perbankan menyumbang jumlah pelaburan terbesar dalam subsektor perkhidmatan kewangan iaitu sebanyak RM3.4 bilion atau 93.1 peratus dan diikuti oleh insuran (RM190.5 juta) serta pasaran modal (RM65.4 juta).

Pembrokeran dan pengurusan dana merupakan antara penyumbang utama kepada pelaburan dalam pasaran modal yang berjumlah masing-masing RM32.0 juta dan RM31.0 juta.

## TELEKOMUNIKASI

Subsektor telekomunikasi meliputi kemudahan jaringan, perkhidmatan jaringan, perkhidmatan aplikasi (termasuk perkhidmatan aplikasi kandungan), pos dan penyiaran.

Bagi tempoh Januari-September 2009, dianggarkan jumlah pelaburan bernilai RM3.8 bilion di mana kesemuanya adalah pelaburan domestik. Sebilangan projek baru yang memulakan operasi pada tahun 2009 untuk mempercepat dan mempertingkatkan infrastruktur dan perkhidmatan komunikasi. Pembekal

perkhidmatan telefon mudah alih telah membuat pelaburan untuk mempertingkatkan kepantasan seperti 3G/HSPA+ manakala pembekal perkhidmatan jalur lebar tanpa wayar seperti Packet One Networks (Malaysia) Sdn. Bhd., Redtone Telecommunications Sdn. Bhd., Asiaspace Sdn. Bhd. dan YTL Communications Sdn. Bhd. telah membuat pelaburan dalam perkhidmatan WiMAX.

### **HARTANAH (PERUMAHAN)**

Subsektor harta tanah adalah merangkumi industri perumahan (tidak termasuk bangunan komersial) di Semenanjung Malaysia.

Subsektor harta tanah adalah antara subsektor perkhidmatan terbesar dari segi pelaburan yang diluluskan pada Januari-September 2009. Sejumlah 641 projek telah diluluskan dengan pelaburan berjumlah RM3.1 bilion. Pelaburan domestik mewakili 96.7 peratus (RM3.0 bilion) daripada jumlah pelaburan dalam subsektor ini.

### **PERDAGANGAN PENGEDARAN**

Subsektor perdagangan pengedaran merangkumi perdagangan borong dan runcit, pasaraya besar/pasaraya, gedung membeli-belah dan jualan langsung, francais dan projek yang diluluskan di bawah Akta Pembangunan Petroleum, 1974.

Sejumlah 481 projek telah diluluskan dengan pelaburan sebanyak RM1.6 bilion bagi tempoh Januari-September 2009. Pelaburan asing berjumlah RM900.8 juta (56.1%) manakala pelaburan domestik berjumlah RM705.6 juta (43.9%).

Pelaburan dalam perdagangan pengedaran adalah:

- Pasaraya besar dan pasaraya (16 projek) dengan pelaburan sebanyak RM650.0 juta atau 40.4 peratus daripada jumlah pelaburan dalam subsektor ini;
- Perdagangan borong dan runcit (175 projek) dengan pelaburan sebanyak RM577.6 juta;
- Projek diluluskan di bawah Akta Pembangunan Petroleum, 1974 dengan pelaburan sebanyak RM217.1 juta;
- Gedung membeli belah (4 projek) dengan pelaburan sebanyak RM80.0 juta;
- Jualan langsung (26 projek) dengan pelaburan sebanyak RM41.7 juta; dan
- Francais (113 projek) dengan pelaburan berjumlah RM40.0 juta.

## **HOTEL DAN PELANCONGAN**

Sejumlah 23 projek telah diluluskan dalam subsektor hotel dan pelancongan bagi tempoh Januari-September 2009 dengan pelaburan sebanyak RM589.0 juta yang mana kesemuanya adalah pelaburan domestik.

**Jadual 6**  
**Pelaburan bagi Projek Diluluskan dalam Industri Hotel dan Pelancongan, 2009**  
**(Januari-September) dan 2008**

<b>Aktiviti</b>	<b>Jan – Sept 2009</b>		<b>2008</b>	
	<b>No.</b>	<b>RM juta</b>	<b>No.</b>	<b>RM juta</b>
Projek Hotel:				
- Dengan Insentif	9	198.7	20	987.8
- Lain-lain	7	325.0	15	837.1
Projek Pelancongan:				
- Dengan Insentif	-	-	3	48.7
- Lain-lain	7	65.4	6	56.1
<b>JUMLAH</b>	<b>23</b>	<b>589.0</b>	<b>44</b>	<b>1,929.6</b>

## **PERKHIDMATAN KESIHATAN**

Perkhidmatan kesihatan merangkumi kelulusan kepada institusi penjagaan kesihatan swasta.

Bagi tempoh Januari-September 2009, kelulusan telah diberikan kepada empat institusi penjagaan kesihatan swasta (terdiri daripada hospital, pusat bersalin, pusat penjagaan kejururawatan dan pusat pakar perubatan) yang melibatkan pelaburan sebanyak RM12.4 juta yang mana kesemuanya adalah pelaburan domestik.

Bagi meneruskan promosi dan pembangunan industri pelancongan kesihatan negara dan menggalakkan hospital swasta lebih berorientasikan eksport, insentif istimewa kepada industri pelancongan penjagaan kesihatan, telah diumumkan pada tahun 2009. Antara insentif tersebut adalah:

- 100 peratus pengecualian cukai ke atas peningkatan nilai export yang tertakluk kepada 70 peratus pendapatan statutori bagi setiap tahun taksiran diberikan kepada penyedia perkhidmatan penjagaan kesihatan yang

menawarkan perkhidmatan kepada pesakit warga asing di Malaysia. Pesakit warga asing tidak termasuk:

- bukan warganegara Malaysia yang menyertai program Rumah Kedua Ku termasuk tanggungannya;
- bukan warganegara Malaysia yang memiliki pas pelajar Malaysia termasuk tanggungannya;
- bukan warganegara Malaysia yang memiliki pas penggajian Malaysia termasuk tanggungannya;
- warganegara Malaysia yang bukan bermastautin menetap di luar Negara termasuk tanggungannya;
- 100 peratus ITA ke atas perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan ke atas pembinaan hospital swasta baru dan pembesaran/pembaikpulihan ke atas hospital swasta sedia ada. Elaun ini boleh digunakan untuk ditolak sehingga 100 peratus daripada pendapatan statutori bagi setiap tahun taksiran untuk tempoh 5 tahun. Insentif ini berkuatkuasa bagi permohonan yang diterima bermula daripada 1 Januari 2010 dan berakhir pada 31 Disember 2014;
- Kajian semula ke atas peraturan pengiklanan bagi memaklumkan perubahan peranan hospital swasta di dalam menggalakan pelancongan penjagaan kesihatan;
- Potongan dua kali ke atas perbelanjaan yang dilakukan oleh hospital swasta bagi mendapatkan akreditasi yang diiktiraf di peringkat domestik atau antarabangsa;
- Pemberian secara automatik pas penggajian/profesional kepada pasangan warganegara Malaysia atau pakar perubatan warganegara asing yang

berkelayakan sebagai professional di bawah Pengelasan Pekerjaan Malaysia; dan

- Pemberian permit pengangkutan yang digunakan pesakit dari lapangan terbang ke hospital, penukaran status visa semasa ketibaan kepada pas lawatan sosial kepada warganegara asing yang ingin mendapatkan rawatan perubatan dan mempercepatkan kelulusan untuk tinggal di negara ini kepada pelancong perubatan di peringkat negeri.

## **PERKHIDMATAN PENDIDIKAN**

Perkhidmatan pendidikan merangkumi kolej/universiti swasta, institusi pengajian swasta dan pusat kemahiran.

Sejumlah 136 projek diluluskan bagi penubuhan institusi pengajian yang melibatkan pelaburan sebanyak RM12.2 juta bagi tempoh Januari-September 2009, yang mana kesemuanya merupakan pelaburan domestik.

Pelaburan dalam perkhidmatan pendidikan adalah dalam pusat-pusat kemahiran yang berjumlah RM7.3 juta (46 projek) dan institusi pengajian swasta (RM4.9 juta/90 projek).

## 5. TINJAUAN PELABURAN

Aliran FDI global pada tahun 2009 adalah dipengaruhi oleh krisis kewangan dan ekonomi yang melanda dunia. Berdasarkan penerbitan suku tahunan UNCTAD terbaru, aliran masuk FDI global menurun sebanyak 40 peratus kepada US\$1.0 trilion pada tahun 2009 daripada US\$1.7 trilion pada tahun 2008. Begitu juga aliran masuk FDI ke negara sedang membangun dan ekonomi peralihan menurun sebanyak 39 peratus pada tahun 2009.

Selaras dengan trend ini, pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkilangan di Malaysia berjumlah RM32.6 bilion pada tahun 2009 berbanding dengan RM62.8 bilion pada tahun 2008. Walau bagaimanapun, ianya masih melebihi purata sasaran pelaburan tahunan sebanyak RM27.5 bilion yang disasarkan di bawah Pelan Induk Perindustrian Ketiga (IMP3).

Malaysia masih kekal menjadi destinasi pelaburan yang kompetitif di rantau ini serta terus mampu menarik pelaburan asing ke tahap yang memberangsangkan dalam sektor perkilangan. Pelaburan asing dalam projek perkilangan yang diluluskan pada tahun 2009 berjumlah RM22.1 bilion, iaitu kembali kepada tahap sebelum rekod pelaburan asing yang dicatatkan dalam dua tahun kebelakangan ini. Pelaburan domestik dalam projek yang diluluskan pada tahun 2009 berjumlah RM10.5 bilion. Ini menunjukkan minat yang berterusan di kalangan pelabur domestik di dalam sektor perkilangan.

Pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkhidmatan berjumlah RM29.5<sup>9</sup> bilion pada tahun 2009. Menyedari pertumbuhan dan potensi pelaburan dalam sektor perkhidmatan, Kerajaan telah meliberalisasikan 27 subsektor perkhidmatan yang mana tiada sebarang sekatan ekuiti dikenakan. Subsektor ini adalah dalam bidang perkhidmatan kesihatan dan sosial, perkhidmatan pelancongan,

---

<sup>9</sup> Statistik kelulusan bagi sektor perkhidmatan adalah berdasarkan projek diluluskan bagi tempoh Januari-September 2009, kecuali projek yang diluluskan oleh MITI/MIDA dan syarikat berstatus MSC diluluskan oleh MOSTI adalah untuk tempoh satu tahun, 2009.

perkhidmatan pengangkutan, perkhidmatan perniagaan, komputer serta perkhidmatan berkaitan. Kerajaan akan terus meliberalisasi subsektor perkhidmatan lain secara berperingkat-peringkat.

Berdasarkan *World Investment Report* UNCTAD 2009, aliran masuk FDI dijangkakan akan pulih secara sederhana pada tahun 2010, sebelum pulih sepenuhnya pada tahun 2011. Berteraskan pemulihan ekonomi global dan suasana pelaburan serta jangkaan pertumbuhan ekonomi Malaysia sebanyak 2.0 - 3.0 peratus pada tahun 2010, pelaburan asing Malaysia dijangka akan kekal pada tahun 2010.

Selaras dengan hasrat Kerajaan untuk berpindah kepada model ekonomi baru yang berlandaskan kepada inovasi, kreativiti dan aktiviti nilai ditambah tinggi, penekanan utama perlu diberikan dalam usaha untuk menarik pelaburan yang berkualiti dalam projek berpengetahuan dan berintensif teknologi yang mana tidak semestinya memerlukan pelaburan yang besar. Teknologi hijau termasuk tenaga boleh diperbaharui telah dikenalpasti sebagai bidang pertumbuhan oleh Kerajaan. Teknologi ini tidak hanya membantu dalam memelihara persekitaran tetapi juga menyediakan peluang perniagaan yang kompetitif kepada negara. Usaha-usaha juga akan dipertingkatkan bagi mengenalpasti dan menarik industri yang disasarkan yang mana Malaysia mempunyai kekuatan serta bidang pertumbuhan baru seperti automotif, aeroangkasa, tenaga boleh diperbaharui, elektronik, petrokimia, bioteknologi, jentera dan kelengkapan serta peralatan perubatan.

Bagi mengekalkan tahap aliran masuk pelaburan ke dalam sektor perkilangan serta perkhidmatan, Kerajaan akan terus bertindakbalas terhadap cabaran dari tempatan dan global supaya lebih berdaya saing. Sehubungan dengan itu, Kerajaan akan memastikan suasana pelaburan sentiasa kondusif dan kompetitif terutamanya dari segi sistem penyampaian, kos menjalankan perniagaan,

penyediaan insentif cukai, infrastruktur serta penyediaan tenaga kerja yang mahir dan berpengetahuan.